



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 2697]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 2736]

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [2736]

Rancangan Malaysia Ketiga 1976-1980 (Hari Kedua) [Ruangan 2737]

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan [Ruangan 2807]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.**
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).**
- „ **Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).**
- Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).**
- „ **Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).**
- „ **Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).**
- „ **Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).**
- „ **Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).**
- „ **Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).**
- „ **Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).**
- „ **Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).**
- „ **Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).**
- „ **Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Kuala Langat).**
- „ **Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).**
- „ **Menteri Pertanian, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J. (Pontian).**
- „ **Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).**
- „ **Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).**
- „ **Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).**
- „ **Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).**
- „ **Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).**

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- " Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datoh).
- " Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- " Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N., (Jerantut).
- " Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- " Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- " Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SERI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- " Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- " Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK HAJI ABDULLAH BIN AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K. (Machang).
- " Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- " Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).
- " Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- " Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- " Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai)
- " Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN ABDULLAH MAJID, K.M.N. (Raub).
- " Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR GOH CHENG TEIK, (Nibong Tebal).
- " Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- " Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- " Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- " Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan,
TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat,
TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN
(Bau-Lundu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL
RAHMAN (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR NASIR BIN
ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAN BIN HAJI OTHMAN (Kemaman).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P.
(Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABDUL SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).

Yang Berhormat TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).

- " **TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).**
- " **DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerab).**
- " **TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).**
- " **TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).**
- " **DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).**
- " **TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).**
- " **DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).**
- " **TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).**
- " **TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).**
- " **TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).**
- " **TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).**
- " **TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).**
- " **TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubók Antu).**
- " **TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).**
- " **TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).**
- " **TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).**
- " **TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).**
- " **TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).**
- " **TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).**
- " **DR LIM CHONG EU (Tanjong).**
- " **TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).**
- " **TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).**
- " **DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).**
- " **DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).**
- " **TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).**
- " **TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).**
- " **TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).**
- " **DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).**
- " **TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).**
- " **TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).**
- " **DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Pekan).**
- " **TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).**
- " **TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).**
- " **TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).**
- " **TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).**
- " **TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).**
- " **TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).**
- " **TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).**

Yang Berhormat DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K.
(Ulu Trengganu).

- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N., (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN ONN ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Salleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Hari Selasa, 20hb Julai, 1976

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN

POKOK GETAH DI RANCANGAN FELDA

1. **Dr Tan Chee Khoon** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan samada beliau sedar hanya di antara 300 hingga 500 pokok getah sahaja telah ditanam di tiap-tiap tujuh ekar tanah rancangan FELDA walaupun Pusat Penyelidikan Getah merumuskan bahawa 120 pokok getah boleh ditanam bagi seekor tanah, jika ya, nyatakan tindakan yang telah diambil ke atas perkara ini dan adakah amalan-amalan salah telah berlaku bila pokok-pokok ini mula-mula ditanam dahulu.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Haji Mohd. Asri bin Haji Muda): Tuan Yang di-Pertua, Rancangan FELDA di mana peneroka mendapat 7 ekar tanah getah dan bilangan purata pokok getah di dalam satu lot ialah sebagaimana yang saya akan sebutkan ini :

<i>Rancangan</i>	<i>Peringkat</i>	<i>Tarikh Ditanam</i>	<i>Bil. Pokok</i>
(a) Kg. LBJ 	1	Dis. 1961 	806
	2	Nov. 1962 	708
	3	Okt. 1964 	793
(b) Ijok 	1	Okt. 1961 	595
	2	Dis. 1962 	653
	3	Sept. 1964 	731
	4	Nov. 1967 	959
(c) Gedangsa 	1	Nov. 1961 	489
	2	Oct. 1962 	670
	3	Apr. 1964 	690
	4	Okt. 1967 	855
(d) Sendayan 	1	Nov. 1961 	864
	2	Sept. 1962 	852
	3	Okt. 1964 	980
(e) Kg. New Zealand ...	1	Nov. 1961 	806
	2	Nov. 1962 	814

Pada dasarnya FELDA menanam sebanyak 161 pokok seekar dan bilangan ini menjadi kurang dari setahun ke setahun. Kadar kehilangan pokok bergantung khasnya kepada jagaan yang diberi oleh seseorang peneroka itu. Jika jagaannya kurang memuaskan dan tidak mengikut peraturan-peraturan baik yang telah ditetapkan, maka bilangan pokok yang tinggal tentulah kurang daripada yang sepatutnya.

Ada kalanya berlaku juga kehilangan pokok oleh sebab dimusnahkan oleh angin ribut, kebakaran dan serangan musuh-musuh seperti gajah, dan lain-lain. Apabila mengadakan penyukatan lot dan menetapkan pembayaran balik hutang, bilangan pokok yang ada pada masa yang tertentu itu sahaja diberi pertimbangan dan kawasan lot dan tanggungan hutang diubahsuai mengikut keadaan.

Untuk membantu mereka ini, FELDA juga telah memajukan kawasan simpanan seluas lebih kurang 2 ekar seorang bagi tanaman getah atau kelapa sawit dan kawasan itu akan diserahkan kepada peneroka apabila mengeluarkan hasil kelak.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Menteri berkenaan mengatakan biasanya rancangan L.K.T.P. atau FELDA telah menanam 106 pokok seekar, jikalau tidak salah saya. Mengapakah FELDA menanam 106 pokok satu ekar sedangkan kita sedar R.R.I. telah menasihatkan atau biasanya di dalam kebun-kebun R.R.I. mereka menanam 120 ekar. Mengapa berbeza antara FELDA dan R.R.I.?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tadi dalam jawapan Yang Berhormat Menteri telah meliputi soalan ini. Adakah Yang Berhormat Menteri hendak menambab lagi.

Datuk Haji Mohd. Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak membetulkan, saya bukan kata 106-161 pada dasarnya, mengikut keadaan kedudukan tanah dan jenis tanahnya sendiri.

Dr Tan Chee Khoo: Tuan Yang di-Pertua, sekarang kita telah dengar Menteri yang berkenaan mengatakan 161. Apa yang saya hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan, jika tidak salah saya, di dalam sebuah tanah yang 7 ekar biasanya mereka

telah sebutkan ada peneroka-peneroka menanam 500 lebih atau 600 lebih. Jika apa yang disebutkan benar, Tuan Yang di-Pertua, mengapakah begitu kurang daripada kebiasaannya iaitu 161 pokok seekar. Oleh sebab 161 pokok satu ekar ini bermakna 7 ekar boleh menanam 1,000 lebih pokok.

Datuk Haji Mohd. Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya kata tadi walaupun pada dasarnya kita menetapkan 161 pokok pada seekar, tetapi ini bergantung pula kepada keadaan jenis tanah. Pada masa yang lalu memang ada seperti di kawasan Gedangsa yang ditanam pada tahun 1961 jumlah pokoknya ialah 489 sahaja, tetapi perkembangan-perkembangan yang terakhir sesudah mendapat benih yang baik dan sesudah mendapat teknik baharu, maka jumlah penanaman itu ditambah sepertimana yang saya katakan tadi ada yang sampai 800 dan ada yang lebih daripada 900 ada yang sampai 959 pokok bagi 7 ekar. Semuanya ini bergantung kepada keadaan tanah dan jenis tanah itu sendiri. Dan seperti kata saya tadi walaupun ditanam sebanyak mana sekalipun akhirnya pokok-pokok itu berkurang oleh kerana kurang penjagaan atau oleh kerana diserang oleh musuh-musuh tanaman, ribut atau kebakaran.

Walaupun bagaimanapun peneroka tidak akan teraniaya sebab tatkala hendak dihitung hutang bagi dibayar balik perhitungannya adalah berdasarkan kepada jumlah pokok yang ada.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, mengikut kenyataan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri tadi di antara kekurangan pokok-pokok getah ini disebabkan ribut ataupun dibinasakan oleh binatang-binatang. Apa yang saya ingin tahu adakah Kementerian yang berkenaan dapat mengatasi masalah penyakit-penyakit yang menyerang sesuatu ladang getah itu apa yang dikenali dengan penyakit cendawan lapuk yang sebelum ini apa yang saya dapat tahu tidak dapat diatasi oleh peneroka-peneroka ataupun pekebun-pekebun kecil. Selain daripada itu

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Mengapakah panjang sangat soalan ini?

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Dua soalan sekali, kalau diizinkan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Bolehlah, sila teruskan!

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Selain daripada itu, mengenai pokok-pokok getah yang berkurangan dengan sebab dilanda ribut ataupun kebakaran, adakah Kementerian yang berkenaan berusaha ataupun berikhtiar untuk menggantikan pokok-pokok baharu di dalam ladang-ladang getah yang terkena kerosakan ini.

Datuk Haji Mohd. Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan tambahan yang pertama musuh-musuh yang menyerang pokok getah seperti ribut umpamanya memanglah kita tidak berupaya hendak menghalang dan demikian juga soal kebakaran, soal kebakaran ini kadang-kadang berlaku oleh kerana kurang cermatnya orang-orang yang lalu-lalang dalam kawasan itu membuang api rokok dan sebagainya.

Berhubung dengan soalan penyakit seperti saya nyatakan tadi kalau peneroka itu daripada awal lagi mengikut arahan dan peraturan yang dikenakan dalam menjaga pokok-pokoknya, maka penyakit itu payah akan datang. Payah dihindangi pokok-pokok itu oleh penyakit tetapi bila sudah dihindangi penyakit seperti itu kita tentulah akan mengalami kesulitan. Pihak FELDA bekerjasama dengan pihak Kementerian Pertanian dan juga pihak R.R.I. bagi mencari jalan untuk mengatasi. Berhubung dengan soalan kedua tadi, pokok-pokok yang rosak oleh kerana ribut biasanya kerosakan pokok ini bukan bertumpuk bagi satu-satu kawasan. Biasanya kawasan lalu itu tidak tepat pada satu lorong sahaja dan pokok-pokok yang rosak atau dicabut itu boleh dikatakan letaknya bertabur, jadi cukup payah untuk kita menanam kembali dalam kawasan yang sudah pokoknya besar di tengah-tengah pokok-pokok yang besar itu menanam pokok-pokok yang baharu. Sebab itu, pihak FELDA telah berusaha dengan menyediakan kawasan reserve atau kawasan simpanan yang seluas dua ekar seorang itu dengan tanaman-tanaman lain dan akan diserahkan kepada peneroka apabila pokok-pokok itu telah mendatangkan hasil.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, mengenai pokok-pokok getah yang terkena kebakaran itu ataupun bencana alam ini adakah pihak

FELDA melindungi kebun-kebun getah peneroka-peneroka itu dengan insuran ataupun tidak.

Datuk Haji Mohd. Asri bin Haji Muda: Setakat hari ini belum lagi.

PELAJARAN MENENGAH RENDAH

2. Tuan Abu Bakar bin Arshad minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau bercadang mengadakan Akta untuk mewajibkan setiap ibu-bapa memberikan pelajaran kepada anak-anak mereka sekurang-kurangnya pelajaran Menengah Rendah. Jika ya, bila, dan jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini tidak ada rancangan sedemikian. Lagi pun memandangkan yang rancangan seperti itu mempunyai banyak implikasi dari segi perlaksanannya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sekarang Kerajaan bertanggungjawab menyediakan kemudahan pelajaran selama sembilan tahun (iaitu, dari Darjah I hingga Tingkatan III) kepada semua kanak-kanak yang ingin bersekolah.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, adakah Kementerian Pelajaran ingin membuat, mengadakan atau membawa Rang Undang-undang di Dewan ini supaya semua ibu-bapa kanak-kanak terpaksa menghantar anak-anaknya ke sekolah, sebagaimana apa yang disebutkan oleh Timbalan Menteri selama sembilan tahun. Ini bermakna, Tuan Yang di-Pertua, semua kanak-kanak terpaksa menghadiri sekolah masing-masing selama sembilan tahun.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menjawab iaitu Undang-undang belum ada lagi, tetapi ada kemudahan sehingga sembilan tahun.

Dr Tan Chee Khoon: Saya hendak bertanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan bilakah Kementerian Pelajaran akan mengadakan Undang-undang itu.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab tadi, buat masa sekarang belum ada lagi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Pengiran Ahmad bin Pengiran Indar.

(Soalan No. 3 Y.B. Tuan Haji Pengiran Ahmad bin Pengiran Indar tidak hadir).

KEMALANGAN NGERI BERLAKU

4. **Tuan Hashim bin Ghazali** minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan samada beliau sedar kemalangan yang paling ngeri berlaku ialah kemalangan yang disebabkan oleh lori balak, jika sedar;

- (a) berapakah ramai orang yang telah meninggal dunia disebabkan kemalangan dengan lori balak di dalam tahun 1974, 1975 dan 1976; dan
- (b) apakah rancangan beliau bagi mengawal lori balak waktu berjalan di atas jalanraya.

Timbalan Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, bilangan orang yang meninggal dunia disebabkan kemalangan lori balak di Semenanjung Malaysia ialah seperti berikut:

1974	...	...	...	40 orang
1975	...	...	...	65 orang
1976	...	...	...	31 orang

Undang-undang tertentu telahpun ditetapkan di dalam Ordinan Lalulintas Tahun 1958 terhadap lori-lori balak dan juga kenderaan-kenderaan berat yang lain apabila digunakan di atas jalanraya. Undang-undang ini termasuklah, antara lain, lori-lori itu dikenakan had laju, lori-lori itu dihadkan berat muatannya. Peruntukan Undang-undang ini adalah memadai bagi kenderaan-kenderaan itu apabila digunakan di jalanraya dengan tidak membahayakan orang ramai. Dari segi penguatkuasaan pula tindakan-tindakan adalah biasanya diambil oleh Pegawai-pegawai Penguatkuasa Pengangkutan Jalan dan juga pihak Polis, dan sesiapa yang didapati bersalah adalah didakwa di mahkamah dan dikenakan hukuman yang sewajarnya.

Raja Nasron bin Raja Isahak: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan ada mengatakan

bahawa undang-undang itu adalah terbahagi dua pada garis besarnya iaitu mengenakan had laju dan had muatannya dan pegawai-pegawai yang boleh mengambil tindakan ialah Pegawai Penguatkuasa dan juga Pegawai Polis. Tidakkah Kementerian sedar bahawa dengan kekurangan pegawai-pegawai tersebut yang tidak boleh sentiasa mengawal, maka diberi kuasa kepada Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Ahli-ahli Dewan Negeri untuk membantu Kementerian membuat kawalan tersebut.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu tidak timbul.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya juga tertarik hati tentang undang-undang yang dikenakan iaitu mengenai had laju, kebanyakan lori-lori berat ini kita dapati di belakangnya ada ditulis 35 b.s.j., tetapi kebanyakan yang saya jumpa lori-lori ini lari lebih daripada 50 b.s.j. Jadi, kebanyakan orang kampung memperkatakan b.s.j. ini bukan batu sejam, tetapi 35 batu suku jam dan ada yang mentafsirkan 35 batu setengah jam. Ini bermakna kalau satu jam sebanyak 70 batu dan inilah yang diamalkan oleh lori-lori. Perkara ini berlaku di mana-mana tempat. Kalau kita hendak tangkap satu hari berpuluh-puluh buab lori boleh dapati. Jadi, apakah tindakan Kementerian yang berkenaan untuk membasmiikan perkara ini supaya had laju itu diikuti oleh lori-lori yang berkenaan.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat boleh beri Kementerian saya butir-butir yang berkenaan kita boleh siasat.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sebutkan nombor lori itu, di mana dan pukul berapa jumpa, kemudian lapurkan kepada Kementerian.

Tuan Ariffin bin Haji Daud: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sedar bahawa ada satu arahan daripada Jabatan Perdana Menteri memberi kuasa kepada pegawai-pegawai Kerajaan Division I untuk mengambil tindakan-tindakan tertentu di atas kesalaban-kesalahan tertentu berkaitan dengan public service vehicle. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan bercadang untuk mengemukakan

perkara ini kepada Jabatan Perdana Menteri supaya memberi kuasa ini juga kepada Ahli-ahli Parlimen dan juga Wakil Rakyat.

Yang ketiganya, jika sedar apakah tindakan-tindakan yang dibuat untuk membawa perkara ini kepada perhatian Pegawai-pegawai Division I yang banyak tidak tahu ada arahan seperti itu.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar tentang arahan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri, tetapi sampai hari ini Kementerian saya belum menerima arahan tentang tugas-tugas atau peranan-peranan yang barangkali boleh dimainkan oleh Wakil Rakyat.

Tuan Embong bin Yahya: Tuan Yang di-Pertua, selama ini adakah Kementerian Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam mendapat laporan daripada orang ramai mengatakan lori-lori balak itu berjalan laju atau membuat kesalahan dan kalau ada apakah tindakan yang diambil?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, tentang soal itu, saya perlukan notis.

Tuan Arifio bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan beliau belum dapat laporan-laporan atau arahan-arahan berkaitan dengan arahan daripada Jabatan Perdana Menteri. Kalau begitu bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan bagaimanakah Pendaftaran Kenderaan Negeri masing-masing sudah tahu perkara ini, padahal Timbalan Menteri sendiri belum tahu arahan-arahan itu. Terima kasih.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingat Ahli Yang Berhormat barangkali ada sedikit salah faham. Kita telah terima arahan tentang peranan yang dimainkan oleh Pegawai-pegawai Division I, tetapi belum menerima apa-apa arahan tentang peranan yang boleh dimainkan oleh Wakil Rakyat. Walau bagaimanapun, saya hendak mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat atas cadangan itu dan Kementerian saya akan menimbangkan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya rasa arahan itu sudah ada termasuk Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Negeri.

TENAGA WANITA DALAM PERUSAHAAN

5. Wan Zainab binti M. A. Bakar minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada beliau sedar bahawa industri-industri di Malaysia sekarang ini menggunakan tenaga wanita lebih daripada tenaga lelaki dan jika ya, apakah tindakan yang akan diambil untuk menyelesaikan perkara ini.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan Abdullah Majid): Tuan Yang di-Pertua, pendapat Ahli Yang Berhormat itu tidaklah benar kerana pada umumnya industri-industri di negara kita banyak menggunakan tenaga lelaki daripada tenaga wanita.

Kementerian ini sentiasa meneliti tentang penggunaan tenaga manusia dalam industri-industri, terutama yang banyak menggunakan tenaga (labour intensive industries). Dan menurut kajian ini hanya tiga jenis industri yang banyak menggunakan tenaga wanita iaitu electronics, kain-kain atau textile dan juga pakaian atau garment.

Wan Zainab binti M. A. Bakar: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar ada majikan-majikan yang sengaja menggunakan tenaga wanita kerana gaji pekerja wanita lebih murah daripada pekerja lelaki.

Tuan Abdullah Majid: Tuan Yang di-Pertua, ini terpulang kepada keadaan setempat, kerana ada kalanya tempat-tempat itu tidak mencukupi tenaga lelaki dan barangkali tenaga wanita lebih senang didapati.

Mengenai upah gaji ini adalah sentiasa diteliti daripada masa ke semasa dan memang diaturkan supaya gaji yang saksama diberikan kepada wanita.

PEMBELAAN BABI

6. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar minta Menteri Pertanian menyatakan memandangkan kepada rungutan-rungutan orang ramai tidak beberapa lama dahulu berhubung dengan pembelaan babi di negara ini terutamanya di kawasan-kawasan luar

bandar yang mana akibatnya telah menjejaskan perpaduan kaum, adakah Kerajaan menerusi Kementerian ini bercadang:

- (a) mengadakan satu undang-undang atau peraturan-peraturan mengenai pembelaan babi di negara ini dengan tujuan untuk menghormati adat berbagai kaum, terutamanya orang-orang Islam; dan
- (b) mengesyurkan berbagai-bagai Kerajaan Negeri untuk mengadakan undang-undang yang tersebut itu berhubung dengan perkara ini.

Timbalan Menteri Pertanian (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Oleh kerana perkara ini hanya melibatkan satu dua buah negeri di Semenanjung sahaja, Kementerian saya belum lagi bercadang untuk mengadakan satu undang-undang Persekutuan bagi pengawasan pemeliharaan ternakan yang serupa ini, dan
- (b) Apa yang saya difahamkan Kerajaan Negeri Johor telahpun mengadakan undang-undang bagi pemeliharaan ternakan yang serupa ini didapati berjalan dengan baik. Oleh itu, terpujalah kepada budibicara Kerajaan Negeri yang berkenaan bagi mengadakan undang-undang sebagaimana yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri Johor itu.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan tadi dalam jawapannya bahawa masalah ini hanya dihadapi oleh beberapa negeri sahaja. Tetapi sungguhpun demikian masalah yang timbul di dalam negeri-negeri yang dikatakan menghadapi masalah itu amatlah begitu mendesak sekali. Jadi, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menimbang sungguhpun perkara ini timbul di beberapa buah negeri sahaja, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menimbang masalah-masalah yang mewujudkan suatu cara samada secara undang-undang atau cara lain bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh setengah-setengah negeri seumpamanya di Negeri Selangor.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, jika sekiranya saya dapat pengaduan-pengaduan yang begitu mendesak yang boleh menimbulkan masalah masyarakat yang tidak begitu sihat di antara orang-orang Islam dan yang bukan Islam, maka Kementerian saya insya Allah akan merundingi Kerajaan Negeri itu untuk berbuat sesuatu bagi menyelesaikan masalah ini.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, saya menyatakan bahawa masalah yang timbul yang mendesak sekarang ialah di kawasan Sepang dan juga Kuala Langat di negeri Selangor. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri mengambil aduan ini sebagai aduan rasmi untuk menjalankan siasatan sewajarnya?

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, saya berharap mendapat laporan bertulis daripada Ahli Yang Berhormat itu untuk saya ambil tindakan dengan seberapa segera.

ROGOL

7. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) samada sebuah jawatankuasa khas akan dibentuk untuk mengendalikan kes-kes rogol dan kehilangan gadis memandangkan kepada hakikat kes-kes seumpama ini kian hari kian bertambah; dan
- (b) samada beliau sedar pihak yang bertanggungjawab di Balai Polis Siputeh, Perak, menolak aduan yang dibuat pada 24hb Mei, 1976 oleh dua orang gadis yang mendakwa terdapat orang-orang yang cuba memperkosakan mereka, tetapi pihak polis juga tidak menghantarkan kereta peronda untuk meronda tempat di mana insiden itu berlaku dan ini telah mengakibatkan seorang daripada gadis-gadis itu dirogol kemudian; jika ya, nyatakan tindakan yang diambil terhadap kecualan pihak polis.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pada masa ini sebuah Jawatankuasa khas tidaklah perlu dibentuk untuk

mengkaji kes-kes rogol dan kehilangan gadis. Kes-kes jenayah tersebut selalunya berlaku pada orang-orang perseorangan. Walau bagaimanapun orang ramai juga mestilah menjaga keselamatan diri masing-masing.

- (b) Tuduhan Ahli Yang Berhormat bahawa Polis menolak aduan yang berkenaan itu adalah tidak betul. Polis telah menjalankan siasatan serta-merta. Sebenarnya dua orang mangsa kejadian memukul dan rogol yang membuat aduan di Balai Polis Siputeh, Perak, pada 24hb Mei, 1976 tidaklah ada kaitan antara satu dengan lain. Pada pukul 6.10 pagi tarikh tersebut seorang perempuan yang bekerja sebagai penurih getah mengadu beliau telah dipukul oleh tiga orang lelaki manakala pada pukul 10.15 pagi hari yang sama seorang perempuan yang bekerja sebagai buruh lombong mengadu beliau telah dirogol oleh tiga orang lelaki. Kejadian memukul itu berlaku kira-kira pukul 5.10 pagi, sementara kejadian rogol pula berlaku kira-kira pukul 6.00 pagi dan jarak antara satu tempat dengan tempat lain kejadian itu lebih kurang lebih daripada 1½ batu.

JAWATANKUASA PENCEGAHAN DAN KAWALAN KEBAKARAN

8. Tuan Lukman bin Abdul Kadir minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan samada beliau sudah menubuhkan jawatankuasa bagi menyiasat punca-punca kebakaran yang besar, yang berlaku ke atas bangunan-bangunan besar dan kilang-kilang yang makin bertambah banyak berlaku sekarang ini. Sekiranya sudah apakah hasil-hasilnya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya telah menubuhkan suatu Jawatankuasa Pencegahan dan Kawalan Kebakaran pada 27hb April, 1976 untuk menyiasat kejadian kebakaran-kebakaran yang besar di merata tempat. Jawatankuasa ini sedang menyiasat kejadian kebakaran yang berlaku di Komplek Campbell dan laporannya akan dapat disiapkan tidak lama lagi.

Tuan Embong bin Yahya: Adakah Setiausaha Parlimen itu sedar bahawa kebakaran yang berlaku di Komplek Campbell itu tidak dapat dipadamkan oleh bomba oleh sebab bomba tak dapat sampai ke atas bangunan itu. Jadi kedudukan bomba itu lebih rendah daripada bangunan yang tinggi.

Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bomba kita tidak boleh sampai ke atas bangunan itu. Sebab itu kita telah menubuhkan satu jawatankuasa untuk menyiasat macam mana kita boleh memperketatkan undang-undang untuk membuat bangunan-bangunan yang tinggi yang lebih selamat jika ada kebakaran di masa hadapan.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan memberitahu Dewan ini kenapa siasatan-siasatan yang dilakukan sekarang mengenai kebakaran di Komplek Campbell tidak dijalankan secara umum dan terbuka untuk meyakinkan orang ramai?

Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, ini ialah satu perkara yang telah dijawab pada 6hb Julai di persidangan ini.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan bercadang untuk membuat peraturan supaya setiap bangunan yang besar dan tinggi itu mempunyai bombanya sendiri bagi mengawal bangunan itu pada masa hadapan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Jadi berapa banyak bomba mesti ada dalam Malaysia ini? Tak payah dijawab soalan itu.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Bolehkah Setiausaha Parlimen memberi jaminan bahawa Jabatan Bomba boleh memberi bomba-bomba yang mana tangannya boleh sampai ke bangunan yang tertinggi sekali di negara kita ini?

Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, di seluruh dunia ini tidak ada satu bomba yang boleh sampai, dan bomba yang tertinggi sekali ialah 150 kaki. dan tiap-tiap bangunan yang tinggi lebih daripada 150 kaki maka bomba tidak boleh sampai.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa di

setengah-setengah negeri ada bomba yang specially constructed atau yang dibuat secara khas yang mana boleh sampai sehingga 30-50 tingkat tingginya?

Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Pakai helikopter.

HADIAH UNDANG-UNDANG MAHKAMAH

9. Tuan Lim Cho Hock bertanya kepada Menteri Undang-undang samada beliau fikir hadiah Undang-undang Mahkamah untuk "loss of expectation of life" sebanyak \$3,500 adalah tidak cukup oleh kerana kadar penghidupan yang tinggi pada masa sekarang. Jika ya, samada beliau hendak mengemukakan undang-undang untuk menetapkan hadiah sebanyak \$12,000 atau lebih.

Timbalan Menteri Undang-undang (Tuan Rais Yatim): Tuan Yang di-Pertua, adalah diakui bahawa perubahan kadar penghidupan pada masa ini telah melambung naik. Samada bayaran sejumlah \$3,500 bagi kehilangan nyawa atau loss of expectation of life yang dikuatkuasakan oleh Mahkamah Undang-undang berpatutan perlulah diteliti dengan mendalam. Kementerian saya adalah mengambil berat tentang soal ini dan satu pengkajian khas akan dijalankan.

PETRONAS

10. Tuan Ob Keng Seng minta Perdana Menteri menyatakan nama negeri-negeri yang telah berjaya mengikat perjanjian dengan PETRONAS untuk membeli barang-barang petroliaam, jika ya, nyatakan jumlah barang-barang, harga dan jenis barang yang dikirim ke negara tersebut.

Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, sehingga ini hanya sebuah negara sahaja iaitu Filipina, menerusi Philippines National Oil Company (P.N.O.C.), telah mengikat perjanjian dengan PETRONAS. Jenis barangan petroliaam yang akan dibekalkan ialah minyak mentah Miri Light yang dikeluarkan di Sarawak. Jumlah minyak mentah yang akan dibekalkan di bawah perjanjian ini ialah 8,000 hingga

10,000 tong sehari. Harganya bagi jualan pertama dalam bulan September 1976 ialah US\$12.60 sen setong f.o.b. Harga ini adalah selaras dengan harga jualan minyak yang sama mutunya di pasaran dunia.

SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH SWASTA

11. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- samada Kerajaan mengawal serta mengawasi sekolah-sekolah menengah swasta di negara ini;
- samada sukatan pelajarannya mengikut sistem pelajaran Kebangsaan;
- samada kegiatan luar darjah, pentadbiran dan perjalanannya itu mengikut dasar pelajaran Kebangsaan; dan
- bilangan sekolah yang didapati menyewang dari dasar yang ditentukan.

Tuan Chan Seng Sun: Tuan Yang di-Pertua,

- Ya, semua sekolah-sekolah menengah swasta yang didaftarkan di bawah Akta Pelajaran 1961 adalah dikawal serta diawasi oleh Kementerian Pelajaran.
- Semua sekolah swasta yang didaftarkan di bawah Akta Pelajaran 1961 hendaklah mengikut sukatan-sukatan yang sama seperti sukatan dalam sekolah bantuan penuh kerajaan, melainkan bahasa pengantar yang digunakan. Walau bagaimanapun, sekolah-sekolah swasta itu boleh dikecualikan daripada mengikuti sukatan-sukatan tertentu oleh Kementerian Pelajaran dalam keadaan yang luar biasa.
- Ya, semua kegiatan luar darjah, pentadbiran dan perjalanannya hendaklah mengikut dasar pelajaran Kebangsaan selain daripada kegiatan-kegiatan yang dikecualikan oleh Kementerian Pelajaran.
- Setakat mana yang boleh diketahui, tidak ada.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Soalan tambahan. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan daripada Timbalan Menteri yang berkenaan tentang istilah perkataan "luar biasa" itu tadi.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, luar biasa daripada yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran.

LOTERI KEBAJIKAN MASYARAKAT— JUALAN TIKET

12. Tuan Shamsuri bin Md. Saleh minta Menteri Kebajikan Am menyatakan:

- (a) jumlah keuntungan bersih yang diterima dari jualan tiket Loteri Kebajikan Masyarakat dalam tahun 1974 dan 1975;
- (b) jumlah dalai yang dibayar kepada pengurus jualan; dan
- (c) bagaimana pengurus jualan ini dilantik.

Menteri Kebajikan Am (Puan Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah keuntungan bersih yang diperoleh dari jualan tiket Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan ialah seperti berikut:
 - (i) Bagi Tahun 1974 \$ 9,959,674
 - (ii) Bagi Tahun 1975 \$10,975,726
- (b) Dalai yang dibayar kepada ejen-ejen penjualan tiket ialah 7% di atas jualan tiket, dan 10% di atas hadiah-hadiah yang semuanya berjumlah seperti berikut:
 - (i) Bagi Tahun 1974 \$6,205,550
 - (ii) Bagi Tahun 1975 \$6,393,960
- (c) Ejen-ejen penjualan tiket loteri adalah dilantik oleh Lembaga Loteri dengan syarat:
 - (i) Ejen-ejen itu tidak boleh kembalikan tiket-tiket yang diperuntukkan kepada mereka walaupun tiket-tiket itu tidak habis dijual, dan
 - (ii) Ejen-ejen itu memberi jaminan dengan cara Wang Simpanan Tetap atau cagaran harta kepada Lembaga yang bernilai dua kali ganda dari jumlah harga tiket yang diperuntukkan kepada mereka.

SAHAM-SAHAM KEPADA BUMIPUTRA

13. Wan Sulaiman bin Haji Ibrahim minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk memenuhi saham-saham yang diperuntukkan kepada Bumiputra di dalam syarikat perusahaan sebanyak lebih dari \$400 juta itu.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, daripada tahun 1971 hingga 1975 sebanyak 2,118 projek telah diluluskan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dengan cadangan pelaburan modal sebanyak \$2,791.2 juta.

Daripada jumlah ini sebanyak \$829.7 juta atau 29.7% telah dikhaskan kepada Bumiputra akan tetapi di dalam tempoh yang sama lebih kurang 1,307 projek telah dilaksanakan dengan nilai pelaburan modal sebanyak lebih-kurang \$980 juta. Daripada jumlah ini sebanyak \$277.6 juta telah dikhaskan kepada Bumiputra di mana \$171.6 juta telahpun dibeli oleh mereka. Oleh hal yang demikian, baki saham yang belum diambil oleh Bumiputra di dalam syarikat-syarikat tersebut ialah sebanyak lebih-kurang \$106 juta, dan bukanlah \$400 juta seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Mengenai tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah ini adalah seperti berikut:

- (a) Penubuhan Daftar Pelabur-pelabur Bumiputra.
- (b) Menghubungi bank-bank perdagangan untuk menyebarkan maklumat-maklumat mengenai peluang-peluang pelaburan kepada pelanggan-pelanggan Bumiputra mereka.
- (c) Bekerjasama dengan Merchant Bankers menilaikan projek-projek perindustrian untuk pelaburan Bumiputra.
- (d) Memperkenalkan "Convertible Loan Stock Scheme" ataupun Sekim Pinjaman Simpanan Boleh-tukar kepada pelabur-pelabur Bumiputra.
- (e) Menghebahkan peluang-peluang pelaburan di dalam majlis dailog-dailog, seminar dan perjumpaan-perjumpaan.

(f) Menubuhkan satu Tabung Amanah Pelaburan Bumiputra di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dengan peruntukan awal sebanyak \$200 juta.

Tuan Embong bin Yahya: Tidakkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memikirkan bumiputra kebanyakannya tidak cukup wang untuk membeli saham-saham ini. Adakah Kementerian menggalakkan bumiputra meminjam daripada bank untuk membeli saham-saham yang belum dipenuhi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ini telah dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, berbagai-bagai langkah telah disediakan oleh Kerajaan.

Tuan Embong bin Yahya: Itu Kerajaan sendiri yang membeli.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sudah dibeli oleh bank-bank. Adakah hendak tambah lagi Yang Berhormat?

Tuan Embong bin Yahya: Bagi per-seorangan, kalau sekiranya ada bumiputra yang hendak membeli saham sampai 500,000 bolehkah bank meluluskan pinjaman \$500,000 untuk membeli saham, kemudian selepas mendapat untung, bayar balik.

Datuk Mohamad bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, masaalah yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu memang ada benarnya dan menimbangkan masaalah ini, maka suatu sekim seperti yang saya sebutkan tadi iaitu sekim yang kita namakan "Convertible Loan Stock Scheme" (Sekim Pinjaman Simpanan Boleh-tukar) kepada pelabur-pelabur bumiputra akan kita laksanakan. Jadi, masaalah yang ada itu bolehlah diselesaikan dengan adanya Sekim Pinjaman yang hendak dilancarkan.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, menurut keterangan daripada Yang Berhormat Menteri tadi masaalah yang dihadapi adalah mengapa maka saham-saham yang diperuntukkan kepada bumiputra yang berjumlah sekian-sekian juta ringgit itu tidak dapat diambil oleh bumiputra. Jika masaalahnya begitu, adakah Kementerian sedar bahawa saham-saham yang dipernutukkan untuk bumiputra itu adalah daripada syarikat-syarikat yang tidak akan mendatangkan keuntungan. Kalau sedar,

apakah jalan supaya bumiputra kalau pun dikhaskan saham-saham untuk syarikat-syarikat dan perindustrian-perindustrian yang boleh maju perniagaannya.

Datuk Mohamad bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya mana-mana syarikat yang baru ditubuhkan atau mana-mana perniagaan yang baru dimulakan sudah tentulah tidak dapat ditentukan samada ia untung ataupun tidak dan setiap usaha perniagaan itu memakan masa untuk ia mencapai kepada satu peringkat di mana boleh mendatangkan keuntungan.

Saya akui ada setengah daripada saham-saham daripada syarikat-syarikat yang telah pun melaksanakan projeknya di mana kedudukan perniagaannya itu belum lagi mendatangkan keuntungan. Tetapi namun demikian, sebagaimana yang telah ditetapkan dalam dasar ini bahawa peruntukan saham bagi bumiputra itu hendaklah diadakan. Dan dari segi pengambilan saham-saham yang telah dikhaskan ini maka telah ada cara-caranya yang sedang kita timbangkan, tetapi namun demikian kita masih syukurhlah daripada jumlah 277.6 juta saham yang telah dikhaskan kepada bumiputra di dalam projek-projek yang telah dilaksanakan itu lebih daripada 50 peratus telah dapat diambil. Jadi, baki yang selebihnya itu akan ada cara-caranya seperti yang saya sebutkan tadi dan kita harap dengan adanya cara-cara yang kita tetapkan ini maka masaalah saham yang telah dikhaskan ini tidak diambil oleh kaum bumiputra akan dapat kita atasi jua akhirnya.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan menyatakan samada benar atau tidak bahawa setengah-setengah daripada bumiputra yang membeli saham yang telah diresevekan untuk bumiputra kemudiannya telah menjualkannya pula kepada bukan bumiputra. Adakah benar ataupun tidak bahawa setengah-setengah daripada bumiputra ada membuat amalan seperti demikian.

Datuk Mohamad bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, dari segi soalan yang ada ini ialah soal saham-saham yang dikhaskan di dalam projek-projek perindustrian yang diluluskan oleh Kementerian ini daripada semasa ke semasa dan saya fikir soalan Ahli Yang

Berhormat itu ialah masaalah pembelian saham di pasaran saham yang ada. Jadi masaalah itu adalah lain daripada masaalah yang dipersoalkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, maksud saya ialah saham-saham yang telah direservakan oleh bumiputra tadi, benarkah atau tidak ada bumiputra yang membeli saham yang direservakan untuk bumiputra bukannya di market tetapi yang telah dikhaskan untuk bumiputra tadi, setelah mereka membelinya—menjualkannya pula.

Tuan (Timbahan) Yang di-Pertua: Ringkaskan sedikit, benarkah ada atau tidak.

Datuk Mohamad bin Rahmat: Bagi saya soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Sepang itu kandungannya lain daripada soalan yang dibentangkan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ada hubungannya di atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri beri tadi.

Datuk Mohamad bin Rahmat: Jawabnya kalau masaalah ini masaalah saham yang dijual di pasaran saham yang biasa, mungkin ada.

SUARA MALAYSIA

14. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) apakah kemajuan yang telah dicapai setakat ini oleh rangkaian "Suara Malaysia";
- (b) dalam berapa bahasa asingkah siaran itu dilakukan; dan
- (c) bahasa-bahasa yang digunakan dan masa yang diuntukkan.

Timbalan Menteri Penerangan (Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Setakat ini "Suara Malaysia" menyiarkan rancangan-rancangan dalam enam bahasa. Suara Malaysia juga menyiarkan rancangan-rancangan memperkenalkan Malaysia ke luar negeri dengan memberi penerangan yang sebenar mengenai perkembangan politik, sosial,

ekonomi khususnya pembangunan negara ini. Perkembangan kesenian dan kebudayaan negara ini juga ada dipersembahkan oleh Suara Malaysia.

Pelajar-pelajar dan Warganegara Malaysia yang berada di luar negeri yang dapat mendengar siaran Suara Malaysia dapat juga mengikuti perkembangan-perkembangan yang berlaku di tanahair mereka. Mengikut laporan, siaran-siaran Suara Malaysia ini dapat didengar dengan cukup terang dan berdasarkan kepada beratus-ratus surat yang diterima dari semasa ke semasa, siaran Suara Malaysia telah mendapat minat dan sambutan dari pendengar-pendengar yang mengikutinya di luar negeri.

- (b) Suara Malaysia disiarkan dalam enam bahasa.
- (c) Bahasa-bahasa yang digunakan adalah sebagai berikut:

Indonesia ...	63 jam seminggu
Inggeris ...	17 jam 30 minit seminggu
Mandarin ...	14 jam seminggu
Filipino ...	17 jam 30 minit seminggu
Thai ...	10 jam 30 minit seminggu
Arab ...	10 jam 30 minit seminggu.

KAKITANGAN DI HOSPITAL BESAR ALOR SETAR

15. Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau sedar kekurangan kakitangan-kakitangan di Hospital Alor Setar, akibatnya hospital ini tiada dapat ditadbirkan dengan cekapnya. Kekurangan kakitangan itu ialah seperti berikut:

- (1) tidak cukup Doktor-doktor Pelatih;
- (2) tidak ada Timbalan Pengarah di hospital ini sebagaimana yang sering kali terdapat di hospital-hospital lain;
- (3) Doktor Pakar Bius di hospital ini juga memegang jawatan Pemangku Penguasa Hospital tersebut, walhal sebenarnya patut ada dua jawatan yang berasingan supaya pentadbiran hospital ini dapat berjalan dengan sempurna.

Jika sedar, bilakah beliau akan mengambil langkah-langkah bagi mengadakan kakitangan-kakitangan itu.

Timbalan Menteri Kesihatan (Datuk Haji Abu Bakar bin Umar): Tuan Yang di-Pertua:

- (1) Tidak ada kekurangan pegawai-pegawai Perubatan Pelatih di Hospital Besar, Alor Setar. Hospital Besar, Alor Setar mempunyai 19 jawatan Doktor Pelatih yang telah diluluskan dan ke semuanya telah dipenuhi. Di samping itu, terdapat juga 54 jawatan Pakar, Pendaftar dan Pegawai Perubatan dan dari jumlah ini, 34 jawatan telah dipenuhi. Pecahan selanjutnya adalah seperti berikut:

	Perjawatan	Dipenuhi
Pakar	7	7
Pendaftar	5	5
Pegawai Perubatan	42	22
	—	—
JUMLAH	54	34
	—	—

- (2) Jawatan Timbalan Pengarah tidak diadakan di mana-mana Hospital jua pun melainkan di Hospital Besar, Kuala Lumpur.
- (3) Seorang Pegawai Perubatan telah dihantar ke Hospital Besar Alor Setar untuk mengisi jawatan Penguasa Perubatan, pada minggu yang lepas.

PEMBAHAGIAN TANAH

16. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan adakah Kementerian ini sedar bahawa salah satu daripada masalah utama yang dihadapi oleh rakyat di negara ini sekarang ialah kekurangan tanah yang mana proses membahagikan tanah tidak berjalan dengan sebegitu lancarnya oleh kerana kekurangan pegawai-pegawai. Jika sedar, adakah Kementerian ini bercadang untuk menambahkan bilangan pegawai-pegawai ini dan bila.

Datuk Haji Mohd. Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, proses membahagikan tanah adalah rumit dan ianya boleh menjadi tergendala jika terdapat keadaan-keadaan:

- (i) Jika permohonan yang diterima di Pejabat Tanah terlalu banyak dan rumit berbanding dengan tenaga, pengetahuan dan pengalaman pegawai-pegawai;

- (ii) Pendapat-pendapat kepakaran Pejabat-pejabat lain perlu diperolehi dan pejabat-pejabat tersebut tidak pula cukup tenaga pegawai "staff capacity".

Memandang kepada faktor-faktor yang akan mengganggu kelicinan proses membahagikan tanah yang tersebut, maka menambah bilangan pegawai-pegawai sahaja tidak akan mengatasi kesulitan ini. Kesulitan ini hanya boleh diatasi jika bilangan pegawai-pegawai di tiap-tiap pejabat tanah iaitu pegawai-pegawai yang berpengetahuan, berpengalaman dan berdedikasi adalah cukup dan juga pegawai-pegawai penasihat di pejabat-pejabat lain dapat diadakan selaras dengan bilangan permohonan-permohonan tanah yang dirujukkan kepada mereka.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Soalan tambahan. Saya harap dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri bahawa oleh sebab pentingnya soal-soal tanah ini di peringkat negeri dan di peringkat daerah; hal-hwal tanah adalah diberi keutamaan yang patut diberi kepadanya. Misalnya, Tuan D.O. ataupun Penolong D.O. yang kanan menjalankan tugas tanah dan pegawai-pegawai yang menjalankan tugas-tugas tanah tidak dibeban banyak dengan tugas-tugas yang lain lagi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalnya apa?

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Soalannya saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri adakah keutamaan diberi seperti yang saya kata tadi kepada soal-soal tanah yang patut diberi.

Datuk Haji Mohd. Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, Majlis Tanah Negara dalam sidangnyanya pada masa yang lalu telah pun memutuskan akan melaksanakan satu polisi di mana pegawai-pegawai atau Jabatan-jabatan berkenaan dengan tanah diasingkan daripada Jabatan Pegawai Jajahan. Tetapi implimentasinya masih belum dapat dilakukan dengan sepenuhnya; pertama, oleh kerana ada sebahagian atau setengah Kerajaan Negeri merasakan langkah-langkah perubahan itu belum tiba waktunya. Dan ada juga setengah-setengah negeri cuba melaksanakan tetapi terhalang oleh kerana kekurangan tenaga-tenaga yang terlatih.

Pihak Kementerian sentiasa mengadakan latihan-latihan berkala kepada pegawai-pegawai dalam urusan tanah terutamanya kepada pegawai-pegawai yang baru supaya mereka mendapat latihan dan pengalaman yang cukup dalam soal mentadbir tanah. Sebab kita sedar bahawa soal pentadbiran tanah adalah satu soal yang penting. Tetapi pengalaman-pengalaman yang lalu biasanya pegawai-pegawai yang cekap dalam bahagian tanah ini apabila bekerja tidak sampai dua tahun, mereka terpaksa dinaikkan pangkat dan pindah ke Jabatan lain di luar daripada pengalaman yang telah dilatih dalam perkara tanah ini. Hal ini telahpun disedari oleh pihak Kerajaan dan langkah-langkah yang tegas akan diatur pada masa yang akan datang supaya jika hendak diadakan kenaikan pangkat sekalipun, biarlah kenaikan pangkat itu beredar di dalam bidang urusan tanah semata-mata, kecuali jika tidak dapat dielakkan.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahya: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri ada menyatakan bahawa menambah pegawai-pegawai ini sahaja tidak dapat mengatasi masalah ini. Tetapi apa yang dikehendak ialah pengalaman dan dedikasi pegawai-pegawai. Jadi, selain daripada kekurangan pegawai oleh kerana kenaikan pangkat, adakah Menteri berkenaan mahu mempertimbangkan supaya pegawai-pegawai yang berpengalaman dan yang sudah dipencenkan itu disambung semula perkhidmatan mereka. Kerana kita dapati banyak daripada mereka yang masih sihat, segar, berpenen dan kerja dengan private surveyor dan sebagainya.

Datuk Haji Mohd. Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya terangkan maksud pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu, saya suka menarik perhatian kepada jawapan saya tadi; bahawa selain daripada perlunya tenaga ataupun pegawai-pegawai dalam bahagian pentadbiran tanah ini, maka dia ada berkaitan juga dengan pegawai-pegawai di Jabatan yang lain yang ada hubungan secara langsung dengan soal urusan tanah. Adapun seperti apa yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat itu, saya rasa buat masa ini negara kita mempunyai satu polisi. Orang-orang yang telah pencen itu tidaklah diambil bekerja kembali, kecuali jika orang-orang yang seperti itu tidak ada dan tenaga yang seperti itu sangat-sangat dikehendak.

HOSPITAL-HOSPITAL PERSENDIRIAN

17. Tuan Oh Keng Seng (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kesihatan menyatakan :

- (i) jumlah hospital-hospital persendirian yang terdapat di kawasan Ipoh;
- (ii) adakah Kerajaan sedar bahawa hospital-hospital ini mengenakan bayaran-bayaran yang tinggi untuk mencukupkan perbelanjaan; dan
- (iii) adakah Kerajaan akan menimbang untuk memberi subsidi kepada hospital-hospital ini supaya kaum pekerja dapat menerima rawatan dari hospital-hospital ini.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Jumlah hospital-hospital persendirian yang terdapat di kawasan Ipoh ialah sebanyak 3 buah, iaitu :
 - (a) Perak Chinese Maternity Hospital,
 - (b) Our Lady's Hospital,
 - (c) Fatimah's Hospital.
- (ii) Kerajaan sedar bahawa hospital-hospital persendirian mengenakan bayaran-bayaran yang lebih tinggi daripada bayaran yang dikenakan oleh Hospital Kerajaan. Maka oleh yang demikian saya merayu kepada orang-ramai bahawa mereka yang berupaya eloklah mendapatkan rawatan perubatan di hospital-hospital private kerana di hospital-hospital ini mereka itu akan menerima rawatan dan mendapat keselseaan yang lebih dan dengan itu mereka yang miskin yang kurang bernasib baik dapat peluang pergi ke hospital-hospital Kerajaan untuk mendapatkan rawatan perubatan. Di sini sukalah saya menyatakan kedua-dua jenis hospital ini, samada hospital Kerajaan mahupun hospital private, mempunyai tujuan yang sama iaitu untuk memberi rawatan yang memuaskan.
- (iii) Kerajaan tidak berhajat untuk memberi subsidi kepada hospital-hospital tersebut. Kaum pekerja boleh menerima rawatan daripada hospital-hospital Kerajaan.

PENYALAHGUNAAN DADAH

18. Tuan Haji Zakaria bin Haji Ismail minta Menteri Undang-undang menyatakan samada beliau sedar bahawa sejumlah besar peruntukan Negara adalah diuntukkan bagi perkara-perkara Undang-undang dan Keselamatan dan jika ya, mengapakah musuh-musuh Negara, subversif dan penyalahgunaan dadah semakin bertambah dan apakah tindakan yang akan diambil untuk mengatasi masalah-masalah ini.

Tuan Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa sejumlah besar peruntukan Negara adalah diuntukkan bagi perkara-perkara Undang-undang dan keselamatan. Kegiatan-kegiatan subversif dan penyalahgunaan dadah yang masih terdapat menunjuk bahawa penyelesaian kepada masalah ini adalah terletak pada kezaman dan percubaan habis-habisan setiap rakyat negara ini, menentang kegiatan-kegiatan subversif dan penyalahgunaan dadah. Selagi terdapat orang-orang yang ingin mencebur diri di dalam aktiviti-aktiviti serupa ini dan selagi terdapat orang-orang yang mengetahui akan kegiatan-kegiatan tersebut, tetapi tidak mahu tampil ke hadapan untuk memberi maklumat kepada pihak-pihak yang berkuasa atau bekerjasama dengannya, selama itulah kegiatan-kegiatan subversif dan penyalahgunaan dadah tidak boleh dihapuskan.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Soalan tambahan. Badan-badan Kerajaan ataupun badan-badan separuh Kerajaan tidak mempunyai tarikan ataupun kemampuan untuk mengatasi masalah dadah ini. Saya berpendapat bahawa badan-badan yang kurang berkaitan dengan Kerajaan mempunyai tarikan, maka badan-badan inilah yang boleh memujuk mereka yang telah terpengaruh dengan madat dan dadah tampil ke hadapan. Dengan hal yang demikian, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan menimbangkan supaya Kerajaan menyalurkan wang peruntukan yang tertentu kepada badan-badan sukarela, lebih-lebih lagi badan-badan sukarela beliau untuk mengatasi masalah segan mereka itu menghubungi badan-badan untuk mendapatkan rawatan yang tertentu?

Tuan Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, cadangan dan soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sepang itu

membina dan buat makluman beliau, sukalah saya nyatakan bahawa Kerajaan melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan adalah menyalurkan bantuan-bantuan kepada persatuan-persatuan belia untuk menjalankan kegiatan-kegiatan seperti yang dimaksudkan. Selain dari itu ada beberapa persatuan-persatuan yang khas, yang bebas dari campurtangan Kerajaan seperti The defenders dan akhir-akhir ini PEMADAM. Kedua-dua badan ini adalah nyata merupakan saluran yang digunakan oleh masyarakat untuk menggembeling tenaga menentang penyalahgunaan dadah. Untuk makluman seterusnya, sukalah saya nyatakan iaitu Kerajaan bercadang untuk memberi sedikit-sebanyak bantuan kepada Pemadam ini dan menyalurkan bantuan-bantuan lain supaya tugas-tugas dan peranan-peranan bersabit dengan mencegah salahguna dadah dapat diatasi.

KATIL-KATIL DI WAD HOSPITAL SIBU

19. Tuan Richard Dampier (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kesihatan menyatakan memandangkan kepada kekurangan bilangan katil-katil yang amat sangat di wad-wad di hospital yang ada di Sibu sekarang, samada Kerajaan bercadang hendak memperbesarkan hospital tersebut dengan tujuan untuk mengatasi masalah kesesakan yang serius di dalam wad-wad, jika tidak, mengapa.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat bahawa ada kekurangan bilangan katil-katil di wad-wad di hospital Sibu. Kementerian saya akan memperluaskan wad-wad ini bagi mengatasi masalah kesesakan yang ada sekarang, tambahan di wad-wad ini akan dapat menampung keperluan di hospital Sibu sehingga hospital yang baharu dapat dibina.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Peter Lim Pui Ho.

(Soalan No. 20 Y.B. Datuk Peter Lim Pui Ho tidak hadir.)

JALANRAYA DI WILAYAH PERSEKUTUAN

21. Tuan Oh Keng Seng (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan samada beliau sedar bahawa jalanraya di Wilayah Persekutuan dan Petaling Jaya, kadang-kadang digali oleh Jabatan Talikom, Jabatan Kerja Raya, Lembaga Letrik Negara dan lain-lain Jabatan hingga menyebabkan halangan kepada pengguna-pengguna jalanraya; jika ya, nyatakan apakah tindakan-tindakan yang akan diambil oleh Kementerian beliau untuk mengelakkan tindakan-tindakan buruk ini, yang selalunya disebabkan oleh Ketiadaan kodinasi dan Kerjasama di antara jabatan-jabatan berkenaan dan pihak berkuasa tempatan.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa jalanraya di Wilayah Persekutuan dan Petaling Jaya kadang-kadang digali oleh Jabatan Talikom, Jabatan Kerja Air, Lembaga Letrik Negara dan lain-lain jabatan hingga menyebabkan halangan dan gangguan kepada pengguna-pengguna jalanraya. Di dalam pembangunan yang begitu pesat di Wilayah Persekutuan, gangguan dan halangan kepada pengguna-pengguna jalanraya kadang-kala tidak dapat dielakkan kerana terdapat kerja-kerja yang darurat di mana jabatan yang terlibat terpaksa membuat kerja-kerja penggalian pada masa yang mereka fikirkan perlu. Dewan Bandaraya akan hanya dapat memperbaiki semula jalan-jalan yang telah digali apabila tempahan diterima dari jabatan-jabatan yang terlibat dengan kerja-kerja penggalian tersebut. Oleh itu, terpujanglah kepada jabatan-jabatan berkenaan untuk membuat tempahan secepat mungkin dengan pihak Dewan Bandaraya supaya kerja-kerja memperbaiki semula jalan-jalan yang telah digali dapat dilakukan segera tanpa menimbulkan gangguan dan halangan kepada pengguna-pengguna jalanraya.

Untuk mengemaskan perkara ini, tindakan telah diambil di mana sebuah Jawatankuasa Penyelarasan telah ditubuhkan oleh Dewan Bandaraya yang mengandungi Jabatan Talikom, Lembaga Letrik Negara, Jabatan Kerja Air dan Jabatan Kerja Raya. Mesyuarat selalu diadakan oleh Jawatankuasa Penyelarasan ini untuk menyelaraskan kerja-kerja pembangunan supaya tidak menimbulkan halangan dan gangguan kepada

pengguna-pengguna jalanraya. Pada masa yang akan datang Dewan Bandaraya akan mengambil langkah-langkah yang lebih tegas untuk mengadakan penyelarasan yang lebih berkesan dengan jabatan-jabatan yang terlibat di dalam kerja-kerja penggalian dan pembaikan jalan.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Saya ingin meminta penerangan daripada Timbalan Menteri yang berkenaan iaitu penggali-penggali jalan bolehkah dilebihkan penggalian di sebelah malam supaya tidak banyak terganggu orang-orang yang menggunakan jalanraya.

Dr Goh Cheng Teik: Saya akan mengambil perhatian.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Menggali sebulan pun ada yang tidak bertutup di Kuala Lumpur ini.

HAKMILIK TANAH

22. Dr Tan Chee Khoon minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan mengapa hak milik tanah tidak diberi kepada peneroka-peneroka FELDA, sebagaimana yang dijanjikan, selepas mereka telah menyelesaikan hutang-hutang mereka kepada FELDA.

Datuk Haji Mohd. Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya menjadi hasrat Kerajaan hendak mengeluarkan hak milik tanah sebaik-baik sahaja peneroka-peneroka menyelesaikan hutang mereka kepada FELDA dan membayar Lemak Tanah (Cukai Tanah) dan Bayaran Ukur kepada Kerajaan Negeri. FELDA akan meminta Kerajaan Negeri yang berkenaan mengeluarkan hak milik tanah, apabila kesemua peneroka-peneroka dalam sesuatu peringkat telah menjelaskan hutang dan bayaran-bayaran yang lain itu. Adalah dijangkakan bahawa semua peneroka-peneroka bagi beberapa peringkat dalam rancangan-rancangan FELDA di Negeri Melaka dan Johor akan dapat menjelaskan semua hutang-hutang dan lain-lain bayaran itu dalam tempoh 2 tahun yang akan datang.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 3, 20 dan 23 hingga 28 adalah diberi di bawah ini).

KEGIATAN LUAR SEKOLAH BAGI PELAJAR-PELAJAR

3. Tuan Haji Pengiran Ahmad bin Pengiran Inder minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) samada Kerajaan bercadang hendak menambah jadual kerja-kerja kegiatan luar (extra kurikular) sekolah bagi pelajar-pelajar supaya mereka tidak ada masa untuk menceburkan diri dalam aktiviti-aktiviti tidak sihat seperti menghisap dadah;
- (b) samada beliau sedar bahawa kebanyakan pelajar-pelajar kita, tidak mempunyai kerja-kerja luar sekolah oleh itu selepas masa sekolah mereka hanya mundar-mundir ke sana sini dan jika ya, apa tindakan yang akan diambil dalam hal ini; dan
- (c) samada Kerajaan bercadang hendak mengadakan cuti penggal sekolah menjadi 2 kali supaya pelajar-pelajar kita sentiasa menumpukan perhatian kepada pelajaran, kalau tidak, mengapa Kerajaan mesti mengikut jejak langkah penjajah dahulu dengan mempunyai banyak sangat penggal sekolah.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad):

- (a) Kementerian Pelajaran tidak bercadang untuk menambah jumlah kegiatan luar masa sekolah bagi pelajar-pelajar pada masa sekarang.
- (b) Tugas utama Kementerian Pelajaran ialah memberi pelajaran. Sungguhpun diwaktu memberi pelajaran murid-murid terkawal, Kementerian tidak dapat mengambil alih semua kerja kawalan sepanjang hari. Ibu-bapa mestilah memainkan peranan biasa dalam mengawal anak. Jika tanggungjawab ini diberi kepada Kementerian maka peruntukan dan pegawai mestilah diadakan.
- (c) Kementerian Pelajaran berpendapat sistem 3 penggal setahun yang ada pada masa sekarang adalah sistem yang baik. Ahli Yang Berhormat mesti memahami

bahawa mengadakan penggal sekolah menjadi 2 penggal setahun tidak bermaksud masa untuk belajar dalam sekolah akan bertambah oleh kerana bilangan hari cuti sekolah mungkin dikekalkan seperti yang ada sekarang.

RUMAH KOS RENDAH

20. Datuk Peter Lim Pui Ho minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan samada:

- (a) Kementerian bercadang memajukan lebih banyak rancangan-rancangan rumah murah di Sabah terutama sekali di Sandakan;
- (b) beliau sedar bahawa pembinaan rancangan rumah murah di Batu 4 Jalan Utara, Sandakan telah bermula dalam bulan Disember 1974 dan hingga hari ini masih belum siap.

Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Tuan Michael Chen Wing Sum):

- (a) Bagi menjawab soalan (a) Ahli Yang Berhormat, saya suka memaklumkan bahawa Kementerian saya, melalui Suruhanjaya Perumahan Sabah, memang bercadang untuk melaksanakan lebih banyak lagi rancangan-rancangan perumahan kos rendah di beberapa daerah di Negeri Sabah, termasuklah Sandakan.
- (b) Soalan (b) Ahli Yang Berhormat itu, saya berpendapat tidak begitu spesifik kerana tidak menyebut peringkat mana projek perumahan kos rendah di Batu 4 Jalan Utara, Sandakan yang belum siap. Saya suka menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa dua peringkat projek tersebut telah dirancang di bawah Rancangan Malaysia Kedua. Peringkat I mengandungi sejumlah 180 yunit rumah kos rendah telahpun siap dibina pada bulan Mac, 1976. Kerja-kerja bagi melaksanakan Peringkat II projek tersebut mengandungi 123 yunit rumah kos rendah, telahpun dimulakan pada bulan September 1975 dan jika tiada apa-apa menghalang dijangka siap pada awal tahun 1977.

KAMPUNG-KAMPUNG BARU

23. Tuan Ngan Siong Hing minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan samada Kerajaan akan menimbangkan untuk melantik sebuah Jawatankuasa Khas untuk mengkaji keperluan-keperluan penduduk-penduduk kampung baru seperti jalan, parit dan longkang, bekalan letrik, air, kemudahan riadah dan tapak perumahan.

Tuan Michael Chen Wing Sum: Sebagai yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum, masalah-masalah di kampung-kampung baru, seperti juga dikebanyakan kampung-kampung yang lain, tidak tertumpu hanya kepada keperluan-keperluan seperti jalan, parit dan lain-lain infrastruktur yang disebutkan di dalam pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu. Perkara-perkara seperti keselamatan dan pembangunan sosio-ekonomi kampung-kampung tersebut adalah amat penting dan Kementerian saya telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa, yang dipengerusikan oleh Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan untuk mengkaji aspek-aspek tersebut, terutama dari segi keselamatan.

HOSPITAL BESAR, IPOH—SIASATAN ATAS PUAN AMALAPOVA MARY

24. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Kesihatan menyatakan samada siasatan di dalam perkara Puan Amalapova Mary dari 452 New Kopisan, Gopeng, yang dibangkitkan olehnya (Y.B. Lim Kit Siang) dalam sidang Dewan Rakyat yang lalu telah siap; jika ya, nyatakan hasil siasatan yang dijalankan itu.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Ya, penyiasatan mengenai perkara tersebut telahpun selesai. Hasil siasatan itu adalah seperti di bawah:

- (a) Daripada rekod yang ada di Hospital Besar, Ipoh, Puan Amalapova Mary telah datang ke Klinik Pesakit Luar pada 3hb April, 1975 bagi rawatan kerana sakit kepala.
- (b) Berikutan dari itu, Puan Amalapova Mary ada hadir di Klinik Pesakit Luar pada 8hb April, 22hb April dan 15hb Mei, 1975 bagi rawatan kerana demam

dan sakit kepala. Beliau telah di periksa, diselidik dan dirawat. Keadaannya bertambah baik.

- (c) Pada 6hb Jun, 1975, buat pertama kalinya beliau menyatakan kepada Datin Dr Jeyaratnam bahawa ia telah berkahwin dan hidnya telah tidak datang dari bulan Januari, 1975. Beliau telah diperiksa oleh Datin Dr Jeyaratnam tetapi doktor itu tidak dapat mengesahkan tentang kehamilannya. Kandungan rahimnya terlalu kecil daripada ukuran besar kandungan rahim yang dijangka bagi tempoh ketiadaan datang hid. Tambahan lagi di dalam sebuah klinik pesakit luar yang sebuk, pesakit itu mungkin tidak bertenang dan utut-utut perutnya mungkin tegang sedikit. Oleh kerana doktor itu tidak dapat menentukan kehamilannya, maka doktor itu telah memberikan ubat kepadanya untuk digunakan sebagai ujian kehamilan. Jika ianya hamil, tidak ada apa-apa yang akan terjadi, tetapi jika ia tidak hamil, hidnya akan datang lebih kurang dalam masa 5 hari setelah ia memakan ubat itu. Suka saya menjelaskan di sini ubat yang diberi itu tidak mengakibatkan keguguran.
- (d) Tuduhan bahawa doktor yang berkenaan berkelakuan kasar adalah sukar untuk ditentukan sekarang kerana kejadian ini telah berlaku dalam awal tahun 1975. Jika sebenarnya doktor itu berkelakuan kasar, pesakit itu boleh membuat aduan pada hari yang sama dan bukanlah melapurkannya pada masa keguguran itu berlaku pada 14-6-75. Doktor yang berkenaan, Datin Dr Jeyaratnam, ialah seorang pegawai yang berpengalaman dan berdedikasi dengan mempunyai perkhidmatan selama hampir 20 tahun dan sentiasa berkelakuan baik dan memberi kerjasama dengan orang awam. Saya rasa mungkin ada sedikit perselisihan faham di antara doktor dan pesakit pada hari itu atas apa yang telah dikatakan.
- (e) Pada 13-6-75 Puan Amalapova Mary telah dimasukkan ke hospital kerana sakit disebelah bahagian bawah perutnya.
- (f) Dalam penyiasatan itu, adalah didapati bahawa rawatan yang betul telah diberi. Pil-pil yang diberi kepadanya tidak

mengakibatkan keguguran. Ibu-ibu yang mengandung adalah dinasihatkan supaya pergi ke klinik ibu-ibu mengandung supaya pemeriksaan mengandung yang bersungguh-sungguh dapat dijalankan. Sukacita saya menjelaskan bahawa kematian anak di dalam rahim itu bukanlah kerana pengurusan salah dari pihak hospital. Selalunya, pesakit-pesakit tidak pergi ke klinik bagi pemeriksaan mengandung sehingga lepas bulan ketujuh mengandung. Namun begitu kejadian kematian anak di dalam rahim sangat jarang dilihat.

Puan Amalapova Mary telah dimasukkan semula pada 21-5-1976 kerana sakit di sebelah bawah bahagian perutnya dan berdarah sedikit. Pada 4-6-76 sekali lagi ia keguguran anak yang telah mati di dalam rahim. Adalah nampaknya perempuan ini kerap mengalami kematian anak di dalam rahim yang bukan disebabkan oleh kesalahan sesiapa jua pun. Saya cadangkan supaya ia pergi mendapatkan satu pemeriksaan perubatan yang cukup untuk mengelakkan daripada terjadinya kejadian yang sama.

PANGGUNG ANIVERSARI DI TAMAN BUNGA

25. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan apakah yang telah terjadi kepada ura-ura dan juga cadangan-cadangan dari orang ramai supaya ditukar nama Panggung Aniversari, di Taman Bunga, Kuala Lumpur itu kepada Panggung P. Ramlee. Samada Kerajaan menerima cadangan-cadangan tersebut dan jika tidak, mengapa.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad): Mengenai ura-ura dan cadangan-cadangan dari orang ramai untuk menukarkan nama Panggung Aniversari di Taman Bunga, Kuala Lumpur kepada "Panggung P. Ramlee", Kerajaan masih lagi meneliti dan mengkaji sedalam-dalamnya mengenai perkara tersebut.

Mengikut pandangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, adalah sangat baik kalau ditukarkan nama Panggung

kepada satu nama tempatan yang dapat mencerminkan tokoh-tokoh kebudayaan dan kesenian Malaysia seperti P. Ramlee, tetapi kajian yang teliti masih lagi dijalankan supaya nama tersebut benar-benar sesuai dan wajar.

Buat masa ini telah banyak nama P. Ramlee diabadikan seperti Pawagam P. Ramlee, Auditorium P. Ramlee dan sebagainya. Oleh itu, untuk menukar nama "Panggung Aniversari" yang bertaraf nasional kepada "Panggung P. Ramlee" adalah memerlukan kajian yang halus sebelum keputusan dibuat supaya jasa-jasa Allahyarham P. Ramlee adalah setimpal dengan penghargaan dan pengabdian yang diberi.

BUMIPUTRA DALAM PERDAGANGAN AJENSI

26. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bilangan Bumiputra yang diberi peluang menyertai dalam bidang-bidang:

- (a) perdagangan;
- (b) pengedaran barang-barang dari kilang-kilang; dan
- (c) kerja-kerja agensi;

dan nyatakan bilangan penerima Bumiputra dari Kelantan.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Butir-butir mengenai bilangan Bumiputra yang telah diberi peluang dalam bidang-bidang yang berkenaan telahpun dijelaskan dalam persidangan Dewan ini pada 1hb, 5hb, 12hb, 14hb, 15hb dan 16hb April, 1976.

Perlu dinyatakan bahawa tidak semua perdagangan agensi bagi mengedarkan barang-barang berdasarkan kepada negeri-negeri. Walau bagaimanapun bagi beberapa jenis barang bilangan pengedar-pengedar Bumiputra di negeri Kelantan adalah seperti berikut:

- | | | | | |
|-------------------|-----|-----|----|----------|
| (i) Simen | ... | ... | 2 | pengedar |
| (ii) Besi waja | ... | ... | 2 | " |
| (iii) Cat | ... | ... | 3 | " |
| (iv) Petrol Kiosk | ... | ... | 12 | " |
| (v) Minyak tanah | ... | ... | 3 | " |

(vi) Gas	...	...	7	pengedar
(vii) Barang Elektrik	...	...	2	"
(viii) Rokok	...	...	3	"
(ix) Susu	...	...	4	"
(x) Minuman	...	...	2	"
(xi) Kereta	...	...	5	"
(xii) Motosikal	...	...	9	"
(xiii) Basikal	...	...	1	"
(xiv) Tepong	...	...	4	"
(xv) Gula	...	...	6	"
(xvi) Kasut	...	...	4	"

KESELAMATAN SOSIAL

27. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan dengan menyeluruh langkah-langkah yang diambil setakat ini untuk memperbaiki kedudukan keselamatan sosial di negara kita ini.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Lee San Choon): Pihak Kementerian telah memohon dan memperolehi di bawah Rancangan Pembangunan Bangsa-bangsa Bersatu (U.N.D.P.) 2 orang pakar dalam bidang Keselamatan Sosial lewat tahun lepas untuk menolong dalam kerja memperbaiki kedudukan keselamatan sosial di negara kita. Pada masa yang sama Pertubuhan Keselamatan Sosial sendiri telah menubuhkan satu jawatankuasa kecil untuk memeriksa dan mengkaji beberapa aspek perundangan yang ada di atas asas pengalaman praktik mereka. Jawatankuasa ini telahpun selesai membuat kajiannya dan telah mengemukakan cadangan-cadangan mereka kepada pakar-pakar itu dengan tujuan hendak membantu mereka semasa mereka menyediakan pindaan-pindaan kepada Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969. Pakar-pakar ini telah diberi tugas yang melibatkan aktiviti-aktiviti berikut:

- (1) Menentukan satu siling pendapatan yang baru untuk penaksiran terhadap caruman di bawah sekim Keselamatan Sosial;
- (2) menentukan samada kakitangan Kerajaan patut dimasukkan di bawah sekim;
- (3) menukar sistem menggunakan kad carum kepada sistem bayaran bulanan

dan kenyataan pembayaran 2 kali setahun;

- (4) menggunakan alat komputer untuk proses pentadbiran;
- (5) membuat kajian tentang keperluan minima di bawah faedah hilangupaya sementara dan hilangupaya kekal;
- (6) membuat penentuan tentang kawalan yang lebih berkesan di bawah sistem rawatan perubatan;
- (7) menyusun semula SOCSO sebagai badan berkanun dan mengembangkannya di atas asas fungsi;
- (8) menentapkan satu dasar yang rapi mengenai liputan terhadap petani-petani dan nelayan-nelayan dengan cara menjalankan satu siri kajian yang lengkap berhubung dengan keadaan pekerjaan mereka, memulakan rancangan peluasan liputan di kawasan-kawasan luarbandar yang sesuai dan mengambil tindakan-tindakan yang perlu untuk menjamin kemudahan-kemudahan perubatan pada taraf yang sesuai boleh diperolehi;
- (9) memulakan Sekim Insuran Sakit dan Bersalin;
- (10) menimbangkan satu aspek yang berhubung dengan sekim pencen yang lengkap, khasnya sekim pencen warisan, memandangkan K.W.S.P. sudahpun wujud.

Projek ini telahpun disusun semula dan dijangka akan siap pada bulan Jun, 1977. Walau bagaimanapun ini tidaklah pula bermakna pelaksanaan setengah daripada matlamat-matlamat yang segera terpaksa menunggu tamatnya projek ini pada keseluruhannya. Sebagai contoh, penggunaan alat komputer sedang dilaksanakan sekarang secara berperingkat; mulai Julai, 1976, majikan-majikan di Kawasan Kuala Lumpur boleh membayar caruman mereka terus dengan cek dan tidak lagi melalui proses membeli setem. Begitu juga dengan cadangan hendak menjadikan SOCSO badan berkanun; deraf undang-undangnya telahpun siap dan akan dikemukakan di Dewan ini pada sidangannya dalam bulan November.

PENGUNDURAN PASUKAN POLIS HUTAN

28. Tuan Embong bin Yahya minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sebab beliau menyatakan kebimbangan-nya yang Betong di Sempadan Thai akan jatuh ke tangan kominis apabila Pasukan Polis Hutan kita ditarik keluar;
- (b) sebab P.P.H. kita ditarik keluar dari Betong; dan
- (c) adakah ini ada kaitan dengan rasa tidak senang Thai terhadap aktiviti penduduk-penduduk Islam Selatan Thai.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):

- (a) Nampaknya kenyataan saya sudah diputarbelitkan. Saya tidak pernah menyatakan kebimbangan bahawa Betong akan jatuh ke tangan kominis apabila Pasukan Polis Hutan balik ke pengkalan. Saya hanya menyatakan kebimbangan bahawa Wilayah Betong akan dikuasai oleh pengganas kominis sekiranya pihak Thai tidak berupaya menempatkan tentera dengan cukup lengkap untuk menggantikan tempat Pasukan Polis Hutan. Ini berlainan sekali dengan apa yang dimaksudkan dalam soalan Yang Berhormat dari Ledang. Sekiranya kekosongan ini tidak diisi maka bahagian sempadan kita akan terancam, kerana pihak musuh akan mempunyai pengkalan yang selamat untuk berlatih, merancang, memulakan tindakan serta berundur ke tempat yang selamat dengan maharajalela.
- (b) Kita telah diminta oleh Kerajaan Thai supaya menarik keluar P.P.H. kita, dan kita mematuhi kehendak tersebut.
- (c) Setahu saya ini tidak ada kaitannya dengan perasaan yang tersebut.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Majlis ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 7.30 malam.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Majlis ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 7.30 malam.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG TALIKOM (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Talikom, 1950; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perhubungan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Persidangan akan datang.

RANG UNDANG-UNDANG PERKAPALAN SAUDAGAR (PINDAAN DAN PERLUASAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Ordinan Perkapalan Saudagar, 1952 dan meluaskan perjalanan kuatkuasa Ordinan tersebut, sebagaimana dipinda, ke semua bahagian Persekutuan; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perhubungan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Persidangan akan datang.

USUL

RANCANGAN MALAYSIA KETIGA 1976-1980

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah:

Bahawa Dewan ini menyedari kemajuan yang sempurna yang telah dicapai dalam usaha melaksanakan peringkat pertama Dasar Ekonomi Baru melalui Rancangan Malaysia Kedua; bersetuju dengan usaha-usaha Kerajaan seterusnya untuk mencapai tujuan penting terhadap perpaduan negara melalui pembasmian kemiskinan, tanpa mengira kaum, dan penyusunan semula masyarakat Malaysia serta usaha memperkukuhkan lagi keselamatan negara; meluluskan Rancangan Malaysia Ketiga 1976-1980, yang telah dirangka dengan jelasnya untuk mencapai matlamat-matlamat negara, dasar-dasar dan kewajipan-kewajipan sebagai termaktub dalam Dasar Ekonomi Baru menerusi pelaksanaan langkah-langkah dasar dan program-program pembangunan seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah No. 25, tahun 1976. Bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Ketiga, Dewan ini merayu semua rakyat Malaysia dari semua lapisan hidup untuk memberi sumbangan mereka, mengikut hasrat Rukunegara untuk membentuk satu Negara yang bersatu padu, aman damai, saksama, maju dan kukuh. (19hb Julai, 1976).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya dengan sukacitanya melantik Yang Berhormat Tuan Azahari bin Md. Taib, iaitu Ahli Yang Berhormat dari Kulim Bandar-Bahru untuk menggantikan saya bila saya tidak dapat mempengerusikan Majlis ini. Sekarang perbahasan disambung semula, dijemput Ahli Yang Berhormat dari Jerlun-Langkawi.

3.40 ptg.

Datuk Syed Nahar bin Tun Syed Sheb Shahabuddin (Jerlun-Langkawi): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi mengambil bahagian dalam perbincangan Rancangan Malaysia Ketiga ini cuma dalam dua bahagian sahaja. Pertamanya ialah berkaitan pelaburan dalam labour intensive industry atau industri-industri yang besar yang modal

banyak di dalam private sector kerana keinginan Kerajaan hendak menarik pelaburan yang lebih banyak lagi supaya masalah pengangguran dapat diperkurangkan. Keduanya mengenai allocation atau pemberian wang yang dibuat untuk beberapa negeri yang dikatakan miskin, yang kononnya pemberian itu dibuat berasaskan keadilan dan saksama.

Saya akan mulai dengan soal industri dahulu. Memang kita tidak dapat nafikan yang Kerajaan Malaysia ini kuat dan creditabilitynya sungguh baik dan kukuh kerana saat-saat ini banyak pinjaman secara besar-besaran telahpun diberi oleh negara-negara luar dan sudahpun kita dapati untuk pembangunan dalam public sector dan saya ucapkan syabas kepada Kementerian Kewangan dan juga kepada Bank Negara. Tetapi ini semuanya untuk rancangan-rancangan yang akan dikelolakan oleh Kerajaan. Disebaliknya, dalam private sector kita tidak boleh menipukan diri kita dengan menyatakan bahawa pelaburan dalam private sector akan bertambah dengan keadaan dan climate yang sedia ada ini.

Sebagai bukti kalau kita pegang kepada kenyataan, umpamanya, dalam bidang manufacturing kita mendapati zero growth tahun yang lalu. Dalam bidang trading pula kalau kita memerhatikan trading yang dijalankan, misalnya, oleh badan-badan berkanun yang dianjurkan oleh Kerajaan sendiri yang begitu aggressive dan boleh dianggarkan maju sebagai indicator kita dapati perniagaan mereka juga telah merosot sebanyak 30% disaat-saat ini, dan movement daripada pasaran saham di stock exchange juga kita dapati bahawa jumlah turnover dalam stock exchange tidak lebih daripada \$1 juta sahaja bagi tiap-tiap hari sekarang ini kalau dibandingkan dengan berjuta-juta ringgit dahulunya dan kalau dibandingkan dengan kenaikan pasaran saham di negeri-negeri yang berjiran dengan kita sekarang ini.

Kita seharusnya juga memegang kepada kenyataan bahawa dengan adanya konsep Asian Regional Development ini soal pelaburan dalam industri adalah lebih competitive daripada masa-masa yang lampau dan apa yang patut kita lakukan ialah memberi dorongan supaya lebih banyak lagi entrepreneurs melaburkan modal dalam industri di sini, supaya syarikat-syarikat multi-national juga datang ke Malaysia.

Pemodal-pemodal saham luar negeri dan syarikat-syarikat multi-national sekarang menaruh perasaan yang Malaysia adalah satu kawasan yang mempunyai high commercial security risk dalam peta kemajuan trade dan industry mereka. Maka dengan adanya perasaan ini dan dengan suasana competition yang begitu acute sekali, maka kita tidak seharusnya memegang kepada semangat dan moral suasion sahaja lagi. Apa yang penting sekali kalau kita betul-betul memerlukan higher level of investment dalam negara ini ialah satu dasar baru bercorak new look dan new industrial atmosphere dengan cara memberi encouragement atau galakan dan enlightenment atau panduan patut diadakan sekarang.

Satu lagi faktor yang penting, selain daripada apa yang saya perkatikan tadi, ialah dorongan yang boleh menjamin keuntungan yang menasabah kerana keuntungan adalah asas perniagaan. Malaysia mestilah sedar bahawa kalau dimasa dahulu ramai industrialists berlumba-lumba hendak ke sini, ini ialah kerana diwaktu dahulu industries tidak memerlukan modal besar dan jarang sekali mengalami capital risk yang besar seperti mana sekarang. Tetapi sekarang ini dalam peringkat kemajuan industry dan trade yang kedua di mana modal-modal kecil sudah penuh sesak di negara kita dan boleh dikatakan semua industri yang penting yang memerlukan domestic market sudahpun penuh ditubuhkan dalam negara kita, cuma yang ketinggalan ialah industri-industri yang menggunakan modal yang banyak dan yang terpaksa mencari pasaran, bukan sahaja dalam negara kita, tetapi di luar negeri, luar daripada Malaysia atau mereka mestilah export orientated. Ini bermaknalah risk capitalnya besar. Maka di sinilah perlu Kerajaan membantu bakal-bakal industrialist itu secara mengeksploitkan konsep Asian Regional Development ini dengan cara mengadakan satu strategi baru di mana, umpamanya, industri-industri yang besar yang boleh mengeluarkan modal lebih daripada \$50 juta dan yang boleh menggunakan tenaga tidak kurang daripada 500 orang umpamanya akan diberi incentive dalam bentuk pinjaman bank untuk working capital dengan faedah yang agak rendah sedikit dan lebih-lebih lagi kalau projek itu untuk pertanian. Bank-bank perdagangan di Malaysia kebanyakannya amatlah liquid sekarang ini. Oleh itu, mengapakah satu sekim industrial loan yang faedahnya rendah tidak dapat diadakan

untuk menggalakkan industri yang besar dan yang labour intensive dan export orientated seperti dibuat oleh negeri-negeri lain yang berjiran dengan kita. Selain daripada industrial loan, tanah-tanah murah perlu disediakan dan power dan electricity juga patut diberi dengan bayaran yang murah dan infrastructure patut ditambahkan sebagai incentive.

Satu lagi masalaah ialah soal memproses permintaan atau permohonan untuk kemajuan industri. Banyak industrialists merungut tentang red tape dan bureaucracy banyak sangat badan-badan yang bertanggungjawab bersabit dengan industry dan trade. Kata mereka paper work and more paper work sebinggakan mereka sendiri tidak faham apa yang perlu dibuat. Apa yang penting ialah keputusan yang cepat dan cekap dan enthusiasm dan semangat yang boleh mendorong entrepreneurs menubuhkan factory yang banyak dalam masa yang singkat dengan menggunakan paper work yang minima. Mungkin jawapan perkara ini kita perlu asingkan industry dan trade dalam Kementerian atau adakah satu sistem pentadbiran khas yang dianggotai oleh technocrat, bukan lagi bureaucrat dengan satu industrial czar yang boleh memberi keputusan yang cepat dan tepat. Umpamanya, di Singapura, satu-satu keputusan boleh dibuat dalam satu minggu dan di Filipina sebagai galakan kepada industri yang besar-besar, Kerajaan Filipina boleh beri tanah yang murah dan telahpun mengadakan slogan "We love multinational". Multinational diberi bukan sahaja tanah yang murah bahkan headquarters mereka itu dikecualikan daripada cukai. Syarat-syarat yang elaborate, yang kurang baik seharusnya diexhumekan dan diganti dengan yang lebih practical dan polish untuk memberi new life kepada industri. Dengan jalan ini mungkin kita dapat menambah lagi penyertaan industri dan dengan ini kita dapat mengurangkan pengangguran.

Berbalik kepada perkara yang kedua iaitu mengenai allocation yang diberi kononnya berasas kepada keadilan dan saksama kepada negeri-negeri yang miskin seperti Kedah di mana saya sendiri sudah beberapa kali bercakap dan sekarang malu hendak bercakap, tetapi terpaksa bercakap juga oleh kerana saya pandang daripada kedudukan rakyat di sana dan dari segi keadilan dan saksama. Di manakah keadilan ini? Marilah

kita tengok atau lihat allocation yang diberi kepada negeri Kedah dari segi comparative total allocation, dari segi economic dan social allocation dan dari segi per capita allocation.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi comparative total allocation kalau kita bandingkan dengan negeri Perlis, Kelantan dan Trengganu, negeri Kedah mempunyai 1,096,000 rakyat, negeri Perlis 137,000 rakyat, negeri Kelantan 793,000 rakyat dan Trengganu cuma 467,900 rakyat. Bermakna-lah daripada total allocation yang kita terima daripada Third Malaysia Plan kita tengok allocation yang diberi kepada negeri Kelantan \$1,018,000,000 negeri Trengganu \$919,000,000, negeri Kedah cuma 854,000,000, kepada negeri Perlis \$196,000,000. Jadi allocation per capita kalau kita bahagikan kepada penduduk dalam negeri-negeri ini bermakna-lah di negeri Trengganu bagi tiap-tiap rakyatnya boleh mendapat bantuan \$1,947 bagi tiap-tiap seorang dalam bentuk pembangunan masyarakat dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Bagi negeri Kelantan tiap-tiap rakyatnya boleh dapat \$1,284, negeri Perlis \$1,139, tetapi bagi negeri Kedah yang telah membekalkan begitu banyak beras dan padi untuk negara, negeri yang memelihara demokrasi bagi mengisikan perut rakyat, Kedah cuma dapat bagi tiap-tiap warga-negaranya \$778 sahaja. Kemudian daripada segi allocation for economic social development kepada negeri Trengganu, mereka mendapat \$872,000,000, negeri Kelantan \$926,000,000 negeri Perlis \$152,000,000 dan negeri Kedah \$811,000,000. Pukul rata bagi tiap-tiap seorang penduduk di negeri Trengganu mendapat \$1,864, bagi negeri Kelantan \$1,167, bagi tiap-tiap seorang, bagi negeri Perlis \$1,112, bagi negeri Kedah \$739, Tuan Yang di-Pertua, yang datang juga daripada negeri Kedah.

Lagi satu dari sudut comparative total allocation by major development projects. Projek yang saya akan sebutkan mulanya project agriculture dan rural development. Nasib baik negeri Kedah ada Rancangan Muda, kita dapat \$283,000,000, tetapi negeri Perlis \$319,000,000, negeri Kelantan \$469,000,000, negeri Trengganu \$840,000,000.

Commerce and Industry—Trengganu \$184,000,000, Kelantan \$206,000,000 Perlis \$234,000,000, Kedah cuma \$144,000,000.

Transportation—Trengganu \$230,000,000 Kelantan \$109,000,000, Perlis \$51,000,000 Kedah cuma \$45,000,000.

Bekalan listrik (electricity)—Trengganu \$121,000,000, Kelantan \$42,000,000, Perlis \$25,000,000, Kedah \$8,000,000.

Rural Electrification—Trengganu \$42,000,000, Kelantan \$38,000,000, Kedah \$30,000,000 dan Perlis \$38,000,000.

Bekalan Air (water supply, rural supply dan sebagainya)—Trengganu \$99,000,000, Kelantan \$83,000,000, Perlis \$80,000,000 dan Kedah cuma \$40,000,000.

Kemudian dari segi education—Trengganu \$192,000,000, Kelantan \$91,000,000, Perlis \$184,000,000 dan Kedah \$85,000,000.

Inilah keadaan-keadaan pemberian yang telah dibuat dan saya sendiri tidak faham tentang asas pemberian itu. Di manakah keadilan yang disebut-sebutkan itu? Di manakah Rancangan Kerajaan Persekutuan bagi membantu Negeri-negeri yang miskin? Adakah planners yang membuat rancangan ini sedar tentang masalah-masalah yang kita sedang hadapi? Saya sendiri telah melihat laporan yang disediakan oleh pihak-pihak yang berkenaan di mana mereka telah menyebutkan bahawa poverty ialah soal pertama dan mereka juga tahu di mana duduknya poverty dan tahu juga penanam padi ialah satu golongan yang amat miskin tetapi dalam pemberian yang dibuat ini Kedah menerima yang tersedikit sekali. Inipun mujurlah kita dapat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan yang bermurah hati di negeri ini. Tetapi apa yang menggelikan hati saya ialah peruntukan untuk family planning dipertambahkan, Tuan Yang di-Pertua. Kalau capacity dijadikan sebab yang peruntukan ini dikurangkan, ini adalah issue yang lain kerana negeri Perlis juga agak saya capacity mereka sama banyak atau sama kurang dengan negeri Kedah. Kalau keadaan ini dibiarkan apa yang saya bimbangkan akan berlaku di negeri Kedah ialah orang-orang di luar bandar akan berpindah bukan ke pekan-pekan di negeri Kedah, tetapi ke Mak Mandin dan Bayan Lepas untuk mencari nafkah dan ini akhirnya kalau tidak dibaiki akan menjadikan satu gejala regional imbalance yang akan berlaku di negeri utara.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang pelek Pulau Langkawi yang sebahagian daripada negeri Kedah yang telahpun disytihar sebagai kawasan pelancungan daripada semenjak merdeka hingga kini tidak ada peruntukan langsung untuk bekalan electricity oleh L.L.N. dan selain daripada itu jalan-jalan yang bertar yang patut diadakan untuk mendekatkan pelancung-pelancung daripada Pekan Kuah, Langkawi ke kawasan-kawasan pantai yang elok belum lagi diadakan.

3.59 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, dalam bahagian-bahagian di mana ada didapati banyak istilah-istilah teknikal saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris di dalam bahagian-bahagian tersebut.

Tuan Azahari bin Md. Taib: Walaupun saya benarkan, tetapi saya harap Yang Berhormat menurut nasihat daripada Tuan Yang di-Pertua, semalam supaya menggunakan lebih banyak Bahasa Kebangsaan.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dalam kata pendahuluan kepada Rancangan Malaysia Ketiga, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada berkata: "Rancangan Malaysia Ketiga adalah berteraskan kepada tiga matlamat penting iaitu membasmi kemiskinan, meneruskan usaha untuk menyusun semula masyarakat dan memperkukuhkan lagi keselamatan negara."

Ini adalah mungkin menjadi kenyataan yang penting dan revealing sangat daripada kenyataan-kenyataan lain dalam 430 muka surat yang terkandung dalam buku Rancangan Malaysia Ketiga.

Rancangan Malaysia Kedua dari tahun 1971 hingga 1975 mengandungi Dasar Ekonomi Baru dua penjuruan untuk pembangunan. Penjuruan atau matlamat pertama ialah untuk mengurangkan dan pada akhirnya membasmi kemiskinan, dengan meninggikan paras pendapatan dan memperbanyakkan lagi peluang-peluang kerja bagi semua rakyat Malaysia tanpa mengira bangsa. Matlamat kedua ialah untuk mempercepatkan proses menyusun semula masyarakat Malaysia untuk memperbaiki ketidak-perseimbangan ekonomi supaya mengurangkan dan pada akhirnya menghapuskan pengekalan bangsa dengan fungsi ekonomi.

Kedua-dua matlamat ini telah direka untuk memudahkan pencapaian objektif utama negara kita iaitu perpaduan negara.

Kenaikan memperkukuh lagi keselamatan negara sebagai objektif atau matlamat ketiga Rancangan Malaysia Ketiga adalah yang pertama satu pengakuan (efficient) bahawa Rancangan Malaysia Kedua telah gagal mencapai ataupun memudahkan pencapaian objektif utama ini bagi negara dan yang kedua ialah satu pengakuan bahawa kita menghadapi satu krisis nasional yang serious yang dihadapi oleh Malaysia.

Sudah menjadi bukti dengan sendirinya bahawa jika Rancangan Malaysia Kedua telah maju dengan puas hati dan dengan jayanya dalam mencapai perpaduan negara yang lebih kukuh, maka Malaysia tidak akan dihadapi dengan satu keadaan keselamatan serious yang kini bertambah dan juga satu peperangan garila. Rakyat Malaysia yang berfikir waras mengambil berat selama beberapa tahun yang lampau mengenai rintangan teruk kepada tugas pembinaan negara. Meskipun satu jenerasi baru rakyat Malaysia telah membesar dan berpendidikan sejak merdeka, perpaduan negara masih sukar dicapai seperti juga dahulu. Itulah sebabnya saya telah mencadangkan dalam perbahasan Ucapan Di Raja pada bulan Mac 1976, saya telah ada buat satu usul supaya satu Suruhanjaya Siasatan Di Raja diadakan untuk mengkaji dalam segala segi soal perpaduan negara di atas mana kejayaan nasional Malaysia bergantung. Pada masa itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menjawab menyatakan bahawa ini tidak perlu, atas alasan bahawa semua dasar Kerajaan telah ditujukan kepada perpaduan negara.

Pada hujung bulan yang lalu, saya telah mengambil perhatian dengan penuh minat satu seruan daripada seorang kenamaan iaitu bapa Merdeka yang juga Perdana Menteri Malaysia pertama, Tunku Abdul Rahman mendesak supaya dasar Kerajaan dikaji semula untuk memperkuat perpaduan di kalangan rakyat jelata. Tunku Abdul Rahman tidak menjadi seorang Ahli D.A.P., tetapi kesemua ini adalah menjadi issue-issue pokok yang Kerajaan dan negara hanya boleh mengeneipkan jika kita mahu risiko nasional berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya melanjutkan lagi ucapan saya, biarlah saya mengistiharkan di sini bahawa kami dalam D.A.P. tidak berminat untuk mencari kesilapan atau fault finding dalam Rancangan Malaysia Ketiga oleh kerana ada issue-issue yang lebih pokok yang menghadapi negara kita.

Malaysia sekarang di persimpangan (cross road) destininya. Satu jalan menuju ke arah perpaduan negara dan penyelamatan, manakala jalan yang lain pula menuju ke arah perpecahan negara dan disintegrasi. Jika Malaysia mahu memilih jalan yang sesuai dan baik, maka kita harus terlebih dahulu mengenalkan masalah-masalah pokok kerana sebarang solusi tidak boleh dicapai bagi sesuatu masalah yang tidak dikenali dan diperakui, samada melalui kegagalan ataupun ketidakrelaan untuk identify soalan masalah ini.

Apabila saya telah membaca Rancangan Malaysia Ketiga, pandangan pertama saya ialah dokumen ini adalah lebih balanced dan rounded bila dibanding dengan Rancangan Malaysia Kedua. Nampaknya beberapa kritik yang D.A.P. membuat dalam tempoh masa Rancangan Malaysia Kedua telah diterima. Misalnya, dalam objektif matlamat pertama untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum, ada identification luas dan perakuan golongan-golongan miskin yang dahulunya telah tidak dipedulikan. Penderitaan penduduk-penduduk kampung-kampung baru dan pekerja-pekerja ladang adalah contoh-contoh yang terang dan nyata sekali. Dan saya boleh ingat lagi pada 13-12-1971, saya ada mengesyorkan bahawa Kerajaan mesti ada satu rancangan khas untuk meninggikan taraf kehidupan penduduk-penduduk kampung-kampung baru oleh kerana mereka telah tertinggal daripada aliran pembangunan. Pada masa itu, saya diselar dan dituduh sebagai chauvinist. Rancangan Malaysia Ketiga sekarang mengenali dan mengakui penduduk-penduduk kampung-kampung baru dan pekerja-pekerja ladang sebagai golongan-golongan miskin tertentu.

Sekali lagi semasa perbahasan Kajian Semula Penggal Pertengahan Rancangan Malaysia Kedua pada 27-11-1973, saya telah mengkritik usaha-usaha menyusun semula masyarakat. Sebagai contoh, saya telah menyatakan bahawa peneroka-pencroka

seramai 29,000 buah keluarga pada hujung tahun 1973 di FELDA terdiri kebanyakannya daripada satu golongan bangsa sahaja. Oleh kerana hasil penerokaan seperti ini adalah untuk mengekalkan identification satu bangsa dengan sejenis kerja, saya telah menyeru supaya usaha-usaha benar dijalankan untuk mendapat orang-orang bukan Melayu menyertai rancangan-rancangan peneroka pertanian Kerajaan.

Dalam Rancangan Malaysia Ketiga, Kerajaan mengenali dan mengakui bahawa orang-orang bukan Melayu telah ketinggalan di belakang dalam rancangan-rancangan peneroka tanah dan pertanian.

Saya tidak tahu samada political perception yang luas ini mengenai sebab-sebab pokok masalah-masalah ekonomi di Malaysia, yang tidak begitu luas dan dalam sepertimana yang saya mahukan ada disertai (accompanied) dengan keyakinan politik atau political will untuk menghasilkan dasar-dasar berkesan untuk menghapuskan masalah-masalah seperti itu, ataupun samada political perception ini telah meresap ke dalam seluruh Kerajaan dan jentera pentadbiran dan bukan hanya ditumpu kepada sebilangan orang yang membuat dasar-dasar. Walau bagaimanapun, saya akan tinggalkan buat masa sekarang apa yang saya akan bercakap tentang hasil kedua-dua penjurur Rancangan Malaysia Kedua kemudian nanti.

Tuan Yang di-Pertua, pandangan kedua saya apabila saya membaca Rancangan Malaysia Ketiga ialah satu impression of unreality. Projeksi-projeksi, prospek-prospek dan rancangan-rancangan yang bukan hanya untuk selama lima tahun sahaja tetapi untuk 15 tahun akan datang hingga 1990 adalah semuanya bergantung kepada bahawa Malaysia ialah negara yang aman, maju dan penuh keharmonian bangsa. Ini adalah satu assumption yang besar seperti ditunjuk dengan kenaikan perkukuhan keselamatan negara sebagai matlamat ketiga dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, perbelanjaan untuk pertahanan dan keselamatan akan berlipat ganda dua kali ganda daripada yang digunakan dalam Rancangan Malaysia Kedua. Walaupun \$2 billion juta dianggar untuk perbelanjaan itu atau 11.9% daripada semua perbelanjaan pembangunan, perbelanjaan akhir akan melebihi anggaran awal seperti berlaku dalam Rancangan

Malaysia Kedua, tetapi suatu soal sah boleh ditanya samada pengambilan wang sebanyak \$1 billion daripada peruntukan bagi pertahanan dan keselamatan untuk melabur dalam, katakan, satu kegiatan yang lebih bertenaga dan cergas untuk mencari dan mengatasi masalah kemiskinan yang sangat teruk di kampung-kampung baru dan ladang-ladang di mana kemiskinan ada teruk di seluruh negara, tidak lebih berhasil dalam hal membina sebuah masyarakat yang lebih stabil di mana kepehitan kelas dan ketegangan perhubungan bangsa yang berkurangan akan memperbaiki keadaan keselamatan.

Ini adalah kerana krisis keselamatan yang dihadapi oleh Malaysia adalah satu peperangan bukan oleh kerana sebuah negara musuh luar, tetapi ianya adalah satu peperangan rakyat yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri the people's war, a war for the hearts and minds of the people.

Saya perhati bahawa sudah ada sekarang satu appreciation yang lebih luas betapa seriousness dan bentuk people's war ini, khususnya di kalangan pemimpin-pemimpin Kerajaan atasan sepertimana yang dibukti oleh dua rencana yang ditulis oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang disiarkan baru-baru ini. Sekiranya pihak Kerajaan telah mendengar apa yang kami dalam D.A.P. telah berkata bukan sahaja dalam Dewan yang mulia ini pada mesyuarat sekarang, bahkan juga dalam mesyuarat yang lalu, negara kita mungkin tidak perlu membelanjakan wang sebanyak \$2 billion untuk pertahanan dan keselamatan bagi lima tahun akan datang.

Saya masih ingat bahawa pada satu masa dalam tahun 1971, saya telah berkata dalam Dewan ini bahawa jika pihak Kerajaan berlanjutan mengeneipkan aspirasi-aspirasi besar semua kelas dan bangsa di Malaysia dan jika sistem demokrasi dijadikan tidak bermakna dan tidak berkesan atau rakyat negara ini dalam perasaan berputus asa akan menyebelahi mereka yang membela kekerasan dan revolusi. Pada masa itu Timbalan Perdana Menteri Allahyarham Tun Dr Ismail berkata beliau bila tidak mahu mendengar apa-apa lagi mengenai revolusi, kebenaran pahit tidak akan terhilang jika kita memejam mata dan menutup teliga. Ketidak sediaan dan ketidak relaian untuk menghadapi kebenaran

pahit hanya menjadikan masalah lebih sukar untuk diatasi dan sekiranya Kerajaan berlanjutan juga untuk mengeneipkan apa yang kami dalam D.A.P. kemukakan dan juga tidak pedulikan keperluan benar semua bangsa dan kelas di Malaysia maka wang sebanyak \$2 billion juta untuk pertahanan dan keselamatan tidak boleh membeli keselamatan, keamanan dan keharmonian. Dan belanja awam sebanyak \$18 billion juta di bawah Rancangan Malaysia Ketiga akan terbuang sahaja.

Kerajaan mesti mengakui bahawa ia separuh bertanggungjawab untuk keadaan keselamatan yang merosot itu dan cabaran serious gurila kominis yang sering bertambah kerana Kerajaan telah menyediakan semaian di mana kader-kader kominis, propagandis-propagandis, dan aktivis-aktivis boleh hidup melalui sikap acuh tidak acuh dan sikap keengganan untuk mengindahkan suara dan penderitaan rakyat jelata dan untuk mengenali, mengakui dan mengatasi frustrasi, perasaan tidak puas hati semua bangsa dan kelas di Malaysia.

Walaupun ada penglihatan politik yang luas mengenai cabaran politik oleh pergerakan gurila kominis, kata-kata Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, yang diulang-ulangi bahawa peperangan yang dilancarkan oleh kominis itu adalah satu peperangan ideologi dan bukan satu peperangan kelas adalah bermakna cabaran itu telah disalah ertikan (misread and misinterpreted) oleh pihak Kerajaan dan oleh yang demikian Kerajaan akan gagal menghadapi pokok persoalan masalah ini di hadapan yang menghadapi Malaysia.

(Dengan izin) Let there be no mistake about it. The communists represent an appeal to the poor of Malaysia, the have-not classes, especially where they feel that the present political system is incapable of improving their life, and let there be no mistake that the communists represent an appeal to the other classes and groups who could find no meaningful alternative to change and reform the present system of its corruption, nepotism, vested interests and authoritarian rule.

History is not deficient in examples where, given the choice between an authoritarian government which is clean, incorrupt, competent and its leaders dedicated to the lot of the masses and an authoritarian

government which is corrupt, incompetent and its leaders dedicated to self-interests and the interests of the moneyed and propertied class, the people prefer the former.

For the Honourable the Deputy Prime Minister to go round and say that if the communists win, the rich and the poor will equally suffer, will dismay the rich but will not make the poor lose any sleep. The answer is to end poverty, where there are no more poor in the country, and to root out injustices and inequalities out of the entire national economic system, and to give meaning to the democratic process.

The Government does not seem to have fully understood the socio-economic and political challenge posed by the communists. Last week, the Johore State authorities issued statements to disclose the connections between the communist groups and secret societies in an attempt to discredit the communists. But it does not seem to strike the Government that its action might lend respectability to secret societies instead.

A predominantly security response to the mounting communist guerrilla challenge is to completely misread the nature of the communist challenge. Malaysians would prefer to live in a democratic system, where there are no great extremes of wealth and poverty, and where every individual can develop his talents and inclinations to the fullest. They would lay down their lives for such a system. But where the democratic system is a crippled creature, where discrimination, injustices and inequalities abound in all areas of national life, where there is corruption and greed, it would be difficult to rally the people to help defend and die for such a system, for there is something evil in such a system and there would be no clear-out moral superiority in the system which is under attack.

The Honourable Prime Minister told an UMNO Economic Seminar in May this year that there is a time-bomb element in the New Economic Policy which would be set off by any delay in its success, particularly in reference to the target of 30% participation of bumiputras in the commercial and industrial activities within 20 years.

In actual fact, there is not one time-bomb ticking away, but several time-bombs ticking away in Malaysia. There are the time-bombs

of races, and the time-bombs of classes. Unless the Government gets down to seriously defuse these time-bombs, Malaysia and all the beautifully-bound five year-development plans can be blown to smithereens.

Tuan Yang di-Pertua, kami dalam D.A.P. adalah Malaysian patriots yang terdiri dari semua latar belakang bangsa yang mahukan kepada satu sistem politik berdemokratik yang dilindungi dan diperkuatkan di mana setiap rakyat mempunyai harapan yang sama dalam masa depan politik dan ekonomi negara dengan hak untuk menjalani satu kehidupan yang bermakna serta peluang-peluang yang cukup untuk mencapai self-fulfilment. Hanya masyarakat seperti ini yang boleh difusekan time-bombs, the multiple time-bombs yang menunggu masa untuk meletup di Malaysia, dan juga mengatasi cabaran keselamatan yang dikemukakan oleh kominis.

Pihak D.A.P. akan memberi Kerajaan setiap kerjasama dan sokongan-sokongan kepada dasar-dasar yang akan menyumbangkan kepada lebih lagi berpatutan negara, satu sistem demokrasi yang lebih kuat dan sebuah order ekonomi dan sosial yang lebih adil. Tetapi kami tidak akan teragak-agak untuk terus menyuarakan dan membangkang segala yang kami nampak sebagai dasar dan pembangunan yang menimbulkan national disunity dan melemahkan forces of democracy and forces of social justice. Dan dengan semangat ini saya akan sekarang menuju perhatian dan pandangan kepada Rancangan Malaysia Ketiga.

Tuan Yang di-Pertua, apabila perbincangan Rancangan Malaysia Kedua di tahun 1971, saya telah melahirkan perasaan khuatir bahawa matlamat pertama Dasar Ekonomi Baru untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum secara kebetulan adalah berkait dengan matlamat kedua yang incidental sahaja kepada matlamat kedua Dasar Ekonomi Baru untuk menyusun semula masyarakat Malaysia. Dan nampaknya kekhawatiran-kekhawatiran ini adalah disahkan.

The Government's statistics on incomes and incidence of poverty are based on the Post Enumeration Survey of the 1970 Census of Population. The Survey indicates that in 1970 about 27% of households in Peninsular

Malaysia had incomes below \$100 per month while 58.5% of the households had income below \$200 a month.

According to the Third Malaysia Plan the Government has chosen a poverty line income where 49.3% of the households fall below the poverty line. The Third Malaysia Plan states that this poverty line takes account of the basic requirements of an average Malaysian household to maintain a family in good nutritional health as well as provide for minimum needs in respect of clothing, housing, household management and transport.

On the basis of this poverty line income, the Third Malaysia Plan states that the poverty rate had declined from 49.3% in 1970 to 43.9% in 1975.

There are several objections to these statistics. Firstly, household income is not a suitable income concept for studying inequality of incomes and incidence of poverty. This is because variations of household size would distort the living standards of individuals, as a large household is clearly less well off than a small household with the same total household income. A high-income household, therefore, does not necessarily have a high standard of living in terms of per capita income. The incidence of poverty has thus been under-stated by considering household incomes, as is done by the Post Enumeration Survey, rather than on the basis of per capita household income or per capita income. Thus a 10-member household income of \$400 a month, giving a per capita household income of \$40 is less well off than two-member household with a household income of \$200, giving a per capita household income of \$100.

In fact, in view of the lower average household size of Malay households (5.070 members per household) than either Chinese (5.819 members) or Indian (5.420 members) per household, the true disparity ratios in levels of living between Malays and non-Malays are really lower than they are made out to be in official and government publications and pronouncements. In other words the inequality of incomes gap between Malays and non-Malays have not been as wide as they had been made out to be by government spokesmen.

Secondly, the selection of a poverty line income common to both rural and urban areas under-estimates the urban poverty relative to rural poverty. This is because the cost of living is higher in urban areas.

Thirdly, we are not told how the Government planners arrived at the poverty line income, where 49.3% of the households are categorised as poor households when 58.5% of the households have income below \$200 a month.

Recently, the M.T.U.C. worked out a minimum family budget for a worker with a wife and three children (based on the average size of households). Two of the children are taken to be school-going and a third non-schooling. Food and rent constitute the bulk of the expenditure but only the barest needs are provided for: the diet being based on the General Hospital standards. No provision is made for festivals and emergencies, nor is there any provisions for medical expenses. The budget for this average family works out as follows:

Food	...	...	...	...	\$ 94.11
Rent (including electricity, water, etc)	...	...	...	...	\$ 86.13
Education	...	...	...	...	\$ 25.20
Others	...	...	...	...	\$ 24.13
TOTAL					\$229.57

This is an indication of the unacceptability of the Government's poverty line income, which works out to a household income of about \$150 a month.

Fourthly, we are not told how the Government has found that the incidence of poverty, based on the poverty line income, had been reduced from 49.3% in 1970 to 43.9% in 1975. In the absence of data as to how the Government arrived at this figure, we are only left to wonder whether this is an inspired guess of the planners, bearing no relation to facts.

Fifthly, the Government planners appear to have in mind a static poverty line income from 1970 to 1990, as shown in Table 4-13 of the Third Malaysia Plan, without taking into account that rising cost of living will push the frontiers of the poverty line income higher and higher. Thus Paragraph 243 of the Third Malaysia Plan envisages a marked

reduction in the overall incidence of poverty by over one-half from about 50% in 1970 to under 20% in 1990. The incidence of poverty in the rural areas is expected to fall from 59% in 1970 to 23% in 1990 with the number of poor households declining from 706,000 to 390,000. The number of poor households in the urban areas could increase from 86,000 to 125,000, although the incidence of poverty would decline from 21% to 9%.

In view of the above five objections, especially the under-estimation of the percentages of households who are poor, and the unrealistic holding down of a poverty line income for twenty years, the Third Malaysia Plan does not give a true dimension of the problems of poverty in Malaysia. We must also not forget that the poor in Sabah and Sarawak are not included in these figures.

A conspicuous omission in the Third Malaysia Plan is that we do not have a picture of the growing or diminishing share of the poor in the total national income, for this will show us whether there is a fairer redistribution of income and lessening of income inequalities in the country.

In 1970, the lowest 40 per cent of the households account for only about 12% of total income, while the top one-tenth of all households accounted for nearly 40%.

What is the position now? What is the targetted redistribution of incomes between the poorest sections of the population and the richest? The Third Malaysia Plan and the Outline Perspective Plan 1970-1990 are both silent on this.

I repeat my call which I made during the Mid-Term Review Debate that the government should work out a programme whereby within the 20 year period from 1970-1990, the lowest 40 per cent of the Malaysia's poor households will account for at least 30 per cent of the total income. This will be more meaningful in the elimination of poverty and restructuring of society than to hold to an unrealistic poverty line income for twenty years.

There is no evidence that the Second Malaysia Plan had reversed or stopped the trend, discerned from Independence till 1970 and borne out by the Government's own

surveys and census, of a growing inequality of income, with the rich getting richer and the poor poorer.

The majority of the rural poor, in particular farmers and fishermen, have not benefitted materially from Government development.

In 1970, the two largest groups in poverty in the rural areas were rubber smallholders, who accounted for 226,000 households or 29% of the total in poverty and padi cultivators who made up 123,000 households or 16%. Three smaller groups were estate workers (about 60,000) fishermen (28,000) and coconut smallholders (17,000). The remainder of the rural poor were engaged in mixed agriculture (126,000), manufacturing industry and services (124,000). Straddling the various sectors of the rural economy are New Village residents and agricultural labourers (excluding estate workers)—about 85,000 and 115,000 households respectively were poor. The Orang Asli were another poverty group numbering about 53,000 people.

Tuan Yang di-Pertua, without structural changes in the agricultural economy, such as radical land reforms, the agricultural poor in the rural areas cannot rise above the poverty trap.

Tuan Yang di-Pertua, menurut penbancian Agriculture 1960 yang paling komprehensif yang diadakan pada tahun 1960 ini, luasnya kawasan bagi pekebun-pekebun kecil getah ialah 5.2 ekar, dengan lebih kurang 24% dari pekebun-pekebun ini adalah mempunyai tanah kurang daripada 3 ekar dan lebih 46% adalah di bawah 5 ekar. Bagi padi luas kawasan tanamannya ialah 2.5 ekar, dengan lebih kurang 54% kawasan tanaman, ini adalah di bawah 3 ekar dan 78% adalah di bawah 5 ekar. 16 tahun selepas daripada itu, kawasan tanaman yang tidak berluasan uneconomic size ini menjadi lebih kecil kerana pemecahan yang lebih lanjutnya. Tentu tidak dapat disangkal bahawa dengan luasnya kawasan tanaman yang tidak ekonomik ini, pekebun-pekebun kecil getah dan penanam-penanam padi masih mempunyai bertaraf ekonomi yang di bawah poverty line of income.

Kerajaan tidak berbuat apa-apa untuk mengatasi masalah pokok kemiskinan di kawasan luar bandar ini.

Penderitaan yang dialami oleh penanam-penanam padi yang menyewa tanahnya ini adalah lebih teruk daripada penanam-penanam padi yang mempunyai tanah sendiri. Menurut satu kajian, kadar kemiskinan atau rate of poverty bagi penanam-penanam yang menyewa tanah ini adalah setinggi 80% jika dibandingkan dengan 50% bagi tuan-tuan punya tanah.

Akta Kawalan Sewa Tanah "The Control of Rent and Security of Tenure" yang diadakan untuk melindungi penanam-penanam padi yang menyewa tanah ini dengan menetapkan sewaan minima dan tempoh sewa minima masih belum lagi dikuatkuasakan. Biasanya lebih kurang satu daripada tiga keluarannya adalah dibayar kepada tuan-tuan punya tanah. Dalam beberapa kawasan, bahagian-bahagian adalah lebih tinggi. Tetapi kaum petani yang sangat-sangat menghausi tanah untuk tanamannya lebih suka membayar sewa yang tinggi daripada menghadapi keadaan pengangguran. Hanya satu-satunya cara penyelesaian yang berjangka panjang dan berkesan bagi mengatasi masalah pokok kemiskinan luar bandar ini ialah mengadakan satu program land reform untuk membolehkan kaum petani memiliki tanah sendiri.

Satu permulaan hendaklah dibuat di dalam sektor padi ini. Pemilikan tanah pertanian ini hendaklah dihadkan kepada kaum petani yang *bono fide* sahaja, dan perlu diadakan satu peraturan pada bilangan ekar atau ceiling yang diizinkan untuk dimiliki oleh seseorang petani atau keluarga yang bertani dengan berasaskan pada kebolehan untuk bertani di tanah itu.

Pekebun-pekebun kecil getah

Mengenai pekebun-pekebun kecil getah ini, pihak RISDA hendaklah menjalankan satu program yang besar untuk menolong pekebun-pekebun kecil yang mempunyai bilangan ekar yang kecil untuk memperolehi kemilikan yang "economic-sized", memperbaiki keluaran tahunan yang sekarang hanya 670 paun satu ekar, bila dibandingkan dengan keluaran estate yang berjumlah 1,020 paun satu ekar, menambah penanaman semula dan memajukan amalan-amalan pengeluaran seperti memperbaiki teknik

menoreh yang akan mengawali penyakit dan melanjutkan umur pokoknya, dan lebih banyaknya pilihan jenis baja-baja yang akan digunakan.

Untuk meringankan kemiskinan di antara pekebun-pekebun kecil getah ini, yang terdiri daripada 226,000 keluarga dan kebanyakannya adalah berasal daripada Melayu, D.A.P. adalah menyeru bahawa pengecualian cukai eksport dan rubber cess bagi pekebun-pekebun kecil yang mempunyai tanah kurang daripada 15 ekar. Ini adalah merupakan satu program yang lebih berkesan dan bermakna dalam usaha membasmi kemiskinan kepada pekebun-pekebun kecil getah ini.

Dalam hubungan ini, satu keperluan yang terpenting bagi RISDA ialah untuk memperolehi semula keyakinan dari pekebun-pekebun kecil getah ini, kerana banyak tuduhan tentang salahguna kuasa dan wang awam telah dibuat terhadap pegawai-pegawai RISDA yang lain daripada kes-kes di mana N.B.I. sedang menyiasat mengenai subsidi RISDA. Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama dan lain-lain Menteri Kabinet serta pegawai-pegawai tertinggi tentu telah menerima sepucuk surat yang detail dalam lima halaman yang menyenaraikan kepincangan dan maksiat, salahguna wang oleh pihak yang berkuasa di RISDA.

Satu keterangan umum dan penuh hendaklah disiarkan oleh RISDA dan Kementerian Perusahaan Utama pada perkara yang serious ini supaya pekebun-pekebun kecil ini dapat diyakinkan bahawa kepentingan mereka adalah diperlindungi dengan sewajarnya.

Pekerja-pekerja Ladang

Dalam persidangan Dewan Rakyat yang lepas pada tahun 1972, saya telah meminta supaya satu Kementerian Khas perlu ditubuhkan untuk menjaga keadaan dan penderitaan pekerja-pekerja ladang, kerana kadar pembuangan kerja yang tinggi dalam sektor ladang. Sekarang, hakikat ini telahpun diakui dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan sebagaimana yang dinyatakan bahawa kadar kemiskinan di antara pekerja-pekerja ladang ini telah bertambah naik dalam tempoh 1971-1975. Ini adalah disebabkan kelambatan pertumbuhan harga-harga getah di mana gaji-gaji ada diikat (1.8% per annum) jika dibandingkan kenaikan index-harga pengguna (7.3% per annum), dan

pembuangan kerja yang berasal daripada perubahan estet getah ke kelapa sawit. Ini adalah sangat memalukan kerana dalam Rancangan Malaysia Kedua ini, pekerja-pekerja ladang yang dibuangkan dan tanggungannya langsung tidak diperhatikan oleh Kerajaan dengan sewajarnya, atau diberikan apa-apa bantuan untuk menempatkan mereka dalam sekim-sekim tanah awam atau diberikan kerja-kerja yang alternatif.

Pekerja-pekerja ladang sekarang telah diakui sebagai golongan miskin oleh Rancangan Malaysia Ketiga, tetapi saya sangat bersyak-wasangka bahawa adakah Kerajaan benar-benar berikhtisad hendak menolong mereka, kerana hanya pada minggu yang lepas, terdapat satu pindaan terhadap Ordinan Pekerjaan, 1955 yang merampas hak-hak undang-undang dari pekerja-pekerja estet untuk menikmati faedah-faedah retrenchment selepas berkhidmat selama 3 tahun. Pekerja-pekerja estet inilah yang kebanyakannya akan mengalami kerugian daripada pindaan serupa ini.

Penduduk-penduduk Kampung Baru

Berikutan dengan perjuangan D.A.P. pada issue-issue kampung baru ini, satu Kementerian pun ditubuhkan. Sungguhpun demikian, langsung tidak ada apa-apa kemajuan dan kejayaan dicapai untuk memodenkan ekonomi kampung-kampung baru ini dan mengurangkan kadar kemiskinan di antara mereka. Masih boleh didapati bahawa penduduk-penduduk yang tinggal di kampung-kampung baru yang melebihi satu suku kurun ini, geran mereka masih belum dikeluarkan. Kerajaan hendaklah mengadakan strategi-strategi yang berkesan untuk memodenkan ekonomi kampung-kampung baru ini melalui (i) pemberian tanah kepada penduduk-penduduk kampung baru supaya mereka dapat menjalankan kegiatan-kegiatan pertanian dan (ii) dispersal perindustrian ke kampung-kampung baru untuk menciptakan peluang pekerjaan dan pendapatan.

Kemiskinan di bandar

Dalam Rancangan Malaysia Ketiga, kita dapati bahawa bilangan keluarga yang miskin telah bertambah.

Pada hakikatnya menurut Jadual 4-13, if the Government's 20-year Plan succeeds, the total number of 85,900 poor households in the urban areas in 1970 would increase to

125,000 poor households in 1990, although the incidence of poverty would fall from 21.3% to 9.1%. This is a plan for increasing urban poverty, and cannot therefore be accepted by the people, especially the urban Malaysians. This is one area where the first-prong objective of elimination of poverty is sacrificed to the restructuring objective. The 85,900 poor urban households have no prospect of rising above the poverty line, and even worse, would have their ranks swelled by another 40,000 poor households in a generation.

This is one reason behind the changes in Malay employment in secondary and tertiary sectors during the 1971-1975 where the unemployment rate among the Malays declined from 8.1% in 1970 to 6.9% in 1975, which in absolute terms was a marginal increase from 126,400 to 128,300. Employment among Chinese and Indians in absolute terms also increased, but unemployment among them rose. While their shares in secondary and tertiary industries declined, corresponding increase of employment in agriculture did not take place. Among the Chinese, the unemployment rate increased from 7.0% to 7.2% or in absolute terms from 77,300 to 93,800 and among Indians, from 11.0% to 12.2% or in absolute terms from 36,800 to 47,300.

In his speech yesterday, the Honourable Prime Minister said: "Let us learn from our past mistakes so that we may improve on our future performances." To do so, Tuan Yang di-Pertua, we must first of all know our mistakes. One of the biggest mistakes of the Second Malaysia Plan is that the restructuring prong is both perceived and seen by the people as a racial programme rather than a Malaysian programme, to reduce and eventually eliminate the identification of race with economic function.

The other great mistake of the Second Malaysia Plan is that the restructuring programme is perceived and seen as an instrument for the enrichment and creation of a new Malay capitalist class in disregard of the genuine Malay poor, and the non-Malay poor.

In moving the motion during the Mid-Term Review of the Second Malaysia Plan the late Tun Razak had said that the Government did not intend to "transform the present racial imbalances of the Malays

and other indigenous people into future imbalances which operate against other Malaysians, which will be equally undesirable."

The Second Malaysia Plan had exactly this effect. The Government has now an opportunity to correct these new imbalances in the Third Malaysia Plan. Although there is acknowledgement, for instance, that Chinese agricultural employment should be increased under the Third Malaysia Plan there are no target plans as to how this is to be achieved—the rate of the multi-racialising of FELDA schemes. The lack of target objectives can only mean that there are no concrete plans as yet. I call for the drawing up of definite target plans for the restructuring of FELDA schemes, so that these settlement would reflect, if not the national population, at least the rural population which is 65% Malays and 35% non-Malays by 1990.

Apart from restructuring FELDA schemes, which is a high-cost affair as it costs about \$29,000 for each FELDA settler-family, the Government should give land to the landless, in particular Chinese and Indians who had so long been neglected in land-alienation schemes, so that they can cultivate, without high government capital expenditure, by their own hands, blood, sweat and toil, to make up for the lop-sided agricultural development.

It is also essential, if the Government is to regain the people's confidence, that the restructuring prong of the New Economic Policy is not meant for one race only, that it should progressively restructure all areas of national life, where there is pronounced identification of race with economic function, in particular the government services, armed forces and police.

Education—the key to national unity has become a major factor of disunity

As a result of mistakes committed in the Second Malaysia Plan, education, the key to national unity, has become a major factor of disunity. This stems from the diminished opportunities for non-Malay students to pursue post-secondary, college and university education in Malaysia. For instance, Malay students have no difficulties in getting H.S.C. and S.T.P. places, but non-Malay students, even in middle secondary forms are already worried about chances of H.S.C. and S.T.P.

places, regardless of their industry, merit or performance. The problem is worse when it comes to domestic university education. During the Second Malaysia Plan, the share of the Malays and other indigenous people to total enrolments in domestic tertiary institutions increased from 50% to 65%, or from 6,622 to 20,547—an increase of 13,925. In the same Second Malaysia Plan period, the share of other Malaysian students in domestic tertiary institutions declined from 50% to 35%, or an increase in absolute terms from 6,702 to 10,982—an increase of only 4,280.

This illustrates vividly the diminution of higher education opportunities for Malaysian citizens in their own country. This is where the New Economic Policy declaration that it would be implemented in a way so as to ensure that "no particular group experiences any loss or feels any sense of deprivation" has failed.

The non-Malays do not begrudge the increased opportunities for Malays in domestic tertiary education, as they accept that this is a necessary component in any national strategy to bring about a balanced qualified manpower. However, they are entitled to feel aggrieved when they experience "loss" or feel "deprived" at the diminution of higher education opportunities for their children in their homeland.

That some 31,500 Malaysian students are enrolled in all overseas institutions in 1975 (where not all are enrolled in tertiary institutions), the majority of whom are self-paying non-Malays, does not make this experience of loss or sense of deprivation, any less legitimate, keen or deserving of government concern. On the contrary, the recent prohibitive increase in university fees in British universities and the progressive restriction of intake of Malaysian students, especially in New Zealand, have served only to sharpen this experience of loss and sense of deprivation.

The fear of non-Malays about the future educational opportunities of their children is the major cause for the recent exodus of non-Malay professionals like doctors and dentists.

Whenever I raised this matter of the emigration of Malaysian professionals, the Government would reply complacently that this is a problem typical of all developing

countries. The difference is that the brain drain of professional men normally occurs with young doctors and professional on the make, who are attracted by prospects of higher earnings and greater job satisfactions in foreign countries.

In Malaysia, however, a large majority of professional men like doctors and dentists who are emigrating are men in their late 30s, 40s and even 50s, who have to uproot homes and well-established practices and not for higher incomes or greater job satisfaction abroad. In fact, some of them are emigrating to lower-income practices, no superior job satisfaction, but greater social and family dislocations. They do so because of the future of their children, for they fear that on the basis of past government policies, their children do not stand a fair chance to get a just and equitable educational opportunity in Malaysia.

In this morning's paper, the Deputy Finance Minister has criticised Malaysians who migrate, said that they should be pitied as they lacked in understanding of the "multi-racial scheme of things." If there is to be pity, we should pity Malaysia that the Government continue to pursue policies which drive away Malaysians, who want to serve and identify fully with the nation, and yet who find they cannot, because they are made to feel that they and their children do not have an integral stake and part in Malaysia. Smug comments do not solve problems. This is why one M.C.A. Deputy Minister's own brother is packing up his bags, selling his property and uprooting his family to migrate.

The bulk of Malaysian Chinese and non-Malays stay behind, but this does not mean that their fears about the future of their children in terms of education and employment is no less intense. This is not the basis for building of a resilient and united Malaysian nation, but the basis for fostering divisiveness and disunity. Malaysians of all races and classes seek to identify themselves with the nation and the destiny of Malaysia, more and more however are being driven away and alienated by policies which treat them as aliens rather than as citizens.

The Prime Minister said yesterday that the Government would provide the leadership, the public policy framework and the infrastructure facilities to achieve a peaceful, prosperous and harmonious multi-racial society. It is the people who must achieve.

The crux of the question, Tuan Yang di-Pertua, is whether Government is capable of providing the right leadership, the right public policy framework and the right infrastructure facilities to enable the people to achieve this overriding national objective.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, implimentasi atau pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga ini adalah memerlukan satu pentadbiran yang berkesan, dedikasi, jujur dan berkecekapan.

Adalah diperlukan satu mesin Kerajaan yang berkecekapan dan efektif yang tinggi degreennya dan satu rasa integrasi atau a high sense of professionalism belum secukupnya disemai bukan sahaja pada semua kakitangan Kerajaan tetapi juga semua pemimpin-pemimpin politik baik di peringkat kebangsaan atau negeri. Ini boleh dibuktikan dalam persidangan Dewan Undangan Negeri Melaka di mana Yang Amat Berhormat Ketua Menteri telah berkata bahawa keperluan untuk memastikan satu Kerajaan Negeri yang jujur, bersih dan tidak rasuah ini bukanlah tanggungjawab Kerajaan Negerinya tetapi adalah tanggungjawab B.S.N. dan Kerajaan Pusat.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan atau implimentasi dan planning pada semua peringkat ini terutamanya di peringkat Negeri dan Daerah adalah sangat-sangat dikesali. Di Melaka, umpamanya, dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua, hanya beberapa yunit rumah murah/awam dibinakan, dan satu projek rumah awam di Bandar Hilir yang berjumlah baru 114 yunit sudahpun siap pada satu tahun yang lepas, tetapi masih belum lagi dihuni oleh sesiapa pun, sungguhpun lebih kurang 5,000 pemohon-pemohon masih tertunggu-tunggu. Jika sekiranya diperlukan satu tahun lagi untuk memproses permohonan perumahan awam ini, maka apakah jenis efficiency, competence, effectiveness yang rakyat boleh harapkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini?

Rakyat jelata dari semua Negeri dan lapisan hendaklah menyertai Rancangan Malaysia Ketiga ini dengan sepenuhnya. Untuk berbuat demikian, maka semua Dewan Undangan Negeri hendaklah dipanggil untuk membahaskan Rancangan Malaysia Ketiga ini kerana bukan sahaja Ahli-ahli Parlimen tetapi setiap Ahli Dewan Negeri pun hendaklah diberikan satu naskah buku Rancangan

Malaysia Ketiga, supaya mereka dapat mengkajinya dengan sepenuhnya dan boleh mengambil bahagian dalam perbahasan Dewan Undangan pada Rancangan tersebut, dan membolehkan Rancangan ini menjadi sebagai satu Rancangan yang secara langsung berkait dengan kehidupan sehari-hari rakyat Malaysia untuk semua lapisan dan semua kaum di semua negeri.

4.43 ptg.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim (Kepala Batas): Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin waktu saya berucap supaya dibenarkan kalau perlu menyulam di dalam bahasa Inggeris sebagaimana juga yang telah diberikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Perdana Menteri dan saya rasa gembira bila mendengar ucapan Yang Berhormat Ketua Pembangkang nampaknya pada asasnya, pada dasarnya beliau juga telah menyatakan sokongan dirinya sendiri serta juga partinya kepada dasar dan kandungan Rancangan Malaysia Ketiga yang kita mempertimbangkan sekarang ini. Saya rasa kita semua sedar bahawa dalam tempoh lima tahun yang lepas menerusi Rancangan Malaysia Kedua kita telah mencapai beberapa kejayaan dan kemajuan dan Rancangan Malaysia Ketiga ini ialah satu proses yang sewajarnya menurut apa yang telah dilakukan. Apa yang penting, apa yang mustahak yang patut dititikberatkan berkenaan dengan Rancangan Malaysia Ketiga ini pada hemat saya ialah tegasan, tekanan yang telah dibuat dalam Rancangan ini sendiri dan juga di dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu Rancangan ini ialah untuk semua golongan, semua bangsa, semua kaum dalam masyarakat kita. Ini saya rasa sangat penting oleh sebab bila kita mendengar ucapan daripada pihak pembangkang seperti juga kita dengar tadi kerap kali diulang-ulang, dibangkit-bangkitkan bahawa di bawah Rancangan Malaysia Kedua banyak yang telah dilakukan, dibuatkan yang lebih mendatangkan keuntungan kepada bumiputra sehingga diberi pula angka-angka, data-data, statistik dan sebagainya yang menunjukkan bahawa dalam tempoh lima tahun yang lepas oleh sebab perjalanan Rancangan Malaysia Kedua sudah dapat dipertambahkan bilangan

penuntut-penuntut misalnya di sekolah-sekolah tinggi, universiti dan sebagainya dan seterusnya bahan-bahan seperti ini dijadikan propaganda parti untuk membangkitkan perasaan dan fikiran yang pada fikiran saya sendiri mendatangkan satu kerugian yang besar kepada usaha kita untuk membentuk satu negara yang bersatupadu, satu bangsa yang benar-benar bersatupadu. Saya harap dapat kita mendapatkan peluang pada waktu ini untuk kita secara jujur memandang keadaan ini. Memang benar, betul, tidak dapat dinafikan dan saya sendiri tidak akan menafikan bahawa golongan bumiputra di dalam tempoh lima tahun yang lepas telah menikmati beberapa kelebihan, beberapa keuntungan, beberapa kemajuan, tetapi ini telah dilakukan dengan secara terus-terang, secara jujur, dengan tidak ada tipu muslihat, dengan tidak ada berlindung ataupun menyorok. Memang tujuan kita untuk memperibadikan tetapi sebagaimana kita dapati lebih jelas, lebih terang dalam langkah yang kedua, tapak yang kedua dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini kita menyatakan dengan lebih tegas yang usaha kita ialah untuk membasmikan kemiskinan tanpa mengira kaum untuk menyusun semula masyarakat Malaysia, dengan usaha ini mudah-mudahan dapat kita memperkokohkan lagi keselamatan negara kita demi perpaduan negara. Rancangan ini patut disambut dan patut disokong oleh semua rakyat jelata, dari semua bangsa, semua golongan, dari semua lapisan. Patut kita memberi beberapa sumbangan yang terdapat supaya dapat kita mencapai tujuan ini, supaya dapat kita membentuk satu negara yang bersatupadu, aman damai, saksama, maju dan kokoh. Sekiranya di dalam Rancangan ini dapat kita menegaskan bahawa tujuan kita ialah untuk semua golongan dan semua bangsa ialah mungkin kerana sudah timbul confidence, rasa kepercayaan diri yang bumiputra sudah mula bergerak dan oleh sebab sudah tercapai beberapa tujuan tertentu untuk meletakkan kedudukan bumiputra sehingga mereka itu dapat seimbang dengan golongan yang lain yang dapat kita lebih jelas dan lebih tegas bekerja untuk semua. Kesimpulannya sebarang yang kita terdapat, terfikir, tersyak atau tersangka setakat ini sebagai satu langkah semata-mata untuk satu golongan atau satu kaum itu; sepatutnya dipandang sebagai satu cara untuk memperbaiki satu keadaan yang tidak seimbang supaya dapat perimbangan. Apabila perimbangan itu

sudah tercapai dengan sendirinya akan lenyap, akan hilang, akan hapus segala perbezaan antara kaum. Ini saya fikir satu perkara yang kita semua dengan tidak kira samada Melayu, China, India dan sebagainya patut insaf, sedar dan terima sebagai panduan untuk usaha yang kita jalankan. Dengan introduction itu saya suka hendak memberi pandangan dan fikiran berkenaan beberapa perkara.

Pertama sekali, saya sendiri datang daripada Seberang Perai mewakili satu kawasan yang kiranya mundur juga. Penduduknya kaum petani dan nelayan. Tetapi penduduk dalam kawasan saya sendiri bolehlah dikatakan tidak banyak beza, tidak sangat berlainan daripada penduduk seluruh Seberang Perai umumnya. Pada fikiran dan pendapat saya, kedudukan Seberang Perai ini tidak lain, tidak dapat diasing atau tidak dapat diperbezakan daripada kedudukan seperti Negeri Kedah, Perlis, Kelantan atau Trengganu. Barangkali lebih mundur dan terkebelakang daripada Melaka. Oleh sebab itu, saya rasa disappointed; barangkali tawar hati kerana satu layanan istimewa tidak diberi kepada Seberang Perai sama seperti mana diberi kepada Kedah, Perlis, Kelantan dan Trengganu. Saya faham barangkali Seberang Perai ini bukan terasing atau satu negeri, dia hanya menjadi satu bahagian daripada satu negeri yang terbentuk bersama dengan Pulau Pinang menjadi Pulau Pinang dan Seberang Perai, dan kadang-kadang disebut Pulau Pinang sahaja sampai hilang sama sekali identity Seberang Perai ini.

Tetapi saya harap bagaimanapun cara-cara dan jalan dapat dicari pada masa pelaksanaan plan ini supaya membetulkan perkara ini dan supaya dapat Kerajaan Pusat memberi satu layanan yang sewajarnya, bukan sahaja kepada Seberang Perai yang mana ramai penduduk bumiputra, akan tetapi kepada satu rayuan yang diulang-ulang beberapa kali berkenaan keadaan dan kedudukan orang-orang Melayu yang ada di Pulau Pinang dan Seberang Perai itu. Muga-muga akan terdapat satu cara di mana Kerajaan Pusat ini khasnya Kerajaan Persekutuan sendiri dapat mencari jalan untuk mengatasi satu masalaah yang khusus, yang luar biasa (extraordinary) yang dihadapi oleh Orang Melayu Pulau Pinang yang menjadi minority di dalam negeri itu. Ini tidak ditimbulkan dengan perasaan communal ataupun benci ataupun takut,

tetapi ialah kerana beberapa perkara yang barangkali tidak ada masa yang mengizinkan saya mendalami perkara ini. Tetapi setakat in passing saya suka mencatatkan perkara ini sebagai satu perkara yang tidak dapat dilupakan apabila kita mempertimbangkan Rancangan Malaysia Ketiga ini. Barangkali jikalau hendak cari contoh, saya boleh tunjukkan perumahan misalnya.

Kerajaan Pusat telah memberi kepada Kerajaan Pulau Pinang berjuta-juta ringgit tetapi khabarnya baru-baru ini iaitu pada akhir Rancangan Malaysia Kedua, Kerajaan Pulau Pinang telah mengembalikan kepada Kerajaan Pusat kira-kira \$8 juta tanpa membelanjakannya untuk mengadakan rancangan perumahan untuk orang-orang miskin atau orang yang memerlukan. Rumah-rumah yang dibina oleh Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Pulau Pinang (P.D.C.) adalah terlalu mahal, tidak dapat bumiputra membelinya. Rumah-rumah itu pula dibina di kawasan di mana asalnya tempat Melayu. Akan tetapi apabila orang Melayu tidak ada kemampuan membeli rumah itu orang lain masuk. Akhirnya kawasan yang asal diduduki dan ramai orang Melayu itu menjadi satu kawasan di mana orang Melayu menjadi minority pula. Sehingga di atas pulau itu di mana barangkali cuma satu kawasan sahaja tertinggal di mana untuk pilihanraya orang Melayu ada harapan yang boleh seorang calon Melayu dipilih. Akhirnya, jikalau tidak jaga dan perumahan yang terlalu mahal orang Melayu terusir dan tempatnya diganti oleh orang-orang lain. Kawasan semacam ini pun akan hilang pada orang Melayu sama sekali. Tetapi saya bangkitkan ini bukan dari segi communal. Dari segi hakikat, daripada perkara yang betul dan benar. Sebab itu saya tidak mahu panjangkan cuma saya beri satu contoh sahaja.

Saya rasa satu perkara lagi yang dapat kita mempertimbangkan ialah nasib petani dan nelayan. Kita sedar bahawa banyak telah kita usahakan untuk kebajikan dan kemajuan pekerja. Dan di sini barangkali elok juga kita mengambil kesempatan memberi kepujian kepada gerakan buruh yang dapat menyusun dan dapat bergerak supaya dapat mengira mengadakan berbagai-bagai peraturan yang dapat menjamin kehidupan dan meninggikan taraf pekerja khususnya dapat diatur atau organis di bandar dan sebagainya. Akan tetapi bagi petani dan

nelayan, banyak lagi yang patut kita jalankan, yang jauh ketinggalan sehingga segala social amenity, social insurance, E.P.F. dan pension dan sebagainya yang sudah diperolehi oleh pekerja yang makan gaji atau yang unionised. Tetapi pada petani dan nelayan belum lagi dapat kita menjaminkan, kalau mereka itu sudah berumur 40, 50 atau 60 tahun; sudah tua tidak boleh bekerja; tidak ada tabung, tidak ada E.P.F. dan tidak ada jaminan pencennya. Orang yang bekerja di bandar yang sakit atau cedera (accident) maka dia ada SOCSO, social insurancenya. Bagi petani dan nelayan kita belum lagi mengadakan peraturan yang boleh memberi social insurance yang sudah terdapat kepada pekerja.

Jadi, inilah saya harap dalam plan ini dengan berbagai rancangan yang kita adakan ini petani dan nelayan kita yang menjadi tulang belakang rakyat dan umat dalam negeri ini akan dapat lebih menikmati segala peraturan dan susunan sehingga barangkali social insurance dan carum simpanan E.P.F. ataupun pencen dan sebagainya dapat diperluaskan sehingga mereka juga dapat menyertai rancangan ini.

Satu perkara yang telah dibangkitkan oleh Ketua Pembangkang tadi berkenaan dengan penanam padi. Di sini saya suka juga mengambil peluang kerana saya juga bergiat dengan satu pertubuhan yang diberi kewajipan menjaga kepentingan penanam padi. Saya rasa di bawah Rancangan Malaysia Kedua, antara lainnya, satu kejayaan yang amat besar dapat kita banggakan ialah tentang kemampuan Kerajaan menerusi badan-badan yang telah ditubuhkan yang menjaga kepentingan dan muslihat penanam padi sehingga sudah tercapai pada waktu ini. Angan-angan dan cita-cita Allahyarham Tun Abdul Razak supaya penanam-penanam padi kita akan dapat pendapatan tidak kurang daripada pendapatan yang diperolehi oleh pekerja-pekerja ladang dan sebagainya. Akhirnya, pada hari ini dengan harga padi yang dikawal oleh L.P.N. penanam padi yang bekerja betul-betul setahun dua kali menanamnya boleh dapat kira-kira \$300 sebulan pada satu keluarga. Ini bukanlah satu perkara yang kita hendak banggakan sebagai objective muktamatnya tetapi sebagai langkah permulaan menunjukkan kalau Kerajaan betul-betul mahu berusaha, menyusun dan membuat rancangan, perkara semacam ini dapat dihasilkan dan

penanam padi dan nelayan juga dapat sama-sama menikmati segala kemajuan dan segala kekayaan yang Tuhan telah berikan kepada kita dalam negeri ini. Saya rasa negeri kita ini sangat kaya, dengan segala kekayaannya, dengan segala usaha kita dan kesanggupan kita menanam modal dan dengan usaha kita menyusun pentadbiran, pemberian dengan cara adil cukup untuk tiap-tiap umat dalam negeri ini supaya boleh hidup dengan sempurna, cukup makan, cukup pakaian cukup untuk perlindungan cukup pelajaran dan cukup untuk kemakmuran dan kesenangan melainkan kita semua ini tamak dan tidak mahu menyusun dan mengadakan pembahagian secara adil. Itu yang akan menimbulkan masalah.

Saya rasa satu asset kita adalah penduduk-penduduk kita sendiri, umat kita dan rakyat kita. Saya rasa ini satu perkara yang patut kita fikir ialah berkenaan dengan keadaan nourishment, berkenaan dengan usaha menjamin supaya tiap-tiap kanak-kanak kita daripada masa dia dilahirkan sampailah masa dia itu barangkali berumur 8, 9, 10 dan 11 tahun dapat makanan yang cukup berzat sehingga natural development, tubuhnya, segala kelengkapan tubuhnya, otaknya dapat tumbuh dengan sihat dan secukupnya. Di sini saya suka menarik perhatian bahawa di beberapa negeri yang memang sudah maju, ada peraturan di mana Kerajaan mengeluarkan banyak belanja untuk memberi susu kepada setiap orang kanak-kanak dengan tanpa mengira samada miskin atau kaya.

Saya sudah tinggal di beberapa buah negeri di mana negeri itu mewah, negeri itu sudah maju, sepatutnya orang ini sudah tahu buat sendiri. Sungguhpun begitu, Kerajaan mengatur dan menjaminkan supaya tiap-tiap kanak-kanak itu dapat susu. Di sini saya mengesyurkan untuk masa hadapan bangsa Malaysia dari semua kaum patut kita tidak berlengah lagi mengadakan satu peraturan di mana Kerajaan memberi susu kepada setiap kanak-kanak daripada masa dia dilahirkan sehingga sekurang-kurangnya berumur 10 atau 12 tahun. Saya percaya dengan jalan ini kita akan menjaminkan satu jenarasi yang sihat, bukan sahaja tubuh badan, tetapi otaknya cukup dengan tidak ada cacat atau kekurangan supaya anak cucu pada masa akan datang dapat bertanding dengan bangsa-bangsa lain di dunia ini. Ini saya rasa patut

menjadi satu bahagian yang penting dalam sebarang rancangan untuk kemajuan dan pembinaan bangsa kita.

Lagi satu perkara yang saya rasa penting juga iaitu self-sufficiency in food, kecanggungan kita menampung, membekal makanan secukupnya untuk bangsa ini tanpa mengira dengan cara ini kita rugi kalau dibandingkan dengan benda yang kita hasilkan. Dari segi strateji, dari segi keselamatan dan dari segi pengalaman yang kita alami dari satu masa ke satu masa semuanya menunjukkan kepada satu jalan sahaja untuk menyelamatkan bangsa ini di masa akan datang. Kita mesti sanggup menghasilkan secukup makanan. Perkara lain-lain tidak apa, makanan mesti cukup untuk masa ini walaupun dengan menanam padi kita sendiri, barangkali lebih mahal daripada membeli dari luar. Biar kita menerima dasar bercucuk tanam dan menyediakan makanan itu untuk kita sendiri.

Satu perkara lagi ialah soal family planning. Saya lihat banyak peruntukan akan ditambah. Saya pada dasarnya tidak bertentangan dengan konsep family planning ini. Saya sendiri telah mengamalkannya—saya ada dua orang anak sahaja, barangkali saya sendiri kalau Ahli-ahli Yang Berhormat tidak lupa 20-30 tahun dahulu sangat giat menggalakkan family planning ini. Akan tetapi sebab saya sudah melihat dan sudah mendengar dan sudah memikirkan dengan panjang, saya tidak membangkang family planning, akan tetapi saya harap kita memikirkan baik-baik soal family planning ini. Pertama sekali, saya insaf bahawa di lain-lain negeri yang sudah berkemajuan, mereka bukan menjalankan family planning macam kita ini hendak hadkan anak, family planningnya ialah memberi elaun, memberi bantuan, memberi galakan kepada umat mereka supaya menambahkan bilangan penduduk. Dalam Soviet Union sebarang wanita yang mempunyai 5 orang anak diberi bintang sebagai "mother hero", sebagai "champion" antara wanita-wanita. Sebarang wanita di Soviet Union yang mempunyai 10 orang anak dijadikan "Hero of the Soviet Union".

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sebagai wanita productive!

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Ya, sebab mereka productive pada hal di Soviet Union itu sudah beratus juta

penduduknya. Lain-lain negeri juga diberi elaun. Tetapi yang ganjil bila saya semak semula nampaknya dasar family planning ini mula masuk pada kita sebelum Rancangan Malaysia cukup tempohnya 10 tahun dahulu pada masa Rancangan Malaya Ketiga kononnya Bangsa-bangsa Bersatu telah membuat syarat kalau sesuatu negara yang masih membangun memerlukan pertolongan, bantuan dan rayuan dia terpaksa masukkan dasar family planning itu dalam economic plannya atau kalau tidak, tidak akan diberi bantuan sehingga setengah orang sudah bangkitkan perkara ini barangkali dasar bangsa-bangsa di atas angin sahaja sengaja menentukan bahawa umat Asia ataupun orang yang bukan berkulit putih tidak akan bertambah terlalu banyak sehingga menjadi yellow peril, brown peril, black peril dan sebagainya, boleh jadi. Oleh sebab itu ini satu perkara kita mesti timbangkan.

Kebimbangan saya yang kedua ialah kalau orang yang berkaitan dengan pertubuhan family planning dalam negeri ini terdiri daripada satu kaum atau satu golongan ataupun ramai orang daripada satu kaum ataupun golongan yang terlibat dalam usaha family planning ini hasilnya penerima (receivers), orang yang sanggup menerima family planning ini tidak dapat tidak akan terdiri daripada kaum atau golongan yang sama sebangsa, sama sebahasa, sama serumpun dengan orang yang bekerja dan bercergas dengan family planning ini. Kalau tidak dijaga dalam tempoh 20 tahun akan tiba satu saat di mana perimbangan (equilibrium) ataupun keadaan yang ada pada waktu ini akan jadi terbalik. Bila masa itu timbul akan bangkit, akan bangun merbahaya racialism yang barangkali lebih dahsyat daripada racialism yang terdapat sedikit-sebanyak di sana sini yang pada hemat saya masih dapat dikawal atau dihapuskan. Ini saya tidak mahu mendalam akan tetapi pada mereka yang mahu berfikir, mahu menimbang tentulah akan insaf dan sedar apa yang saya katakan itu.

Yang sangat penting dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini sebagaimana yang telah disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ialah untuk mengadakan satu bangsa, satu negara yang bersatupadu. Pada hemat saya satu alat, satu cara, satu saluran untuk mengacuankan perpaduan ini ialah sistem sekolah dan sistem pelajaran kita. Tidak dapat dinafikan kita telah mencapai kemajuan yang sangat jauh di lapangan

pelajaran kalau dibandingkan dengan negara-negara jiran kita ini. Kita patut memberi pujian kepada semua Menteri-menteri yang telah berjawatan sehingga ini, kepada semua pegawai-pegawai, kepada semua golongan akan tetapi saya rasa ada lagi perkara-perkara yang patut kita pertimbangkan.

Perkara pertama yang saya suka kemukakan ialah pada hemat saya kita mula mengadakan sistem menggunakan sebuah sekolah untuk dua sekolah—pagi dan petang, oleh sebab keadaan dharurat lepas kita mengambilalih pada tahun 1955 kerana kita telah membuat janji akan memberi tempat kepada semua kanak-kanak kita. Kita telah menjalankan ini terpaksa kita menggunakan sebuah sekolah itu untuk mengadakan lebih daripada satu sekolah, jadi kita adakan morning session, afternoon session dan sebagainya. Oleh sebab pesatnya kemajuan pelajaran kita ini pada waktu ini boleh dikatakan kecuali sekolah-sekolah yang berasrama (residential school), semua sekolah boleh dikatakan sudah dipakai untuk dua kali mengajar—pagi dan petang. Bukan itu sahaja, ditukar pula, setengahnya 6 bulan waktu pagi, kemudian 6 bulan waktu petang. Kita menghadapi beberapa masaalah sekarang ini akan tetapi antara lain ialah soal pemuda, soal dadah, soal indiscipline, macam-macam soal tentang kanak-kanak kita. Tidak pernahkah kita terfikir, insaf bahawa barangkali satu daripada punca, satu dari sebabnya ialah sistem kita terpaksa pakai secara dharurat (emergency) dahulu yang kita lupa sudah menjadi kebiasaan barangkali ini juga antara lain satu daripada puncanya juga. Saya pernah menjadi guru sekolah. Waktu saya sekolah dahulu pergi pagi sampai pukul 4.00 petang belajar di bangku sekolah. Pukul 4.00 petang keluar di padang sampai pukul 6.30 petang baru balik ke rumah. Pendeknya sekolah pada saya itu satu tempat yang barangkali lebih rapat daripada rumah sendiri sebab balik ke rumah barangkali lepas 2-3 jam tidur sebab sudah letih, besok pagi bangun dan pergi ke sekolah lagi. Saya bergiat di sekolah, pada saya sekolah itu satu tempat yang mengikatkan saya dengan kawan-kawan, mengikatkan saya dengan guru, di situlah saya belajar, di situlah saya bermain, di situlah saya bergaul, di situlah saya membentuk diri saya satu character. Kalau pada hari itu saya jadi seorang buruk ialah kerana barangkali waktu saya sekolah ajaran dan galakan keadaan itu buruk, kalau segala kebaikan yang ada pada

saya hari ini ialah terpulang kepada segala guru-guru saya, segala mereka yang menguruskan sekolah di mana saya belajar.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Masa sudah cukup Yang Berhormat!

Tuan Mohamed Sopiee bin Shelkh Ibrahim: Boleh sedikit lagi sebab belum habis.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sedikit itu berapa lama?

Tuan Mohamed Sopiee bin Shelkh Ibrahim: 2-3 minit. Saya cuma hendak sebutkan barangkali itu satu perkara yang patut kita timbangkan. Biarlah kita adakan satu sekolah, satu bangunan sehingga dapat tradition, sehingga dapat ikatan-ikatan kita dengan sekolah itu kekal, supaya dapat kita bentuk. Kalau kita mahu umat kita dalam negeri ini taat dan setia dalam negeri ini, kita mula mengajar mereka taat setia kepada sekolah dan seterusnya kepada masyarakat.

Saya tidak mahu bercakap panjang sebab tidak ada masa.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Maaf, masa sudah cukup.

5.19 ptg.

Tuan Haji Jamil bin Isahak (Tanjong Karang): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya suka mengucapkan rasa penghargaan, tahniah serta terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Datuk Perdana Menteri dan Kabinetnya, khususnya Kerajaan yang telah bersungguh-sungguh berdaya usaha merangka dan melengkapkan Rancangan Malaysia Ketiga ini dengan cukup viable dan teliti. Berdasarkan kepada kesedaran yang bertanggungjawab tentang perlunya menepati kehendak-kehendak rakyat yang berbilang kaum dari segi sosial, ekonomi, politik dan ancaman terhadap keselamatan negara demi meninggikan mutu hidup rakyat samada di bandar dan di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh setuju dengan kenyataan bahawa Rancangan Malaysia Ketiga ini adalah satu-satunya usaha yang terbesar pernah dilakukan oleh Kerajaan untuk faedah rakyat. Dengan tujuan, cita-cita dan hasrat yang penuh didikasi dan kasih sayang bagi mengukuhkan

lagi perpaduan dan kesejahteraan rakyat dari asas-asas yang telah sedia ada dan kemajuan-kemajuan serta pengalaman-pengalaman yang telah dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, memastikan Rancangan Malaysia Ketiga ini akan boleh tercapai matlamatnya dengan sepenuh dan hasilnya nyata akan dirasakan dan dilihat oleh rakyat dan kehidupan rakyat akan bertukar corak dari keadaan miskin kepada keadaan senang, maka perkara-perkara seperti planning, rancangan-rancangan, dasar-dasar dan program-program yang telah disusun mestilah dilaksanakan dengan bijak, sesuai, viable dan feasible, economic dan berkesan serta benar-benar memberi faedah beruntung dan berguna kepada rakyat. Merancang projek-projek pembangunan haruslah dirundingkan dan ditinjau fikiran rakyat supaya projek itu akan tentunya viable dan feasible dan benar-benar dapat digunakan oleh rakyat. Oleh itu, kehendak-kehendak rakyat dan sumbangan mereka perlulah ditimbang dan dihormati. Amalan lama iaitu rancangan dari atas patutlah dibatalkan. Pengalaman yang sudah lebih dua puluh tahun, Tuan Yang di-Pertua, adalah memberikan kesedaran dan kelemahan-kelemahan patutlah tidak berulang lagi. Projek-projek yang disogokkan tanpa memperhitungkan nilai dan kehendak rakyat di setengah-setengah tempat tidak sahaja merugikan perbelanjaan malah boleh menumpulkan semangat. Sebaliknya, kalau dirundingkan rancangan akan boleh mudah disediakan juga akan memberansangkan kemajuan yang lebih pesat.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan pentingnya hati rakyat perlulah dijaga dan dipelihara bukan sahaja kesedaran Kerajaan tentang sebab ketinggalan yang mana banyak projek-projek tidak sampai lagi kepada rakyat miskin dan kehidupan mereka terdesak dan tertindas.

Tuan Yang di-Pertua, saya sanjung baik dan bersetuju dengan kata-kata hikmat dari Yang Amat Berhormat Datuk Perdana Menteri yang menyatakan bahawa pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga ini memerlukan satu darjah kecekapan dan kesan yang tinggi dalam perjalanan jentera pentadbiran Kerajaan dan yang penting sekali ialah satu semangat kejujuran, didikasi dan iktisas yang tinggi di kalangan

semua kakitangan awam. Juga sikap Kerajaan akan menentukan kegiatan-kegiatan perbadanan-perbadanan awam bagi mewujudkan taraf kecekapan yang lebih baik dan bertanggungjawab itu sungguh menggalakkan dan diberikan taburan bunga.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha pihak Kerajaan meninggikan taraf hidup rakyat di luar bandar yang kebanyakannya adalah petani-petani, maka adalah wajar bahawa Dewan yang mulia ini memikirkan keadaan dan suasana kegiatan petani-petani.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menggambarkan kehidupan petani khususnya mereka yang saya wakili iaitu petani-petani dari kawasan-kawasan sawah padi yang mana saya telah bersyukur dan mengucapkan terima kasih kepada pihak Kerajaan yang telahpun mengambil daya-usaha menjalankan kegiatan bagi memberi kemudahan-kemudahan kepada petani-petani, khususnya melalui rancangan-rancangan dengan mengadakan kemudahan-kemudahan asas seperti taliair, jalanraya, bangunan-bangunan sekolah, pusat kesihatan, kelinik, masjid, jalanraya dan lain-lain serta juga kemudahan-kemudahan pemasaran padi yang telah diusahakan oleh Lembaga Padi dan Beras Negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh tentang ucapan Yang Amat Berhormat Datuk Perdana Menteri semasa beliau membuat ucapan pembukaan rasmi UMNO Bahagian Tanjong Karang dan telah menarik perhatian orang ramai iaitu tujuan Kerajaan akan menyerahkan balik kilang-kilang yang didirikan oleh Lembaga Padi dan Beras Negara di seluruh negara ini kepada petani-petani bila sampai masanya kelak. Di atas hasrat dan cita-cita murni Yang Amat Berhormat Datuk Perdana Menteri itu, saya tidak dapat hendak menyatakan dengan perkataan perasaan sukacita dan terima kasih. Bagi mencapai niat yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Perdana Menteri itu, saya suka saya memberikan sedikit pandangan supaya dapat Dewan yang mulia ini mengambil perhatian bagi mempercepatkan proses meninggikan taraf hidup petani-petani iaitu dengan tinjauan di atas masalah-masalah yang timbul pada peringkat ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertamanya saya suka mengemukakan pendapat iaitu pihak L.P.N. patut mulakan mengadakan satu latihan pada anak-anak petani untuk

dilatih dalam jurusan pentadbiran, perkilangan dan pasaran padi supaya dapat mereka itu mengambilalih tugas-tugas menjalankan kilang-kilang padi itu.

Keduanya, pihak L.P.N. hendaklah mengadakan kira-kira khas supaya keuntungan dari pemasaran padi pada masa ini dijadikan tabung kepada pihak petani.

Ketiga, untuk mempercepatkan lagi proses mengambil balik kilang-kilang L.P.N. ini hendaklah pihak L.P.N. mengadakan potongan ke atas tiap-tiap pikul padi yang dijual sebagai potongan kepada tabung khas dan dikira sebagai saham kepada petani-petani.

Keempatnya, koperasi peladang di kawasan-kawasan padi hendaklah menggalakkan ahli-ahlinya dan petani-petani membayar potongan kepada tabung yang ditubuhkan oleh L.P.N. secara automatik.

Saya mencadangkan L.P.N. menguruskan perkara ini untuk mengelakkan lagi tumbuhnya satu agensi Kerajaan yang lain untuk mengendalikan usaha-usaha seperti ini. Saya mempunyai penuh keyakinan yang L.P.N. dapat menjalankan usaha ini selain daripada usaha-usaha yang dijalankan oleh L.P.N. pada masa ini iaitu menstabilkan harga padi dan beras dan sampailah masanya dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini tugas L.P.N. ini diperbesarkan kepada peringkat demikian melalui penyelarasan yang lebih berkesan bersama-sama dengan Kementerian Pertanian bagi mewujudkan tindakan bersama oleh pihak Kerajaan bagi menaikkan taraf hidup petani-petani.

Dalam konteks ini dari pengalaman saya sendiri maka ada baiknya ditubuhkan di tiap-tiap daerah satu sistem iaitu sistem collective responsibility. Misalnya, dalam melaksanakan projek pemuliharaan atau perkembangan di bidang pertanian badan-badan atau agensi-agensi Kerajaan di dalam daerah itu seperti MARDI, FAMA, RISDA, MARA, Bank Pertanian dan lain-lain atau L.P.P. (Lembaga Pertubuhan Peladang) menjadi anggota bersatu dengan Jabatan-jabatan Kerajaan seperti Jabatan Pertanian, Jabatan Parit dan Taliair, Pejabat Tanah untuk memikul tanggungjawab bersama menyelenggara dan mengelolakan tugas-tugas dan tanggungjawab untuk kejayaan projek-projek yang berkaitan dengannya. Cara seperti ini ialah specific dan tidak seperti keadaannya

berjalan pada masa ini masing-masing mengatakan "that is not my "baby" atau we are not involved".

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi saya juga mengambil peluang untuk menyentuh berkenaan dengan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru bagi mewujudkan golongan peniaga dan perusahaan dari kalangan bumiputra, khasnya bagi mencapai matlamat ini adalah diharapkan pihak Kerajaan dapat memberikan perhatian bagi mengadakan kelas vokesyenal untuk memberi pelajaran asas perniagaan kepada anak-anak bumiputra mulai daripada sekolah rendah sehinggalah ke sekolah menengah, kerana amat sukar hendak mewujudkan golongan peniaga-peniaga daripada anak-anak yang dibesarkan dalam lingkungan alam sekitar yang tiada hubungan dengan perniagaan ataupun perindustrian.

Pada peringkat ini adalah didapati bahawa anak-anak yang tidak dapat melanjutkan pelajaran akademik ke sekolah-sekolah menengah selepas mengambil L.C.E./S.R.P. tiada peluang untuk mempelajari sesuatu kemahiran atau kerja tangan dengan sebab kurangnya sekolah-sekolah vokesyenal dalam negara kita. Dengan begitu banyaknya pihak Kerajaan telah mencurahkan peruntukan bagi membina sekolah-sekolah yang berbentuk pelajaran asas maka sampailah masanya bagi pihak Kerajaan memberi perhatian untuk mengadakan sekolah vokesyenal itu di tiap-tiap daerah. Dasar Kerajaan tegas kepada peranan sektor swasta supaya menyediakan pembentukan modal dan memainkan peranan penting dalam mencapai matlamat sosio-ekonomi negara dengan sepenuhnya dan berkesan adalah memberikan keyakinan bahawa Dasar Ekonomi Baru ada petanda akan boleh berjaya mencapai matlamatnya. Begitu juga amat memeransangkan akan tindakan Kerajaan bagi keadaan jurang perbezaan yang terdapat pada masa ini dan hak milik saham di dalam perusahaan perseorangan akan hendak diperbaiki menerusi pertubuhan ekonomi. Bermaknalah Dasar Ekonomi Baru ada memperuntukkan peluang yang realistic.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi berkenaan dengan bumiputra Melayu menyertai tawaran-tawaran yang dikeluarkan oleh Jabatan-jabatan Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan. Kalau sesuatu sekim rancangan dikumpulkan secara besar-besaran

dan kosnya akan menelan belanja berjuta-juta sudah tentu pemborong-pemborong bumiputra Melayu tidak dapat menyertainya. Pertama, sebab kelas kontrek mereka rendah dan kedua tidak mampu dengan modal dan tenaga. Ini wajib diambil perhatian yang berat oleh Kerajaan dan hendaklah diubah-suaikan bagi memberikan peluang-peluang banyak kepada bumiputra Melayu yang ada minat di bidang ini. Perkara yang penting sekali Kerajaan hendaklah inenberi peluang yang banyak kepada pemborong-pemborong yang ada di dalam negara, memberi keutamaan kepada mereka dengan cara yang telah disebutkan tadi. Kalau biasanya rancangan itu dirangka dengan kos yang tinggi dan besar eloklah direndahkan dan dikesilkan rancangan itu. Dengan cara ini bukan sahaja memberi kesempatan bagi pemborong-pemborong tempatan berkhidmat dan memberi tenaga kepada pembangunan bahkan memberikan banyak pekerjaan kepada yang menganggur. Pemborong-pemborong dalam negara kita ada kelayakan, kecekapan dan skillnya sama dengan pemborong di luar negeri. Cuma berbeza sedikit ialah modal, tetapi kalau rancangan dikesilkan dan disesuaikan maka masalah itu tidak timbul. Begitu juga berkenaan dengan pembekalan dan apa jua pun maka Kerajaan kenalah rancangan satu cara yang berkesan untuk bumiputra Melayu, tegasnya Kerajaan patutlah menentukan satu dasar yang positif dan radical. Mereka ini perlu diberikan segala rupa bantuan, kemudahan, kelapangan dan kesanggupan untuk pimpinan dan dorongan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan perlu juga menggalak dan membangunkan banyak industri-industri di daerah-daerah bukan sahaja dengan tujuan dan maksud untuk memberikan peluang-peluang kepada belia-belie atau kepada penganggur-penganggur tetapi juga boleh menggunakan bahan-bahan yang boleh didapati di sekelilingnya dan dengan cara tidak langsung akan dapat menolong dan menambah pendapatan orang-orang di situ. Pada masa ini, bahan seperti habuk padi, batang padi, sabut kelapa, tempurung kelapa dan lain-lain terbuang begitu sahaja. Pada hal bahan-bahan itu boleh diproses dan digunakan.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya sentuh sedikit hal-hal belia dalam cara mencari kehidupannya. Kehidupan mereka menjadi begitu terdesak sehingga apa sahaja pekerjaan yang boleh didapati di mana-mana

diterima sahaja oleh mereka tanpa usul periksa tentang upah dan faedahnya. Ada di antara mereka ini berhakikat dan berperasaan rendah diri kerana tidak menilai apa-apa asalkan dapat pekerjaan dan inilah yang ditanggung di air keruh oleh setengah-setengah majikan. Atas keadaan begini Kementerian-kenementerian yang berkenaan seperti Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Buruh dan Kementerian Perdagangan haruslah mengawal supaya pihak majikan akan bersikap berperikemanusiaan.

Bandar-bandar di negara ini yang mana dibangunkan bersama-sama kilang-kilang dan perusahaan-perusahaan terus-menerus menjadi tumpuan kepada belia-belie yang dengan kurang kemahiran di kerja-kerja perusahaan kilang kerana telah biasa di sekitar masyarakat pertanian sahaja, kemudian terus mengambil keputusan berhijrah mencari nafkah di bandar bagi mendapatkan pekerjaan di kilang-kilang ataupun di dalam badan-badan swasta. Pihak Kerajaan membuat ukuran perangkaan bahawa pembangunan ekonomi meyakinkan dan pengangguran telah dapat dikurangkan. Tetapi Kerajaan masih juga menghadapi akibat-akibat langsung dari keadaan ujud secara tidak langsung.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya menyentuh berkenaan pentadbiran pembangunan. Ada didapati pada masa ini dan juga melalui masalah-masalah yang saya alami adalah didapati bahawa pelaksanaan rancangan-rancangan Pembangunan Kerajaan oleh agensi-agensi dan Jabatan-jabatan Kerajaan telah dijalankan tanpa diselaraskan, yang mana projek-projek Kerajaan di peringkat pusat dihantar kepada satu-satu daerah tanpa dirundingkan dengan peringkat negeri atau daerah yang mana telah menimbulkan masalah-masalah berkenaan dengan pelaksanaan-peraksanaan projek itu. Dalam perkara ini susunan pentadbiran negara kita pada masa ini perlu dikaji semula dalam kontek kegiatan pembangunan ini. Saya percaya masih lagi terdapat sistem yang diaturkan oleh penjajah dahulu adalah bercorak pada sistem kawalan undang-undang sahaja dan tidak digerakkan jentera pentadbiran itu pada keadaan yang ada pada hari ini. Saya telah pernah melihat iaitu Jabatan Kerajaan berjalan terus-menerus dan melambatkan proses perjalanan samada perkara ini telah diselidiki dengan secara mendalam

oleh pihak Kerajaan supaya sistem pentadbiran bagi mengujudkan pembangunan yang lebih cepat patut lagi diadakan khasnya bagi memperbaiki sistem yang ada pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil contoh peringkat pentadbiran daerah. Saya masih dapat mengingatkan keadaan seorang Pegawai Pentadbir Daerah diikuti oleh semua jabatan-jabatan tetapi pada peringkat ini perkara-perkara yang diminta oleh Pegawai-pegawai Daerah dalam perbincangan di dalam susunan pentadbiran sekarang iaitu melalui Jawatankuasa Tindakan Daerah adalah tiada begitu dihiraukan di mana Jabatan yang lain itu mengambil masa yang begitu lama sekali bagi menyediakan urusan. Mungkin ini adalah disebabkan oleh bebanan kerja yang dihadapi di mana sistem memberi keutamaan kepada tiap-tiap jabatan adalah bergantung kepada tiap-tiap jabatan itu dan Jawatankuasa Tindakan Daerah adalah hanya satu badan yang telah ditubuhkan untuk menentukan keutamaan urusan tiap-tiap jabatan di peringkat daerah. Tetapi oleh kerana Ketua Jabatan di peringkat daerah itu mesti mematuhi ketua jabatannya di peringkat negeri dan pusat maka keutamaan yang ditetapkan di peringkat daerah itu ada kemungkinannya diubahsuakan. Saya mencadangkan, Tuan Yang di-Pertua, supaya pihak Kerajaan mencari jalan yang lebih sesuai bagi memperbaiki keadaan ini untuk menentukan jabatan-jabatan di peringkat daerah adalah bertanggungjawab kepada pegawai yang menjaga pentadbiran daerah dan diubahsuakan pentadbiran daerah bagi semua urusan Kerajaan dan tidak lagi Pegawai Daerah hanya sebagai Pegawai Penyelaras antara jabatan-jabatan. Sistem yang kita telah pesakai dari pihak Inggeris itu adalah suatu sistem yang baik tetapi kita seharusnya mencari jalan untuk memperbaiki sistem itu mengikut kontek dan keadaan pada masa ini bagi mempercepatkan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru.

Dasar Kerajaan dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini bagi mempercepatkan kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri adalah sungguh disambut baik dan faktor yang penting. Sistem collective responsibilities

seperti yang saya katakan tadi perlulah di-amalkan supaya pelaksanaan boleh dijalankan dengan begitu licin dan tidak membuang masa serta mencermatkan perbelanjaan.

Sikap birokrasi dan redtape di setengah-setengah pegawai-pegawai akan hapus dengan sendirinya dan sikap dedikasi dan penuh tanggungjawab akan beransur menjadi amalan.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya menyentuh di dalam perkara Trade Union dalam kegiatan dan usaha-usaha Kerajaan hendak menyusun perpaduan rakyat dan menstabilkan taraf hidup golongan rakyat di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini. Maka dengan tidak semena-mena timbul pula kata dua dari pihak kakitangan Majlis Kebangsaan Bersama yang mewakilkan semua jenis anggota Kerajaan yang akan diharapkan oleh Kerajaan dipertanggungjawabkan pelaksanaan dan kejayaan Rancangan Malaysia Yang Ketiga ini. Masalahnya adakah wajar bagi mereka mendesak kata dua itu sesuai dibuat dalam keadaan negara sekarang ini. Betapa besar pula kesan inflasi dari perlaksanaannya sudah tentu berjuta-juta ringgit, bukan setakat kenaikan gaji sahaja yang ditimbulkan bahkan gaji kebelakangan sebanyak 19 bulan juga dituntut. Ini akan bermakna mencetuskan kembali inflasi yang baharu sahaja sembuh.

Kita mengharapkan mudah-mudahan mereka dapat bertenang dan memberikan sumbangan serta korban emosi tuntutan mereka itu dan menyedari dan menginsafi bersama akan tanggungjawab Kerajaan dalam bidang Kerajaan menghadapi bilangan penganggur-penganggur yang ramai tanpa ada Kesatuan-kesatuan yang membela nasib mereka dan kehidupan kaum tani dan nelayan yang menjadi tanggungjawab besar bagi Kerajaan mesti melindungi dan memperbaiki taraf hidup mereka yang masih tidak ketentuan itu. Lebih anih kita katakan kata dua yang dikemukakan itu tidak wajar dibuat di saat negara menghadapi ancaman keselamatan dan di saat negara melancarkan Rancangan Malaysia Ketiga ini. Salah satu matlamatnya yang besar ialah untuk menghapuskan kemiskinan khususnya kepentingan rakyat seluruhnya mestilah diperhitungkan bersama. Dan begitu juga kestabilan taraf hidup tidak diperbaiki maka selama itu jugalah masalah sosial akan kian rumit dan

berat dan ini tidak boleh diabaikan begitu sahaja. Kita berharap semoga boleh diteruskan kelak perbincangan-perbincangan iaitu dengan mengirakan apa yang termampu dan apa yang tidak.

Oleh itu cita-cita untuk menegakkan masyarakat adil tidak akan tercapai kalau berbagai lapisan mengirakan untuk diri sendiri sahaja. Matalamat mencapai masyarakat adil adalah bergantung kepada gotong royong dan kerjasama oleh semua rakyat.

5.43 ptg.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais (Parit): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkenaan dengan Rancangan Malaysia Ketiga.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Kedua dahulu warna bukunya merah, di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini warna bukunya hijau. Jikalau kita analisa dengan warna hijau ini sudah kena pada tempatnya bahawa negara kita ini adalah suatu negara yang menghijau. Kehendak buku hijau R.M.T. ini pada dasarnya amatlah baik. Matlamat buku ini ialah Rancangan kita untuk lima tahun yang akan datang. Khususnya kehendak buku ini ialah mengurangkan kemiskinan di kawasan luar bandar dan di dalam bandar, khususnya di kalangan penanam-penanam padi, pekebun kecil getah, pekebun kecil kelapa, petani, nelayan, pekerja estet dan lombong.

Saya sudah meneliti buku ini, kemudahan-kemudahan apa yang tercatat di dalamnya terlaksanalah ia sesudah Dewan ini meluluskannya. Masaalah kewangan tidak menjadi soal sepertimana setelah kita kupas segala intisari buku ini. Wang perbelanjaan telahpun ditambah sebanyak 90% daripada Rancangan Malaysia Kedua dahulu.

Sepertimana yang telah ditegaskan oleh Perdana Menteri bahawa Kerajaan akan memastikan setiap jentera Kerajaan disemua peringkat akan memperkemaskan dan akan memperkukuhkan lagi. Apa yang menjadi persoalan besar sekarang ialah perlaksanaannya. Perlaksanaannyalah yang menjadi akar tunjang buku ini walau macam mana cantiknya apa yang tersurat dan tersirat di hati dan sanubari kita, kalau perlaksanaannya tidak sempurna namun apa yang kita cita tidak akan tercapai. Perlaksanaan

Rancangan Malaysia Ketiga bergantung kepada jentera Kerajaan disemua peringkat. Kelewatan dan kelalaian Rancangan Malaysia Ketiga ini ataupun terbantutnya R.M.T. ini pada masa yang akan datang adalah disebabkan jentera Kerajaan.

Pada hemat saya tidak ada kemungkinan Rancangan Malaysia Ketiga ini akan terbantut, oleh kerana Kabinet baharu yang ada pada masa ini sungguh kemas dan teratur.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun jurang ekonomi di antara rakyat kita masih lagi terdapat di negara kita ini seperti mana yang tercatat dalam buku R.M.T. ini berkenaan dengan program meninggikan taraf hidup rakyat Malaysia menerusi perkembangan pelajaran, kesihatan, perumahan, bekalan elektrik, saya harap perkara-perkara yang tercatat di dalam buku ini hendaklah dilaksanakan dengan seberapa segera.

Pelajaran—Menyentuh di dalam perkara pelajaran maka saya menarik perhatian Kementerian ini bahawa sistem Sukatan Pelajaran kita yang ada pada masa ini hendaklah dikaji semula. Kerana apa dan mengapa saya katakan begitu. Dewasa ini kita dapati anak-anak kita yang masih di bangku sekolah tidak lagi menghormati orang-orang yang lebih tua daripada mereka. Untuk kita mendapat baka yang baik, bagi rakyat kita di masa akan datang hendaklah dari mula awal kita jaga. Mata pelajaran akhlak tidak ada lagi di dalam Darjah I, II atau III di sekolah-sekolah rendah. Saya tidak tahulah Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana dewasa ini sudah banyak bijak pandai, lainlah di zaman saya dahulu. Walaupun pada zaman dahulu kanak-kanaknya nakal tetapi mereka menghormati orang-orang tua dan mempunyai budi pekerti yang tinggi. Oleh kerana zaman ini zaman naik ke bulan dan zaman sains dan teknologi orang tidak lagi memikirkan soal akhlak dan moral.

Pada hemat saya, elok rasanya pihak Kementerian Pelajaran menoleh ke zaman tahun empat puluhan. Murid-murid yang degil dan nakal disebat dengan rotan. Sistem merotan ini elok kita jalankan pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kita pada soal akhlak dan moral bagi pelajar-pelajar kita pada masa ini di peringkat pre-universiti, Maktab dan penuntut-penuntut di luar negeri. Nampaknya surat-surat khabar boleh

dikatakan setiap hari menyiarkan berita-berita penuntut-penuntut kita di luar negeri berdakwah. Sepatutnya kita harus bertanya kepada diri kita sendiri, kerana apa anak-anak kita di luar negeri itu sedar bahawa pelajaran Ugama itu amat besar faedahnya. Mereka sudah bosan dengan gejala-gejala kepalsuan hidup berpura-pura di dunia barat. Sebenarnya mereka sudah sedar betapa terhimpitnya kerohanian mereka semasa mereka berada di tengah lautan manusia yang tidak langsung mempersoalkan perkara ketuhanan. Sebab itulah saya menekankan di sini bahawa pelajaran Ugama di sekolah-sekolah hendaklah kita ajar kepada anak-anak kita itu dengan betul-betul dan sungguh-sungguh.

Tuan Yang di-Pertua, bila kita sebut sahaja soal perumahan di negara kita ini tergambarlah kita bahawa rakyat kita masih terbiar tidak mempunyai rumah. Kalau kita menaiki kereta daripada Bangunan Parlimen ini mengikuti Jalan Damansara menghalu ke Petaling Jaya dan berligar-ligar di Petaling Jaya soal perumahan tidak menjadi soal lagi. Hati kita merasa lapang, semua rumah-rumah yang ada di sana tersergam indah. Kita tanya pada diri kita, siapakah gerangan yang memiliki rumah-rumah yang indah ini? Berapakah harga rumah-rumah ini? Tidak terdapat rumah papan dan rumah kayu di sana. Rumah-rumah ini dipagar dengan rapi, selepas itu kita berpatah balik ke Jalan Kelang lama terus ke Kampung Pandan, Jalan Ampang, Datuk Keramat dan lain-lain tempat lagi. Di sini bila kita berjalan ke tempat ini, kita akan bersua dengan rumah-rumah setinggan ataupun rumah-rumah kilat. Kita akan bertanya pada diri kita, siapakah penghuni-penghuni rumah ini? Kenapa tidak ada lampu menerangi rumah mereka? Di mana mereka mandi dan mengambil air? Bila ditanya, kenapa tidak beli rumah yang dibuatkan oleh pihak swasta yang didirikan oleh Kerajaan? Lantas mereka menjawab; "Kami tidak mampu". Harga tiap-tiap sebuah rumah tidak kurang daripada \$20,000; pendapatan kami cuma \$200 sebulan.

Suka saya bertanya kepada Kementerian yang berkenaan kenapa kaum sejenis ini di-biarkan kenapa pihak Kementerian ini memandang sepi terhadap mereka? Saya harap Kementerian ini dapat mencari jalan bagaimana rakyat yang seperti ini mesti dibela hidupnya dengan sempurna.

Dewasa ini negara kita ialah sebuah negara yang mengeksport kayu-kayan, yang paling menyedihkan bahawa harga kayu-kayan amat mahal pada masa ini. Harga papan lapis pada masa ini telah melambung naik. Kawalan harga patut dikenakan untuk kegunaan dalam negeri. Oleh yang demikian, pada masa yang akan datang ini pihak Kementerian ini hendaklah membina rumah-rumah yang berharga murah dan yang mampu bagi rakyat kita membelinya. Kalau perkara ini tidak kita selesaikan dengan segera, saya percaya pada masa yang akan datang rakyat bumiputra khasnya orang Melayu akan lari balik ke hutan. Jikalau perkara ini tidak dipandang dengan begitu serious, saya percaya 30% bumiputra yang berkecimpung dalam bidang perusahan dan perniagaan tidak akan tercapai.

Ingin saya mendapat penjelasan daripada pihak Kementerian ini, berapa ramaiakah orang-orang Melayu yang memiliki rumah batu di sekitar Petaling Jaya dan Shah Alam seterusnya di sekitar Kuala Lumpur ini? Persoalan ini bukan sahaja di Kuala Lumpur tetapi sudah menjalar di Bandaraya Pulau Pinang, Ipoh, Seremban dan Johor Bahru. Apakah Kementerian ini masih berpeluk tubuh dan masih mengkaji dan mengkaji, berapa lama hendak mengkaji? Oleh itu di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini saya harap Kementerian ini akan membina rumah-rumah yang berharga murah lebih banyak lagi.

Tuan Yang di-Pertua, jeritan rakyat untuk mendapatkan bekalan letrik dan air masih bergema di sana-sini di pelusuk tanahair kita ini terutamanya di kawasan luar bandar. Di peti talivesyen selalu sahaja melaung-laungkan agar rakyat menjimatkan letrik dan menjimatkan air. Apa yang menghairankan saya di hotel-hotel besar dan di rumah-rumah yang tersergam indah masih terang-benderang dengan lampu-lampu neon. Apakah mereka ini telinganya pekak? Di hotel-hotel dan di night club tidak langsung memperdulikan perkara ini. Saya harap pihak yang berkenaan akan menyiasat perkara ini dengan seberapa segera.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Selalu pergi ke hotel?

Tuan Mohd. Bakri bin Rais: Sekali-sekala.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Tuan Mohd. Bakri bin Rais: Majoriti rakyat di sana yang hauskan bekalan elektrik masih menjerit-jerit untuk mendapatkannya. Rakyat jelata yang begitu ramai, yang mengundi kita di dalam Dewan ini masih melaung-laung berkehendakkan bekalan elektrik. Masih terdapat lagi rakyat kita yang meminum air sungai dan air perigi di negara kita ini. Kita mahukan rakyat kita sihat dan cergas. Bagaimana hendak sihat dan cergas, sedangkan bekalan air yang dinanti-nantikan oleh mereka tidak ada. Saya harap perlaksanaannya akan dilaksanakan oleh Kementerian ini, apabila sahaja Rancangan Malaysia Ketiga ini diluluskan oleh Dewan ini.

Saya menyentuh mengenai kesihatan. Kementerian Kesihatan sentiasa sahaja menjadi sasaran oleh rakyat jelata. Mengikut data yang ada dalam Buku Rancangan Malaysia Ketiga ini bahawa di Negeri Perak tidaklah semaju di negeri yang ada di negara kita ini. Perak ialah sebuah negeri yang banyak mengeluarkan hasil negara. Kesihatan rakyat mestilah dijaga. Sepertimana kita maklum bahawa Hospital Batu Gajah adalah hospital yang tertua di Negeri Perak. Hospital ini amat terkenal di zaman penjajah dahulu. Malangnya hospital yang tua ini sudah begitu uzur, bak kata pepatah: "Bunga yang layu tidak berguna lagi." Walaupun umur hospital ini sudah tua dan bangunan hospital ini sudah uzur, saya harap pihak Kementerian hendaklah mengawasi hospital ini. Apa yang menarik perhatian saya bahawa suasana di tempat ini sungguh sesuai bagi pesakit-pesakit, tambahan pula penduduk-penduduk di sekitar Batu Gajah ini bertambah ramai. Tetapi yang paling menyedihkan saya ialah binatang-binatang seperti anjing, kucing, lembu dan kembang sentiasa sahaja berkeliaran di tempat ini. Binatang-binatang ini sentiasa sahaja mengunjungi pesakit-pesakit di wad. Hospital ini terdedah begitu sahaja. Saya harap pihak Kementerian dapat memagar hospital ini dengan seberapa segera. Apakah pendapat Kementerian Kesihatan terhadap hospital ini? Adakah hospital ini hendak ditutup ataupun dijadikan sebagai show case sahaja? Kalau hospital ini hendak ditutup, saya harap Kementerian Kesihatan hendaklah mendirikan hospital yang baharu. Kalau hospital ini masih diperlukan oleh Kementerian ini, oleh itu pihak Kementerian hendaklah dengan seberapa segera memperbaiki hospital ini.

Tuan Yang di-Pertua, masyarakat kita yang paling mundur di negara ini ialah kaum nelayan. Penghidupan mereka sentiasa terhimpit dan tertindas. Masyarakat inilah yang harus kita pandang dengan begitu serious. Ada pun ikan-ikan laut pada masa ini sudah begitu kurang di Pantai Barat Semenanjung Malaysia kita ini, boleh jadi di dalam masa 10 atau 15 tahun lagi laut kita di Pantai Barat Malaysia ini tidak mempunyai ikan lagi. Akibat atau berpuncunya ikan di perairan Pantai Barat ini berkurangan, tidak lain dan tidak bukan ialah disebabkan oleh pukut harimau ataupun pukut tunda.

Perpecahan perpaduan kaum nelayan adalah berpunca daripada pukut tunda ataupun pukut harimau. Pergaduhan di laut oleh nelayan-nelayan kita adalah berpunca daripada pukut harimau. Oleh kerana di Jabatan Perikanan ini mempunyai pakar-pakar dan pegawai-pegawai yang bijak, sebab itulah lesen pukut harimau diluluskan, akibatnya pada masa ini kita terimalah bersama. Sudah berapa kali nelayan-nelayan kita bergaduh di laut disebabkan pukut harimau ini. Malangnya pihak Kementerian Perikanan memandang sepi sahaja. Sudah beberapa kali kaum nelayan memohon agar pukut harimau ini diharamkan sahaja, jangan dibenarkan ia menarik di dalam laut. Sebab-sebabnya ialah, pukut harimau ini apabila ia melabuh ataupun ia menarik pukatnya, segala apa yang ada di dasar laut, habis dibongkarnya, segala yang ada di dalam perut laut habis masuk ke dalam kandul; samada telur ikan, anak ikan yang baru menetas, ikan kecil atau ikan besar habis disapunya. Kalau tiap-tiap hari pukut harimau atau pukut tunda ini menarik, di mana lagi benih-benih ikan ini ada? Sudah pasti benih-benih ikan di dasar laut akan hapus dan sekarang kita terimalah akibatnya.

Pada masa ini Kerajaan terpaksa mengimpor ikan-ikan daripada negara jiran iaitu Thailand. Saya harap Jabatan Perikanan dapat menoleh ke belakang agar nelayan-nelayan kita pulih seperti sedia kala, pukut harimau ini mesti dihapuskan, segala lesen-lesen yang ada hendaklah dibatalkan. Kalau tidak sudah pasti akibat si miskin yang semakin buruk akan kita terima pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, beralih saya kepada ikan air tawar. Di dalam masa 5 atau 6 tahun dahulu di kawasan saya terkenal dengan udang galah dan ikan-ikan sungai air tawar.

Dewasa ini amat susah kita dapati udang galah dan ikan sungai ini. Nelayan-nelayan air tawar terhimpit penghidupannya. Ikan-ikan air tawar ini hapus bukanlah disebabkan pukut harimau di laut. Ikan-ikan ini hapus adalah disebabkan pencemaran kekotoran air lombong dan air kilang. Alam semula jadi yang dijadikan oleh Allah telah dirosakkan oleh manusia disebabkan hendak mengejar kekayaan dengan cepat. Apabila kita hendak cepat maju akibatnya kita akan rugi daripada satu akibat. Malangnya, yang menerima akibat ini ialah masyarakat golongan miskin dan pengundi-pengundi kita sendiri. Daripada satu segi kita untung, tetapi daripada satu segi lagi kita rugi. Saya harap pihak Jabatan Perikanan air tawar ini dapat menyelesaikan perkara ini dengan Kementerian Alam Sekitar secepat mungkin. Saya harap Menteri yang berkenaan dan pegawai-pegawainya dapat datang ke Negeri Perak dan meninjau apakah sudah terjadi dengan air sungai Perak pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya sebagai wakil rakyat luar bandar, suka saya menyentuh berkenaan pertanian iaitu penanam-penanam padi. Di zaman saya bersawah dahulu dan di zaman pesawah-pesawah sains dan teknologi sekarang ini amat jauh perbezaannya. Oleh kerana zaman ini zaman sains dan teknologi segala-galanya telah berubah dan berbeza. Perkara yang hendak saya katakan ialah berkenaan petani moden kita. Di sini tidaklah saya menentang sains dan teknologi, tetapi saya hanya memberi sedikit gambaran, kemajuan sains dan teknologi memang berfaedah untuk kita manusia, tetapi sebaliknya merugikan pula kita sendiri. Baja kimia yang digunakan oleh petani-petani moden di zaman ini sungguh menggalakkan. Akibat daripada baja kimia ini pesawah-pesawah akan rugi dari segi pendapatan ikan air tawar. Akibat daripada tanaman dua kali setahun pesawah-pesawah akan rugi dari segi tanaman sulaman sayuran dan ikan. Ikan-ikan sepat, haruan, keli dan puyuh sudah berkurangan pada masa ini. Pesawah-pesawah terpaksa membeli ikan-ikan ini untuk mereka seharian. Di zaman saya bersawah dahulu, saya tidak payah membeli ikan dan tidak payah membeli sayur. Baja yang digunakan ialah baja asli; baja asli ini tidak mengandungi bahan-bahan racun untuk membunuh ikan-ikan air tawar. Sedangkan negara kita masih lagi mengimpor beras daripada luar negeri.

Di dalam Rancangan Malaysia Ketiga (R.M.T.) ini segala daya-usaha kepada pekebun-pekebun kecil getah dan kelapa pihak Kementerian Pertanian hendaklah mengawasi mereka ini daripada segenap sudut. Keperluan-keperluan bantuan hendaklah disegerakan kepada mereka agar taraf hidup mereka ini dapat terjamin pada setiap ketika.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah membelanjakan banyak wang untuk kempen keselamatan jalanraya pada masa yang lalu hinggalah sekarang ini. Peruntukan wang begitu banyak telah diperuntukkan kepada tiap-tiap negeri di dalam Buku R.M.T. ini. Namun demikian, pelaksanaan Kementerian ini untuk menjalankan projeknya hendaklah dilaksanakan dengan seberapa segera. Sering kita terbaca di akhbar-akhbar bahawa masih banyak lagi negeri-negeri yang tidak mempunyai jalanraya yang sempurna. Akibatnya kemalangan jalanraya di bandar-bandar berpunca daripada sistem lalu-lintas yang ada pada masa ini tidak lengkap. Lagipun jalan-jalan yang ada di bandar terlampau sempit. Untuk membesarkan jalan-jalan ini pihak yang berkenaan terpaksa memperkecilkan kaki lima kedai-kedai yang ada di tepi-tepi jalanraya. Lalu-lintas sentiasa sahaja terhalang oleh orang-orang yang berjalan kaki. Umpamanya, bandar Kuala Lumpur ini orang yang berjalan kaki sentiasa terhalang oleh penjaja tepi jalan. Jika kita berjalan pada malam hari ataupun siang hari di Jalan Chow Kit di Kuala Lumpur ini, amat susah kita hendak berjalan, oleh kerana di tengah-tengah kaki lima jalanraya penuh sesak dengan penjaja-penjaja.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu pada musim durian sahaja Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Bakri bin Rals: Pada hal pihak Bandaraya Kuala Lumpur ini mempunyai unit khas untuk mengusir mereka daripada menghalang orang ramai yang lalu-lalang di kaki-kaki lima. Yang peliknya tempat-tempat letak kereta di petak-petakkan di tepi jalan. Saya harap pihak Bandaraya akan menghapuskan petak-petak letak kereta ini di jalan-jalan sempit sekitar Bandaraya Kuala Lumpur ini. Penjaja-penjaja hendaklah ditempatkan di tempat-tempat yang khas untuk mereka.

Di dalam R.M.T. ini pihak Bandaraya hendaklah melengkapkan Bandaraya ini

dengan wajah yang baru, bersih dan teratur. Ada pun panggung wayang Odeon dan Coliseum hendaklah dirobohkan oleh kerana kedua-dua panggung wayang ini menghalang jalanraya dan menghodohkan Bandaraya Kuala Lumpur ini. Peruntukan yang begitu banyak telah diperuntukkan kepada Wilayah Persekutuan ini hendaklah dipergunakan wang ini untuk keselesaan orang ramai di Bandaraya Kuala Lumpur ini. Bangunan-bangunan yang baru didirikan oleh Kerajaan mahupun pihak swasta hendaklah diuntukkan kepada bumiputra khususnya kepada orang Melayu sebanyak 50%. Kelengkapan alat-alat untuk unit bomba hendaklah dilengkapi dengan alat-alat yang lebih moden dan boleh mengawal bangunan-bangunan yang tinggi daripada dijilat api.

Jalanraya yang bengkok-bengkok dan tidak sesuai lagi untuk kenderaan di tiap-tiap buah negeri hendaklah Kementerian ini dengan secepat mungkin memperbaiki keadaananya. Kesyakan lalu-lintas bukan sahaja terdapat di Bandaraya Kuala Lumpur ini, malahan sudah menjalar di bandar-bandar seperti Ipoh, Pulau Pinang, Seremban dan Johor Bahru. Nampaknya kenderaan semakin hari semakin banyak. Ada kemungkinan di suatu masa negara kita ini akan diancam oleh bunyi bising daripada kenderaan dan pencemaran udara yang kotor disebabkan oleh kenderaan yang terlampau banyak. Pihak Kementerian ini diharapkan dapat mengkaji dari masa ke semasa untuk mengelakkan perkara ini berlaku. Sistem roundabout sudah tidak begitu sesuai lagi di negara kita ini.

6.08 ptg.

Tuan Oo Gin Sun (Alor Star): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rancangan Malaysia Ketiga yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Dewan ini. Saya patut memberi tahniah kepada Kerajaan kerana mengemukakan satu rancangan yang sebegitu gagah, berkemajuan lagi dinamis yang mana sekiranya dilaksanakan dengan jayanya kelak mendatangkan faedah kepada keseluruhan rakyat Malaysia dari berbilang kaum tidak kira warna kulit, ugama dan bangsa. Sebagaimana yang telah diperkatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita bahawa Rancangan Malaysia Ketiga ialah peringkat kedua di dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dan dasar

itu menentukan dalam ertikata memperluaskan ekonomi bagi membasmi kemiskinan tiada kira bangsa dan menyusun semula masyarakat Malaysia serta usaha memperkukuhkan lagi keselamatan negara. Amatlah mustahak.

Tuan Yang di-Pertua, bahawa Rancangan Malaysia Ketiga mesti berjaya, jika tidak kuasa luar akan mengambil peluang dengan menyatakan bahawa Rancangan Malaysia Ketiga adalah bertujuan cuma bagi satu pihak rakyat yang tertentu sahaja. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi pandangan di atas tiga bidang yang penting di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sedikit-sedikit boleh. Diizinkan.

Tuan Oo Gin Sun: Pelaburan. Jumlah yang diwujudkan kepada pelaburan swasta ialah \$13.7 billion yang di dalam rancangan yang sebenarnya lebih kurang 48.3 peratus lebih daripada apa yang tercapai di bawah Rancangan Malaysia Kedua atau pukol rata perkembangan tahunan lebih kurang 10 peratus. Jumlah ditunjukkan bagi harga semasa ialah \$26.8 billion. Kuasa terbesar bagi mengadakan perkembangan ekonomi serupa itu kenalah datang pada kebanyakannya dari sektor perkilangan dan pembinaan. Pendek kata, sektor perkilangan dan pembinaan hendaklah memainkan peranan terus-menerus iaitu tiada putus-putus pada sepanjang-panjang masa ini untuk membina suatu ekonomi yang berkembang dan bukan satu ekonomi yang tiada bergerak.

Kita semua tahu, Tuan Yang di-Pertua, yang Kerajaan Negeri kita mengamalkan perdagangan ekonomi bebas tetapi entah bagaimana baru-baru ini perkembangan di dalam sektor perkilangan tiada sebagaimana diharapkan. Seringkali kita mendengar bahawa pelabur-pelabur enggan membina kilang-kilang di dalam negara kita oleh sebab mereka selalu menghadapi banyak cerawat dan kelewatan dari segi pentadbiran oleh pegawai-pegawai Kerajaan. Amatlah mustahak bagi Kerajaan kita supaya memperlakukan perjalanan pentadbiran supaya kelewatan dikurangkan seboleh-bolehnya. Kita hendaklah mengadakan satu suasana

pelaburan yang sesuai bagi peluang pelabur-pelabur. Ini akan menjadi satu cabaran kepada Kerajaan kita untuk menyertai di dalam perkongsian dengan sektor swasta dan menyelenggarakan peraturan-peraturan bagi menjamin kegiatan yang rapi, oleh perusahaan swasta berkenaan dengan kemajuan negara ini di dalam konsep Dasar Ekonomi Baru. Sebagaimana yang kita semua tahu bahawa negeri kita ialah sebuah negeri yang kurang maju jika dibandingkan dengan lain-lain negeri dan saya berharap Kerajaan akan menyalurkan sektor perkilangan ke negeri Kedah bagi memberi nafas kepada ekonomi naik.

Amatlah girangnya mendengar daripada Kerajaan bahawa penyusunan dan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Ketiga ialah bagi memperuntukkan keadaan kemiskinan di dalam kawasan-kawasan luar bandar dan di dalam bandar negeri ini. Sepertimana yang telah saya perkatikan sebelum ini di dalam Dewan ini bahawa kemiskinan berada di dalam kawasan-kawasan bandaran dan juga luar bandar, maka Kerajaan akan mengambil langkah bagi mengurangkan kadar kemiskinan di antara orang-orang miskin di dalam bandar dengan cara menambahkan pendapatan mereka iaitu menerusi peruntukan rumah-rumah murah dan lain-lain perkhidmatan awam. Kita semua mengetahui iaitu ada terlalu banyak orang-orang miskin di dalam bandar merebut rumah-rumah murah yang sebegitu sedikit sekali. Langkah-langkah mestilah diambil dengan segera bagi membina rumah-rumah murah dengan selekas-lekasnya. Saya percaya Kerajaan akan menjalankan dengan segera di sana untuk menolong peniaga-peniaga kecil dan penjaja-penjaja di dalam semua kawasan bandaran iaitu memberi kemudahan-kemudahan dan pinjaman-pinjaman oleh sebab mereka telah pun dibiarkan begitu sahaja sekian lama. Jika desa ini dilaksanakan dengan adil, ini kelak dapat menuju ke arah menyelesaikan masalah sosial dan ekonomi orang-orang miskin di dalam bandar.

Puak yang terbesar di dalam golongan orang-orang miskin di luar bandar seperti yang dikuasi oleh Kerajaan datangnya daripada penanam-penanam padi, pemilik-pemilik kebun-kebun getah kecil, nelayan-nelayan, pekerja-pekerja kebun getah dan penduduk-penduduk perkampungan-perkampungan baru. Mereka mesti diberi

pertolongan dengan apa cara yang boleh untuk meningkatkan taraf hidup mereka. Misalnya penduduk-penduduk perkampungan baru amat kekurangan tanah. Selalu sahaja terdapat mereka memiliki tanah dengan tiada bergerak atau hakmilik tanah dan peraturan-peraturan yang baik oleh sebab tanah ialah dasar Kerajaan Negeri. Kerajaan patut mengadakan ko-ordinasi yang baik lagi berkesan supaya penduduk-penduduk di dalam perkampungan-perkampungan baru yang telahpun memiliki tanah ini buat beberapa tahun diberi geran-geran tanah.

Selalu sangat kita mendengar daripada penduduk-penduduk perkampungan-perkampungan baru bahawa permohonan-permohonan mereka tersangkut kerana kelewatan pentadbiran. Jika masalah-masalah ini dapat diselenggarakan dengan berkesan maka akan berkuranganlah hijrah pekerja-pekerja dari luar bandar ke kawasan-kawasan bandaran. Kita tahu sebab-sebab pemindahan itu ialah oleh kerana kekurangan mendapat pekerjaan di sektor luar bandar.

Tanah

Ini ialah satu masalah yang menimbulkan atau menjadikan buah mulut kepada orang ramai. Kita selalu sahaja mendengar bahawa tiada tanah kosong untuk diberi kepada rakyat Malaysia yang tidak mempunyai tanah. Tetapi kita dapati ada 6.2 million ekar tanah yang boleh dijadikan tanah pertanian di Semenanjung Malaysia. Dengan sebegitu luasnya kawasan besarlah peluang bagi memperbanyakkan keluaran pertanian dan barang-barang mentah yang menjadi dasar bagi kemajuan perindustrian. Jika banyak lagi tanah dimajukan ia akan menolong Kerajaan bagi mencapai matlamatnya membasmi kemiskinan, menambahkan pendapatan mereka di luar bandar dan meluaskan peluang-peluang pekerjaan yang kita tahu di antara tahun 1970 dan 1975 lebih kurang 1 million ekar tanah telah dimajukan oleh FELDA, FELCRA dan RISDA dan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri. Saya percaya bahawa Kerajaan akan membuka banyak lagi rancangan-rancangan tanah bagi sekalian rakyat Malaysia tidak kira bangsa oleh sebab ini akan membasmi kemiskinan di sektor luar bandar dan dalam bandar. Rakyat khususnya

yang miskin di dalam bandar hendaklah diberi kesedaran bahawa besar sekali pendapatan jika diusahakan tanah.

(Tuan Azahari bin Md. Taib *memperkerusikan Mesyuarat*)

Pada akhirnya besarlah harapan saya bahawa jentera Kerajaan akan mengawasi pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga dengan adil oleh kerana pihak pentadbir tidak bolch terlibat dari segi politik atau terpengaruh dalam perkara melaksanakan peraturan-peraturan atau susunan-susunan dan projek-projek kemajuan.

6.20 ptg.

Wan Zainab binti M. A. Bakar (Sungai Petani): Tuan Yang di-Pertua, setelah diteliti isi kandungan yang terdapat di dalam buku Rancangan Malaysia Ketiga 1976-1980 itu dan memahami cita-cita dan hasrat Kerajaan Barisan Nasional, maka saya menyokong penuh usul yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Perdana Menteri di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan baik Dasar Ekonomi Baru melalui Rancangan Malaysia Kedua telah dapat dinikmati oleh rakyat berbilang kaum, sungguhpun dinafikan oleh pihak-pihak Pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, kita mestilah mengakui yang banyak lagi rancangan-rancangan dan projek-projek yang belum dapat disiapkan 100%. Saya harap dengan kerjasama dari pihak pegawai-pegawai, Ahli-ahli Yang Berhormat, pihak-pihak cerdik-pandai dan rakyat sekalian kita dapat menuju ke arah membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat dan memperkukuhkan keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Datuk Perdana Menteri di atas peruntukan kepada Negeri Kedah dan lain-lain negeri yang mana kita sedar banyak lagi kemudahan-kemudahan asas seperti jalan-jalan, titi, bekalan air paip, bekalan elektrik belum sampai bukannya hanya di luar bandar bahkan di dalam bandar Sungai Petani sendiri. Seperti di kampung-kampung dalam kawasan Majlis Kerajaan Tempatan seperti Kampung Raja dan Kampung Pengkalan Lebai Man. Penduduk-penduduk di

sini sangatlah mengharapkan belas kasihan daripada Kerajaan supaya mereka juga diberi perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, saya bukanlah iri hati kepada Negeri Pulau Pinang, kerana saya pun dilahirkan di sana. Tetapi di Pulau Pinang, lorong-lorong belakang (back lane) pun ditarkan, tetapi di Sungai Petani ataupun di Daerah Kuala Muda dan lain-lain daerah di Negeri Kedah, bukan setakat hendak ditarkan, jalan-jalan tanah merah pun tidak begitu baik. Jadi bagi orang-orang muda ataupun golongan pelajar yang tidak tahu bagaimana asalnya negara Malaysia ini di waktu penjajahan apabila mereka ini melihat bandar raya Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan lain-lain bandar besar yang serba-serbi indah dan cantik dan apabila balik, mereka ini ke kampung sendiri dengan serba-serbinya tidak ada. Misalnya lampu letrik dan terpaksa minum air perigi maka timbullah perasaan tidak senang hati. Dan apabila sahaja dapat dipengaruhi oleh anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab maka timbullah perasaan yang tidak menyenangkan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya suka menyentuh sedikit di sini kerana ini juga termasuk di dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Kita semua termaklum iaitu Majlis Kerajaan Tempatan di Negeri-negeri yang asalnya Majlis-majlis Kerajaan Tempatan ini ialah Majlis Bandaran, Lembaga Bandaran dan Majlis-majlis Tempatan. Sekarang telah disatukan semua Majlis-majlis yang saya sebutkan ini, dijadikan satu Majlis Kerajaan Tempatan. Kawasan telah dijadikan luas sehingga meliputi satu daerah. Pada pendapat saya penguasa-penguasa tempatan ini patut diberi peruntukan kewangan supaya dapat memperbaiki parit-parit, jalan-jalan kecil dan membuat gerai-gerai untuk penjaja-penjaja kecil berniaga di bandar-bandar. Kalau hendak harap kepada Kerajaan Negeri maulumlah wang tidak mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Kerajaan melaungkan iaitu badan-badan seperti M.I.D.F., Bank-bank dapat memberi pinjaman kepada bumiputra, tetapi banyak bumiputra tidak puas hati di atas pinjaman yang dibuat di bawah Rancangan C.G.C. yang mana syarat yang dapat ditentukan oleh C.G.C. ialah pinjaman sejumlah \$30,000 ke bawah tanpa cagaran, memadai dengan dua orang penjamin, tetapi tidak dibenarkan oleh setengah-setengah bank tertentu. Oleh itu,

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa dan saya tahu sendiri, saya tidak suka lah menyebut mana-mana bank, tetapi saya harap pihak Kerajaan akan mengatasi perkara ini. Begitu juga ejensi-ejensi dan pengedar-pengedar bumiputra sangat kecil bilangannya. Inilah satu cara untuk menolong bumiputra berniaga dan untuk meninggikan taraf hidup yang sedikit-sebanyak akan menolong kepada rakyat yang tidak berada dengan pihak-pihak yang berada.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab saya berada di dalam kawasan pertanian, suka lah saya bercakap berkenaan dengan pertanian, yang mana dasar Kerajaan memanglah baik, tetapi dari segi perlaksanaannya tidaklah begitu senang hati. Dalam menjalankan sesuatu rancangan yang besar, luas dan kompleks seperti Rancangan Malaysia Ketiga, ini sudah semestinya akan terdapat banyak practical problem dalam masa pelaksanaan. Problem-problem ini hendaklah dihadapi dengan penuh perhatian. Janganlah hendaknya sesuatu rancangan itu dijalankan semata-mata untuk menghabiskan peruntukan yang dikhaskan baginya tanpa memperhitungkan objektif-objektif rancangan itu.

Tuan Yang di-Pertua, penyelarasan (co-ordination) dan semangat berganding bahu di antara jabatan-jabatan dan ejensi-ejensi Kerajaan adalah satu perkara yang amat penting dalam pelaksanaan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Usaha-usaha ke arah pembangunan sektor pertanian sudah tentu melibatkan berbagai-bagai Jabatan dan ejensi-ejensi Kerajaan seperti MARDI, Jabatan Pertanian, Lembaga Pertubuhan Peladang, FAMA, RISDA, Jabatan Perikanan, Jabatan Parit dan Talian dan juga Jabatan-jabatan lain yang bersangkutan.

Tuan Yang di-Pertua, badan-badan ini seharusnya mempunyai perhubungan yang rapat dan erat dan menjalankan tugas masing-masing sebagai satu pasukan (team) dan mesyuarat atau perjumpaan-perjumpaan di antara badan-badan ini hendaklah diadakan dari masa ke semasa untuk mengatitkan strategi-strategi perkembangan pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan subsidi baja. Penanam-penanam padi adalah termasuk di dalam golongan rakyat yang berpendapatan yang paling rendah. Oleh yang demikian, segala usaha-usaha yang

terdapat hendaklah dijalankan bagi membantu petani-petani ini. Memandangkan kepada luasnya keluaran padi yang semakin meningkat, bantuan-bantuan merupakan subsidi seperti benih, baja haruslah diteruskan, bahkan ini akan dapat membantu penanam padi dan akan dapat juga meninggikan hasil padi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya suka sentuh ialah perkara rumah murah. Saya sangatlah berharap agar banyak rumah-rumah murah dibuat di seluruh negeri terutama sekali di Sungai Petani agar rakyat kita di situ mendapat pertimbangan. Perkara ini selalu terjadi, sebab rakyat di sana tidak ada rumah dan tidak ada tanah, jadi bila mereka tidak ada rumah dan nampak ada tanah-tanah kosong Kerajaan, penduduk-penduduk ini buatlah rumah makruh. Hendak kata haram pun, bukan haram rumah ini. Tetapi dari segi Kerajaan dikatakan haram. Tetapi pada saya penduduk-penduduk yang miskin ini yang tidak ada tanah dan tidak ada rumah ini tadi, bila nampak tanah kosong, mereka buatlah rumah. Bila rumah yang begitu terdiri, pihak Pejabat Tanah datang hendak merobohkan rumah-rumah ini. Mereka ada hanya sedikit wang. Mereka ini tidak mampu hendak membeli rumah daripada swasta. Jadi apabila ada tanah kosong, mereka dirikan rumah. Kalaulah rumah-rumah ini dirobuhkan, apa hal nasib mereka. Dan Kementerian Perumahan adalah diharap dapat mempercepatkan pembinaan rumah-rumah murah. Jadi nasib mereka ini akan terjamin dan apabila kita ada banyak rumah murah, mereka tidak buat lagi rumah-rumah di tanah-tanah kosong Kerajaan. Saya harap pihak Kementerian ini akan berusaha untuk mempercepatkan lagi, sungguhpun di dalam rancangan ini ada berkata: di sekian tempat hendak dibuat beberapa yunit, rumah, di sini akan menempatkan beberapa penduduk untuk rancangan rumah murah, tetapi bila tanah itu telah dibersihkan bangunan masih belum naik lagi.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang akhirnya saya hendak sentuh ialah beberapa Ahli Pembangkang telah menafikan kemudahan-kemudahan yang ada di kampung-kampung baru, sebaliknya mereka membangkitkan perkara-perkara yang tidak benar. Apa yang saya tahu di kampung-kampung baru Kerajaan telah mengambil berat, semua kemudahan ada. Bekalan lampu letrik ada,

bekalan air ada, padang permainan ada, talipon ada, sekolah ada, klinik ada dan serba-serbinya ada yang tidak kemudahan-kemudahan tadi ialah di kampung-kampung di luar bandar. Kadang-kadang gelanggang sepak takraw pun tidak ada, mereka meminta kepada Wakil-wakil Rakyat untuk membuat gelanggang, minta bola dan jaring takraw. Saya hendak menafikan tuduhan pihak Pembangunan, mereka mengatakan kampung-kampung baru tidak ada kemudahan-kemudahan. Jadi, saya harap pihak Kementerian yang berkenaan agar kalau hendak memberi apa-apa bantuan kepada kampung-kampung baru dari segi permainan kepada belia-belia, saya harap perhati sama di luar-luar bandar. Kalau tidak ada gelanggang sepak takraw, tidak ada kemudahan-kemudahan belia di situ, tolonglah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memberikan perkara itu.

6.32 ptg.

Tuan Abu Bakar bin Arshad (Hilir Perak): Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong usul yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan tajuk Rancangan Malaysia Ketiga 1976-1980 iaitu rancangan perpaduan negara.

Dalam ucapan dan panduan yang penting itu adalah merupakan satu rahmat kepada seluruh rakyat negara ini dan keadaan ini sesungguhnya sememangnya diharapkan supaya keadaan-keadaan yang tidak seimbang yang ada pada hari ini dapat diatasi dan dirasakan oleh semua pihak, dengan dapat diatasi berbagai-bagai masalah daripada pengalaman-pengalaman yang diperolehi melalui Rancangan Malaysia Kedua yang lalu. Saya rasa sungguh-sungguh memberikan kepujian yang tinggi kepada seluruh kakitangan yang dapat menyediakan begitu teliti yang benar-benar berjaya dan memuaskan. Bagi panduan kepada pegawai-pegawai yang akan melaksanakan dan memberikan maklumat balas di atas sambutan daripada berbagai jabatan untuk menjayakan sesuatu rancangan yang telah diatur begitu rapi sekali.

Saya mengalu-alukan peristiharan tentang pembahagian peruntukan pembangunan kepada negeri-negeri yang kurang maju dan kawasan-kawasan yang kurang maju juga mendapat keutamaan bagi membangun kawasan-kawasan yang tertentu. Dan ada di antara tempat-tempat, kampung-kampung

atau kawasan-kawasan yang tidak kenal atau tahu apakah pengertian pembangunan, kerana selama masa mereka itu ada di tempat itu keadaan yang seperti mula-mula mereka mengenal tempat itu juga samalah yang kata pepatah, "sepuluh jong masuk anjing tetap bercawat ekor juga", ataupun "pelabur habis pelembang tak alah". Dan kedengaran juga kata-kata persoalan ataupun rayuan berbagai tempat mengatakan atau menuduh ada antara mereka yang telah mengakui beberapa kali permohonan untuk membaiki keadaan mereka ini telah dibuat dan ada menyatakan dan mendakwa sudah berbuih mulut untuk mendapatkan hingga masa ini tidak kelihatan sesuatu yang akan mereka minta itu, dan saya yakin ini membawa kepada pengertian kepada rakyat tidak ada tuduhan-tuduhan menyatakan kawasan mereka telah dianak-tirikan oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan bercakap lebih banyak menitekberatkan bidang petani-petani, kerana 100% kawasan yang saya wakili adalah petani-petani bentuk lama di berbagai-bagai bidang. Dalam Rancangan Malaysia Ketiga ada banyak kata-kata yang benar-benar bagi memajukan kawasan-kawasan pertanian bagi meningkatkan hasil pengeluaran pertanian. Dengan itu, saya berpendapat patutlah ditubuhkan satu pasukan khas bagi menerangkan kepada rakyat akan Rancangan Malaysia Ketiga kepada seluruh penduduk kampung-kampung ataupun kawasan-kawasan supaya dapat memahami benar-benar akan tujuan yang sebenarnya dan dalam penerangan itu juga terangkan bagaimana caranya rakyat dapat melibatkan diri dan boleh mendapat rahmat dan nikmat di atas rancangan-rancangan yang disediakan supaya matlamat Kerajaan akan berhasil serta tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sendiri mengakui bahawa petani-petani adalah golongan yang miskin. Di atas kemiskinan mereka itu perlu dibantu supaya keadaannya tidak akan terus-menerus berlaku kepada jenerasinya. Pada pandangan saya petani-petani ini terbahagi kepada beberapa bahagian. Pertama, petani-petani yang tidak mempunyai bidang tanah untuk diusahakan walaupun ada rancangan demi rancangan dibuka, namun peningkatan bilangan yang tidak bertanah masih ramai lagi. Tegasnya mereka ini hanya hidup sebagai buruh antara satu ladang ke suatu ladang dengan mendapat upah yang paling rendah. Kedua,

petani-petani yang bidang tanahnya terlalu kecil bagi diusahakan dan dengan demikian, tentulah tidak mencukupi untuk menampung keperluan hidup keluarga mereka. Golongan petani-petani ini perlulah mendapat layanan yang sebaik-baiknya untuk mendapatkan tanah bagi diusahakan melalui bantuan daripada pihak Kerajaan, dan pemberian tanah ini kepada keseluruhan di dalam negara ini dijadikan satu perkara utama. Kerana apa yang kita fahamkan telah beberapa kali dan beberapa ramai juga Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini berhubung dengan kekurangan tanah selalu dicakapkan. Jadi, saya rasa tentulah pihak yang tertentu patut sangat menyediakan satu rancangan kerja memberikan tanah kepada rakyat yang benar-benar berkehendakkan tanah.

Tanah-tanah yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada rakyat patutlah pula pihak Kerajaan mengadakan satu usaha yang tertentu bagi menyediakan tanah tersebut. Sebabnya mereka yang hendak bekerja di tanah tersebut tentulah tidak ada masa kerana kemiskinan mereka itu. Jadi, penyediaan tanah tersebut dibuat oleh Kerajaan, kemudian diberikan bantuan benih, baja dan mengusahakan dan mengawalinya diberikan kepada peserta-peserta yang terpilih, dan ditugaskan khas dengan seorang pegawai yang khas untuk menjayakan rancangan tersebut. Kepada peserta-peserta yang telah diberikan kawasan tanah tersebut hendaklah dikenakan syarat yang ketat supaya mereka tidak cuai dan jika mereka dapati cuai tanpa sebab-sebab tertentu singkirkan terus ataupun diberikan tugas yang lain membolehkan beliau hidup bersama dengan peserta-peserta se tempat juga. Kerajaan juga menyedari dan akan membaiki keadaan petani-petani, terutama pesawah-pesawah padi yang boleh menyara hidup rakyat tetapi masalah mereka sama sahaja, walau di manapun kita pergi, mereka berkehendakkan taliair yang baik dan tidak ada gangguan daripada mana-mana pihak.

Di sini saya suka memberikan pandangan supaya keadaan pesawah-pesawah dapat mengusahakan sawahnya dengan sempurna, iaitu mana-mana tempat yang kekurangan dan tidak memuaskan taliairnya patutlah diteruskan dengan satu cara yang lebih baik dan lebih berkesan supaya kesemua pesawah-pesawah ini dapat menggunakan air menjayakan sawahnya mengikut jadual yang di-

susun oleh pihak Kerajaan. Disamping itu pula penempatan pegawai-pegawainya janganlah terlalu luas sesuatu kawasan yang dikawal oleh Pegawai Taliair misalnya, sehingga melibatkan perjalanan yang terlalu jauh, akibatnya ada kawasan-kawasan yang tertentu perlu kepada khidmat nasihat langsung tidak mendapat layanan dan tindakan segera untuk mengatasi tidak dapat juga dibuat. Pegawai-pegawai ditempatkan untuk pesawah-pesawah itu biarlah ada pegawai-pegawai yang tertentu, khusus untuk memajukan kawasan sawah sesuatu kawasan itu, yakni Pegawai-pegawai Pertanian dengan bidang khidmat nasihat seperti penggunaan tanah, benih, cara menggunakan baja dan kerosakan disebabkan oleh serangan.

Saya bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat dari Arau kelmarin supaya semua hasil pengeluaran padi di satu-satu kawasan itu dibeli terus oleh Lembaga Padi dan Beras Negara ataupun Lembaga Koperatif Peladang di satu-satu kawasan itu. Kemudian beras yang dibeli itu diproses oleh badan ini dan badan ini juga mengedarkan terus kepada pekedai-pekedai runcit. Ini bermakna seluruhnya akan diusahakan oleh petani-petani bagi mendapatkan hasil ataupun harga yang lebih baik daripada yang ada pada masa sekarang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, pekebun-pekebun kecil getah pun demikian juga. Kebanyakan tanah getah yang ada sekarang adalah merupakan kebun-kebun getah harta pesaka yang bidangnya kecil dimiliki oleh keluarga yang ramai dan tidak dapat diusahakan dengan cara tanaman semula. Dengan itu saya suka mencadangkan jika boleh supaya pihak RISDA dapat meluaskan sedikit bidang bantuannya kepada pekebun-pekebun kecil, yakni dengan mengadakan pekebun-pekebun kecil yang baru yang mana ada di antara setengah-setengah petani ataupun orang-orang kampung mendapat kurniaan tanah daripada pihak Kerajaan Negeri, yakni mereka itu tidak dapat mempunyai kebun getah. Sepatutnya memajukan tanah ini adalah petani itu sendiri tetapi oleh kerana kemiskinan hidupnya maka mereka tidak sanggup untuk mengusahakan tanah tersebut. Oleh yang demikian, saya rasa pihak RISDA perlulah meluaskan sedikit bidang kuasanya

membolehkan tanah-tanah tersebut diusahakan dengan cara bantuan yang berjalan seperti kepada pekebun-pekebun kecil yang ada pada masa sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian kepada pekebun-pekebun kelapa, yakni bolehlah dikatakan kawasan mereka yang ada kebun kelapa tidaklah begitu memuaskan hati pekebun-pekebun kelapa ini. Bolehlah dikatakan begitu kerana harga pasaran yang berlaku pada masa sekarang ini tidak tetap seperti bahan-bahan lain. Jadi saya suka cadangkan mana-mana ada kawasan pengeluaran kelapa hendaklah pihak badan-badan Kerajaan mendirikan kilang bagi memprosesnya untuk dijadikan bahan-bahan kegunaan dalam dan luar negeri, dengan itu pekebun-pekebun kelapa boleh mendapat untung yang lebih sedikit daripada apa yang ada sekarang. Dalam pada itu pun pihak Kerajaan patut dan menasabah dapat kiranya menubuhkan satu badan bagi menstabilkan harga kelapa sepertimana yang telah dibuat kepada bahan-bahan lain yang ada di negara kita ini seperti getah, timah dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, jika usaha-usaha yang diterangkan di atas mendapat perhatian, kita akan dapat mengurangkan berpindahnya penduduk-penduduk luar bandar ke bandar-bandar dan kegunaan tenaga-tenaga mahir dapat diaturkan daripada golongan-golongan belia yang mempunyai pelajaran menengah serta membolehkan corak hidup petani-petani dapat ditukarkan seperti yang dicita-citakan oleh Kerajaan. Disamping itu bolehlah galakan kepada beberapa badan-badan ataupun pihak Kerajaan mengusahakan di kawasan-kawasan pertanian ini mendirikan bandar-bandar ataupun memperbaharui bandar-bandar kecil yang sedia ada dijadikan satu bandar yang sederhana ataupun lebih baik daripada yang ada, kerana apa yang terdapat pada masa-masa ini kebanyakannya Kerajaan galakkan supaya orang-orang Melayu ini menceburkan dirinya dalam lapangan perniagaan. Maka saya rasa ramai di antaranya terdiri daripada orang perseorangan ataupun cara bersyarikat ataupun belia-belia turut serta dengan cara yang berdekik-dikit. Mengikut penglihatan kemampuan mereka untuk berniaga ini telah ada, cuma yang menjadi masalaahnya sekarang kebanyakan peniaga-peniaga kecil daripada luar-luar bandar ini ataupun bandar-bandar kecil di kawasan-kawasan pertanian ini adalah merupakan

peniaga di pasar seolah-olah seperti yang dibangunkan seumpama kandang kuda, yakni bentuknya seolah-olah tempat kuda berihat selepas berlari. Jadi sudah sampailah masanya keadaan ini patut diubah supaya semangat mereka yang ingin berniaga itu dapat diteruskan.

Selain daripada itu mereka juga sanggup menjual cara lambak dari satu pekan ke satu pekan kerana kedapatan beberapa pekan tidak ada tempat, tidak ada peluang orang-orang Melayu atau bumiputra ini hendak berniaga. Jadi di sinilah kekesalan yang kita dengar daripada peniaga-peniaga bahawa pihak Kerajaan hanya menyatakan atau menggalakkan sahaja supaya orang-orang Melayu dan bumiputra ini menceburkan diri di dalam lapangan perniagaan tetapi tempat untuk mereka berniaga tidak dapat disediakan, jadi bagaimanalah pencapaian yang boleh kita banggakan dalam masa 5 atau 10 tahun yang akan datang.

Apa yang kita perhatikan pada masa sekarang ini kebanyakan peniaga-peniaga adalah merupakan peniaga-peniaga keluarga, tetapi peniaga-peniaga bumiputra yang berjalan pada masa sekarang ini hanya si suami sahaja yang berniaga sedangkan isterinya terpaksa pula duduk di rumah. Jadi banyak tempat-tempat yang boleh diusahamajukan oleh pihak Kerajaan bagi menempatkan peniaga-peniaga Melayu, tidak hanya tertumpu kepada bandar-bandar besar sahaja dan cubalah tengok-tengok ke bandar-bandar yang kecil yang mempunyai hasil-hasil pengeluaran yang menyara hidup penduduk di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan juga menyedari tentang modal saham bumiputra sangat kecil nilainya di dalam syarikat-syarikat yang disediakan dan telahpun dipersetujui akan menubuhkan Tabung Pelaburan Bumiputra yang telah diperuntukkan sebanyak \$200 juta seperti yang tercatat di dalam Rancangan Malaysia Ketiga yakni bagi membolehkan Kerajaan membeli modal-modal saham-saham secara pilihan dalam perusahaan yang menguntungkan.

Saya memberikan tahniah di atas keberanian dan kesanggupan pihak Kerajaan berbuat demikian, tetapi pada saya agak sangsi sedikit atau khuatir sedikit, kerana telah diketahui umum bilangan orang Melayu atau bumiputra yang mampu untuk membeli

saham-saham ini adalah terlalu kecil. Kekuatiran saya itu mungkin boleh ditolak atau diterima kerana apa yang ada pada masa sekarang ini berbagai-bagai badan yang disediakan untuk menyimpan wang cara berdikit-dikit pun tidak mampu mereka menyimpan, bagaimana pula hendak membeli saham-saham. Dengan itu saya mohon penjelasan, manakah atau rakyat bumiputra manakah yang mungkin dapat akan saham seperti yang dicadangkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini, sedangkan mereka itu tidak ada apa yang hendak dicagarkan. Saya tidak sanggup mendengar kata-kata bukit juga yang tinggi dan lurah juga yang dalam, sedangkan cita-cita dan hasrat Kerajaan hendak meratakan yang lurah itu dan tidak meratakan bukit yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh tertarik hati di atas ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berhubung dengan membiayai rancangan dengan memastikan pelaksanaan dan dasar kewangan yang waras supaya pembangunan dapat dilaksanakan dengan memuaskan. Nampaknya Kerajaan sedar ada di antara Jabatan-jabatan barangkali telah menyalahgunakan kewangan pembangunan Kerajaan. Oleh itu untuk masa yang akan datang ini perlulah ditubuhkan suatu badan pengawas di bawah Jabatan Perdana Menteri di peringkat Pusat dan di peringkat Negeri pun patut jua diadakan di bawah kuatkuasa Ketua Menteri ataupun Yang Amat Berhormat Menteri Besar supaya tiap-tiap sen yang digunakan dengan seberapa jimat yang boleh dan dasar-dasar yang ada patut dapat diubahsuaikan supaya pembaziran wang Kerajaan tidak berlaku. Di Dewan yang mulia ini, saya ingin memberikan satu contoh. Seorang pegawai Kerajaan yang begitu jujur dan ikhlas di atas perkhidmatannya dan melakukan atas urusan Kerajaan telah membuat tuntutan perjalanan pergi dan balik pada suatu hari dengan nilai \$3.50 iaitu naik teksi. Tetapi tuntutan itu dikembalikan semula kepada pegawai yang berkenaan, kerana tuntutan seumpama ini tidak begitu betul barangkali dan diarahkan pula kepada pegawai yang berkenaan supaya membuat tuntutan sebuah kereta dengan tambang pergi balik berjumlah \$18 dan bayaran ini diakui benar adanya. Jadi, perkara-perkara seperti ini saya rasa tidaklah patut berlaku lagi di masa-masa yang akan datang. Apa yang saya sebutkan

ini adalah benar-benar ikhlasnya pegawai yang berkenaan membuat tuntutan yang sebenar-benarnya berlaku dan dia tidak hendak mengambil sebagai tuntutan harian-nya.

Tuan Yang di-Pertua, susunan Rancangan Malaysia Ketiga adalah sungguh baik dan saya percaya semua golongan rakyat akan menyokongnya dan menerima, kerana apa yang kita lihat pada masa sekarang apa juga rancangan atau badan-badan yang ditubuhkan oleh Kerajaan mendapat sambutan yang menggalakkan oleh semua golongan rakyat. Contohnya, Kerajaan menubuhkan Rancangan Buku Hijau, Penubuhan Jawatankuasa Kemajuan Kampung, Kerajaan menubuhkan pula Ikatan Relawan Rakyat (RELA). Semua kampung-kampung di luar bandar dan dalam bandar berusaha menubuhkan dan kemudiannya pula di bandar-bandar atau di kampung-kampung baru digalakkan penubuhan Rukun Tetangga. Penerangan-penerangan diberikan dengan berbagai cara supaya rakyat menyertai atau melibatkan diri di dalam usaha-usaha Kerajaan untuk perpaduan negara ini. Tetapi perlaksanaannya, katalah Jawatankuasa Kemajuan Keselamatan Kampung, tidak ubah seperti budak suruhan. Apa-apa juga perkara yang diputuskan di dalam mesyuarat itu untuk dikemukakan kepada pihak-pihak yang tertentu tidak mendapat layanan dan jawapan yang tertentu. Demikian juga pihak Jawatankuasa Kemajuan Kampung itu benar-benar sungguh hendak memajukan kampungnya supaya kampungnya maju dan selamat. Pihak Kerajaan ada kalanya mencadangkan di kawasan tersebut suatu projek yang bernilai di antara \$2 ribu hingga \$5 ribu ke bawah. Pihak Jawatankuasa Kemajuan Kampung ini pergi memohon supaya pihak Jawatankuasa ini sendiri dengan cara melaksanakan sebutharga. Tetapi malang, kerana pihak pegawai pentadbir menolak dan perkara ini mestilah dihuat melalui tender. Pada hal, pada pandangan saya usaha-usaha yang bernilai di antara \$2 ribu hingga \$5 ribu itu boleh Jawatankuasa kemajuan Kampung ini membuatnya dengan lebih baik dan lebih sempurna dan mereka ini benar-benar menyertai dan menyambut seruan-seruan Kerajaan supaya rakyat hendaklah sama-sama dapat melaksanakan dengan secara gotong-royong. Jadi dengan cara ini, saya rasa pihak rakyat akan dapat

melibatkan diri benar-benar tetapi telah ditolak. Apalah akan jadi nilai wang yang begitu banyak disia-siakan sahaja.

Kemudian ditubuhkan pula RELA. Maka ramailah pemohon-pemohon datang bertanya bagaimana hendak menjadi ahli RELA dan apa faedahnya menjadi ahli RELA. Maka pegawai penerangan ini akan memberikan penerangan, tiap-tiap ahli RELA akan dibekalkan senjata, tiap-tiap sebuah kampung digalakkan menubuhkan satu yunit 10 orang, tiap-tiap 10 orang ini diberi tiga senjata. Mereka yang mendapat senjata ini ataupun mereka yang telah ada senjata adalah digalakkan menyertai di dalam RELA ini. Dengan yang demikian, mudah mereka mendapat atau membarui lesennya. Tetapi sudah setahun ada setengah-setengah kampung itu bila kata RELA sahaja, katanya RELA yang tak tentu hala, boleh jadi dikata gila. Sebab apa? Dia mengharapkan senjata itu di samping mereka itu memajukan usaha untuk pertanian mereka atau menjayakan bumi jaya ataupun rancangan Buku Hijau peringkat pertama ada musuh-musuh yang merosakkan tanaman mereka. Jadi dengan mengikut penerangan yang asal senjata yang diberi ini boleh menembak musuh-musuh yang ada di sesuatu kawasan itu. Jadi, pelaksanaan rancangan ini nampaknya tidak ubahlah seperti indah khabar dari rupa.

Kemudian, Tuan Yang di-Pertua, berbalik pula kepada peruntukan yang disediakan oleh pihak Kerajaan untuk memajukan kawasan-kawasan yang tertentu. Jadi, saya suka lah memberikan pandangan supaya tidak berbangkit lagi kata-kata yang menyayat hati bila diadakan dialog dan sebagainya. Ada tempat-tempatnya, kawasan-kawasan yang tertentu pada tempat yang saya telah saksikan; sebelum merdeka dahulu di kampung kami ada jalanraya, setelah kita merdeka jalannya sudah tak ada. Apakah ini pengertian merdeka? Kemudian kita galakan rakyat di kampung supaya anak-anak mereka jadi orang-orang bijak pandai, dengan bijak dan pandainya anak-anak kita di kampung atau anak-anak petani ini boleh menggantikan kita yang ada di dalam Dewan ini untuk meneruskan pentadbiran negara. Bagaimanakah mereka boleh hidup sedangkan air yang mereka minum dari sungai yang keruh? Bagaimanakah mereka boleh membaca waktu malam sedangkan lampunya masih

lagi lampu gas? Jadi di atas pemberian peruntukan yang telah diperuntukkan ini saya tidak nampak bahawa kawasan saya mendapat keuntungan yang banyak, kerana apa yang saya sebutkan di dalam kawasan ini pentadbirannya terbahagi kepada tiga. Yang terlibat cuma satu tempat sahaja, dua tempat lagi tidak pernah mengadakan rundingan untuk penyesuaian projek-projek bagi kawasan yang saya wakili itu. Dengan yang demikian, saya rasa pihak Kerajaan Negeri hendak mengasingkan kawasan tersebut dengan suatu daerah yang baru. Jadi, saya harap kepada pihak-pihak yang tertentu di peringkat pusat terutama sekali Badan Perancang Ekonomi supaya tidak mensesiakan akan hasrat dan cita-cita supaya rakyat di kawasan yang tersebut dapat dibangunkan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada dua minit lagi.

Tuan Abu Bakar bin Arshad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Di sini nyatalah kepada kita semua di Dewan yang mulia ini apa juga rancangan tentu mendapat sambutan tetapi yang disangsikan adalah pelaksanaan bagi mencapai cita-cita murni Kerajaan. Semuanya adalah terletak kepada kebijaksanaan, budi bicara dan daya-usaha yang sungguh-sungguh dengan penuh semangat kejujuran kepada pegawai serta kakitangan Kerajaan atau badan-badan berkanun kerajaan ataupun pihak swasta yang benar-benar ingin membantu bagi membaiki kedudukan giat negara Malaysia ini. Kepada pegawai-pegawai dan kakitangan yang terlibat dalam pelaksanaan dasar-dasar kerajaan patutlah sedar akan tanggungjawab mereka dan dapat menyediakan diri dari sekarang akan rancangan kerja dari tahun kepada bulan, ke minggu, ke hari dan kalau boleh pada jam sekali kerana telah ada garis-garis panduan dari pengalaman-pengalaman Rancangan Malaysia Kedua yang lalu. Terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tak ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang hendak bercakap hari ini.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN

Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apapun usul yang telah diputuskan petang tadi mengenai masa Persidangan mengikut Peraturan Mesyuarat 12 (1), Dewan ini ditangguhkan sekarang.

Tuan Abdullah Majid: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa walau apapun usul yang telah diputuskan petang tadi mengenai masa Persidangan Mengikut Peraturan Mesyuarat 12 (1), Dewan ini ditangguhkan sekarang.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya suka memaklumkan iaitu Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput telah bersetuju menangguhkan Ucapan Penangguhannya sehingga satu tarikh yang akan diberitahu kelak di dalam persidangan Parlimen ini juga.

Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari esok, Rabu, 21hb Julai, 1976.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.06 malam.